

MEMOIR
ABDUL MAJID
SALLEH



Haji Abdul Majid Salleh



Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia

- Arena Wati. 1991. *Memoir Arena Wati: Enda Gulingku*. ISBN 967-942-220-8 (paper back), ISBN 967-942-16-X (hard cover)
- A. Samad Ismail. 1993. *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. ISBN 967-942-266-6 (paper back), ISBN 967-942-263-1 (hard cover)
- Mohd. Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. ISBN 967-942-267-4 (paper back)
- Shaharom Husain. 1996. *Memoir Shaharom Husain: Selingkar Kenangan Abadi*. ISBN 967-942-332-8 (paper back), ISBN 967-942-331-X (hard cover)
- Ishak Hj. Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. ISBN 967-942-334-4 (paper back), ISBN 967-942-333-6 (hard cover)
- Takao Fusayama. 1997. *Memoir of Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya and Sumatera*. ISBN 967-942-342-5 (paper back)
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1998. *Biografi Jins Shamsudin: Suria Kencana*. ISBN 967-942-398-0 (paper back), ISBN 967-942-395-6 (hard cover)
- Abdul Halim Nasir. 1998. *Memoir Abdul Halim Nasir: Dari Kampung Sekolah ke Menara Gading*. ISBN 967-942-394-8 (paper back), ISBN 967-942-393-X (hard cover)
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. ISBN 967-942-432-4 (paper back)
- Hickling R. H. 2000. *Memoir of a Wayward Lawyer*. ISBN 967-942-468-5 (paper back)
- Khatijah Sidek. 2001. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-464-2 (paper back), ISBN 967-942-544-4 (hard cover)
- Kalam Hamidi. 2001. *Memoir Kalam Hamidi: Dari Panggung Victoria ke Istana Budaya*. ISBN 967-942-556-8 (paper back)

435571

- Harun Johari. 2002. *Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati*. ISBN 967-942-564-9 (paper back)
- Zurinah Hassan. 2003. *Memoir Zurinah Hassan: Menjejak Puisi*. ISBN 967-942-602-5 (paper back)
- Kalam Hamidi. 2003. *Fatamorgana: Kembara dari Nusantara ke Eropah*. ISBN 967-942-624-6 (paper back)
- Anwar Abdullah. 2004. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*. ISBN 967-942-645-9 (paper back), ISBN 967-942-648-3 (hard cover)
- Ahmad Boestamam. 2004. *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*. ISBN 967-942-612-6 (paper back), ISBN 967-942-620-3 (hard cover)
- Hamzah Hussin. 2004 (Cetakan Kedua). *Memoir Hamzah Hussin: Dari Keris Filem ke Studio Merdeka*. ISBN 967-942-360-3 (paper back), ISBN 967-942-358-1 (hard cover)
- Ghazali Shafie. 2004 (Cetakan Kedua). *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*. ISBN 967-942-364-6 (paper back), ISBN 967-942-363-8 (hard cover)
- Shamsiah Fakeh. 2004. *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*. ISBN 967-942-659-9 (paper back)
- Ibrahim Chik. 2004. *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen Ke-10*. ISBN 967-942-666-1 (paper back)
- Khatijah Sidek. 2004 (Cetakan Kedua). *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. ISBN 967-942-308-5 (paper back), ISBN 967-942-309-3 (hard cover)
- Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004. *Dari Menara Gading ke Mercu Korporat: Biografi Rashdan Baba*. ISBN 967-942-677-7 (paper back), ISBN 967-942-644-0 (hard cover), ISBN 967-942-678-5 (student edition)
- Abdul Majid Salleh. 2004. *Memoir Abdul Majid Salleh dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*. ISBN 967-942-673-4 (paper back)

M

923.29595

AMS

M
1172234

26 APR 2005
Perpustakaan Negara
Malaysia

MEMOIR
ABDUL MAJID
SALLEH

Dalam **PKMM** dan
KESATUAN Buruh

DENGAN PUISI PERJUANGAN

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2004
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2004

Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004

Sebahagian kandungan buku ini asalnya karya Haji Abdul Majid Salleh daripada judul *Untuk Mu Anak Merdeka* (Syarikat Nadhi Edar Sdn. Bhd. 1991)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA

<http://www.penerbit.ukm.my>

e-mel: penerbit@pkriscc.ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the

PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

No. Ahli / Membership No. 198302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by

PERCETAKAN WATAN SDN. BHD.

26, Jalan Daud, Kampung Bharu

50300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Abdul Majid Salleh, 1923-

Memoir Abdul Majid Salleh dalam PKMM dan Kesatuan Buruh / Abdul Majid Salleh.

(Siri memoir Universiti Kebangsaan Malaysia)

Dengan Puisi Perjuangan

Indeks hlm. 179

1. Abdul Majid Salleh, 1923-. 2. Nationalists--Malaysia--Biography.

3. Labour--Malaysia--Biography. 4. Politicians--Malaysia--Biography.

I. Judul. II. Siri.

923.29595

ISBN 967-942-673-4

K a n d u n g a n

Senarai Gambar . . . 9

Senarai Singkatan . . . 10

Prakata . . . 13

Pendahuluan . . . 15

BAHAGIAN I: UNTUKMU ANAK MERDEKA

Tirai Sejarah Mula Dibuka . . . 19

1 Penubuhan PKMM . . . 21

2 Merdeka! Cogan Kata Bersemangat . . . 30

3 Gerakan Buruh . . . 41

4 Pengalaman dalam Gerakan Johore South
Federation of Trade Union (JSFTU) . . . 48

5 Perjumpaan Umum Menentang
Malayan Union . . . 58

6 Peranan Penerangan . . . 66

7 Perbezaan Dasar Perjuangan Antara
UMNO-PKMM . . . 78

8 Hizbul Muslimin . . . 87

9 Bank Parti Kebangsaan Melayu Malaya . . . 89

10 Sikap Pemuda Pemudi Melayu Tahun 40-an . . . 91

11 Sikap Umum Orang Melayu Tahun 40-an . . . 96

12 Cara-cara Orang Melayu Malaya Berfikir . . . 98

13 Penutup . . . 106

BAHAGIAN II: KE MANAKAH AKHIRNYA
PERJUANGAN 1948-88?

<i>Awal Mula . . .</i>	<i>119</i>
Parti Kebangsaan Melayu Malaya . . .	<i>121</i>
Zaman Wang Pokok Pisang . . .	<i>126</i>
Bermulanya Detik Perjuangan . . .	<i>131</i>
Undang-undang Darurat Diisytiharkan (Emergency Regulation Declared) . . .	<i>145</i>
Khemah Tahanan (Detention Camp) . . .	<i>149</i>
Negara Merdeka . . .	<i>161</i>
Untukmu Anak Merdeka . . .	<i>173</i>
Akhir Kalam . . .	<i>177</i>
<i>Indeks . . .</i>	<i>179</i>

Senarai Gambar

Antara halaman 88 dan 89

- GAMBAR 1 Sebahagian dari tahanan Darurat 1948-54 di Ashby Road Detention Camp, Ipoh. Abdul Majid Salleh pertama dari kiri baris hadapan
- GAMBAR 2 Abdul Majid Salleh bersama rakan seperjuangan di kem Tahanan Morib, Selangor, 29 November 1953
- GAMBAR 3 Selaku ketua PRM Perak, Abdul Majid Salleh menghadiri Kongres Parti Rakyat Malaya di Pulau Pinang, 1962
- GAMBAR 4 Rombongan Haji dari Jajahan Sin Kiang, China bergambar bersama-sama Abdul Majid, 1990
- GAMBAR 5 Bangunan Foch Avenue, Kuala Lumpur yang pernah menjadi pejabat Parti Komunis Malaya
- GAMBAR 6 No. 2, Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) adalah bangunan yang pernah menjadi ibu pejabat PKMM, AWAS dan API
- GAMBAR 7 Ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur, 1956
- GAMBAR 8 Karya Abdul Majid Salleh *Dunia Saja Begitu* diterbitkan pada 1974
- GAMBAR 9 Sebuah lagi karya Abdul Majid Salleh yang diterbitkan oleh Rakyat Trading Co. Ltd., Hale Street Ipoh, 1965
- GAMBAR 10 Kulit buku *Untukmu Anak Merdeka* yang asalnya diterbitkan pada 1991 menjadi inti edisi terbitan buku ini
- GAMBAR 11 Abdul Majid tetap bersemangat memberikan ucapan dalam 'Dialog Merdeka' di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategik UKM pada 23 Ogos 2002

Senarai Singkatan

AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AP	Additional Police
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	British Military Administration
CIF	Cost, Insurance, Freight
DO	District Officer
FOB	Free on Board
GEC	General Electric Company
HAMIM	Hizbul Muslimin (Tentera Muslimin)
ILO	International Labour Organisation
IMP	Independent Malaya Party
INA	Indian National Army
JSFTU	Johor South Federation of Trade Union
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
MATA	Majlis Islam Tertinggi
MB	Menteri Besar
MBE	Member of the British Empire
MCA	Malayan Chinese Association
MCP	Malayan Communist Party
MDU	Malayan Democratic Union
MNP	Malay Nationalist Party
MPAJA	Malayan People Anti Japanese Army
NUPW	National Union of Plantation Workers
OBE	Officer of the British Empire
OCPD	Officer in Charge Police District
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PETA	Pencinta Tanah Air
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan Malayan Federation of Trade Union
PSMS	Persatuan Sosial Melayu Singapura
PUSPA	Persatuan Persuratan Anak-anak Perak

PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PUTERA-AMCJA	Pusat Tenaga Rakyat – All Malayan Council of Joint Action
UMNO	United Malays National Organisation
SC	Special Constable
STB	Singapore Telephone Board
STC	Singapore Traction Company
TNI	Tentera Nasional Indonesia
WFTU	World Federation of Trade Union

Prakata

Kumulai dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Terlebih dahulu saya meminta maaf kepada pembaca terutamanya anak-anak Merdeka, kerana buku ini ditulis tidak mengikut sastera moden sebagaimana yang dipelajari oleh anak-anak Merdeka sekarang.

Saya tulis mengikut bentuk tulisan anak jajahan kerana saya lahir pada zaman penjajah. Walaupun mungkin saya boleh menulisnya kalau dirangka-rangka tetapi saya berasa keberatan untuk berbuat demikian. Saya berasa sastera moden itu susah hendak difahami oleh orang yang tidak bersekolah Inggeris kerana sastera moden itu banyak bahasanya yang berkahwin dengan Inggeris. Saya rasa cukuplah orang Melayu sahaja yang berkahwin dengan orang Inggeris, tetapi anak-anak Merdeka berasa kurang puas lagi maka dikahwinkan pula bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Apabila disebutkan bunyinya, menjadi Inggeris bukan, Melayu pun bukan dan bertukarlah ia menjadi bahasa kutu pekan.

Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk menulis dalam bentuk bahasa Melayu yang paling mudah dan senang difahami oleh semua lapisan masyarakat bangsa Melayu.

Apa yang ingin saya paparkan ialah maksud tulisan itu sahaja dan bukannya bunga bahasa yang meleret-leret dan ayat yang berputar belit serta penerangan yang berulang-ulang. Begitulah dengan hal yang lain-lain.

Haji Abdul Majid Salleh

Pendahuluan

Kutulis buku ini ialah kerana kawan-kawanku dan anak Merdeka yang mengaku jahil akan sejarah tanah airnya. Anak Merdeka di sini ialah anak-anak yang lahir selepas 1957. Mereka tertanya-tanya bagaimanakah negara ini boleh merdeka tanpa pertumpahan darah pada lahirnya sebagaimana Indonesia dan siapakah pula perancang asalnya sehingga negara ini berakhir dengan taraf negara Merdeka yang diakui oleh dunia.

Itulah soal yang selalu aku terima, sedangkan mereka menyangka aku lebih mengetahui daripada mereka. Sekurang-kurangnya aku lebih tua daripada mereka. Mereka adalah bertaraf anak-anakku belaka nisbah kepada umur mereka, sedangkan anak-anakku sendiri lebih tua daripada mereka.

Anak-anak Merdeka sekarang ada juga yang maju cara berfikir kerana ramai benar yang berkelulusan tinggi. Oleh itu, mereka hendak tahu bagaimana dengan tiba-tiba sahaja mencapai kemerdekaannya tanpa sejarah perjuangan yang berliku-liku jika dibandingkan dengan negara lain yang memperjuangkan kemerdekaannya seperti Algeria, Vietnam, Kemboja, Afrika Selatan dan banyak lagi.

Kecuali Indonesia dan India; tetapi India pada asalnya tidak ada Pakistan kemudian pecah, muncul negara Pakistan dan dari Pakistan pula pecah lagi menjadi Bangladesh. Bangladesh ialah pecahan dari Pakistan.

Yang berbeza ialah Indonesia, setelah merdeka dengan kekuatan tentera yang gagah berani melawan serangan Belanda maka mereka berjuang lagi untuk mendapatkan Papua New Guinea (Irian Barat). Mereka berjaya, sedangkan Malaysia pula pada asalnya ialah Malaya sahaja kemudian dipakat-pakat pula Sabah dan Sarawak, Brunei dan Singapura, maka bertukar menjadi Malaysia.

Sementara Brunei menolak untuk menyertai Malaysia dan Singapura pula sudah masuk Malaysia beberapa lama kemudian ditolak pula dari Malaysia oleh kerajaan Malaysia. Hanya yang tinggal ialah Sabah dan Sarawak sahaja yang menganggotai gagasan Malaysia ini sekarang.

Tetapi bagaimana Malaysia ini mencapai kemerdekaannya? Adakah dengan belas kasihan penjajah Inggeris sahaja atau dengan

sebab berkawan baik sebagai hadiah atau dengan sebab takut tumpah biar teleng dan bermacam lagi yang akan menjadi tanda tanya kepada mereka dan kepada keturunan yang akan datang. Tanda tanya yang tidak terjawab. Jawapannya hanyalah mengikut ramalan masing-masing walaupun ada jika tidak diberi sedikit gambaran yang boleh untuk dijadikan panduan.

Oleh itu sebagai menjawab soalan-soalan tersebut maka aku cuba menulis untuk menjawabnya dari apa yang aku ketahui dan apa yang aku lihat dan apa yang aku rasa, sekadar mana yang aku mampu, untuk mengingati kembali lakonan yang telah berlalu selama lebih daripada 50 tahun yang silam. Aku tidak pula membantah jikalau ada pula yang lebih tahu lagi, maka kita tanya pula mereka nanti untuk menambahkan lagi sejarah perjuangan kemerdekaan di tanah air kita ini.

Aku tidak dapat menulis sepenuh kejadian yang telah berlaku kerana segala surat-menyurat (dokumen) mengenai perjuangan telah tiada, di antaranya, ada yang dirampas Inggeris semasa menyerbu, menyelongkar markas kami dahulu dan ada yang hilang begitu sahaja semasa aku ditahan. Mungkin dibakar oleh keluargaku yang tinggal di luar dan ada yang aku tanam telah menjadi tanah, yang ada hanyalah dokumen di kepalaku sahaja yang tinggal.

Di sini sebelum aku menulis lebih jauh maka adalah lebih baik aku terangkan dahulu bagaimana kawan-kawanku amat cenderung meminta aku menulis sejarah tersebut. Sebenarnya kawanku mengetahui bahawa aku adalah bekas tahanan Darurat pada 1948-54, bukannya tahanan ISA kerajaan selepas Merdeka. Tahanan Darurat ialah mereka yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada British.

Aku ditahan tujuh tahun terus-menerus di penjara Johor Bahru, Penjara Autram Road, Singapura dan Penjara Changi, Singapura; juga dimasukkan ke dalam khemah tahanan (Detention Camp) Majeedi, Johor Bahru; Pulau Sekijang (St. John Island) Singapura; Tanjung Beruas, Melaka; Ashby Road, Ipoh (Ashby Rd. Detention Camp) sekarang bertukar menjadi Stadium Perak, dan akhir sekali di Morib, Selangor. Aku juga merasa dimasukkan ke dalam tiga buah lokap iaitu di Kampar, Segamat dan Johor Bahru.

Sebelum aku ditangkap di bawah kuasa Undang-undang Darurat pada 1948, aku telah ditangkap kali yang pertama pada 1947 atas tuduhan mengugut di bawah Undang-undang Jenayah 506. Aku dibicarakan selama tiga bulan, akhirnya bebas tanpa syarat di mahkamah Segamat juga. Officer in Charge Police District (OCPD) orang putih itu merungut kerana tuduhan tidak diterima.

Begitulah halnya apa yang telah berlaku kepadaku pada masa itu. Sekarang marilah pula kita tinjau daripada mulanya perjuangan itu dilancarkan dan siapakah orang yang mula-mula sekali merencangnya.

Bahagian I

Untukmu Anak Merdeka

Tirai Sejarah Mula Dibuka

Sebenarnya perjuangan Indonesia menuntut kemerdekaannya memanglah menjadi tumpuan utama kepada anak-anak Melayu yang berketurunan Indonesia pada masa itu. Setiap gerak-geri perjuangannya menjadi perhatian belaka. Ringkasnya semasa Indonesia menubuhkan tentera semut, kami di sini juga tahu. Tentera semut bererti budak belasan tahun disuruh pergi mencuri senjata musuh di dalam kem-kem askar yang mana pada mulanya askar itu tidak tahu akan peranan anak-anak ini.

Tentera wanitanya memang biasa sahaja iaitu lengkap dengan pakaian seragamnya. Ada askar wanita yang telah membunuh Belanda atau Jepun kemudian dikerat kepalanya dan dibawa kepada Soekarno untuk disaksikan. Apabila Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya pada tanggal 17 Ogos 1945, maka di situlah awal mulanya pemuda-pemuda yang ada di Ipoh ini mencari-cari siapakah yang ada semangat untuk berjuang menuntut kemerdekaan Malaya pula.

Masa itu adalah masa yang paling sesuai sekali kerana penjajah sedang sibuk dan semua urusannya belum teratur lagi. Rakyat yang sedar mestilah mengambil kesempatan di atas suasana yang paling sesuai itu.

Penubuhan PKMM



Pada hari penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) saya tidak hadir. Tetapi saya diberitahu kemudian walaupun pada hari penubuhannya saya berada di Simpang Ampat, Kampar. Ahli Jawatankuasa sementara yang dilantik di antaranya ialah Ahmad Boestamam, orang Behrang, keturunan Minangkabau; Swito, orang Air Kuning, Kampar, keturunan Jawa; Ustaz Baharuddin Tahir, orang Kuala Kangsar, keturunan Kerinci; Dahari Ali, orang Sungai Raya, keturunan Rawa; Rahman Rahim, orang Tanjung Rambutan, keturunan Mendahiling; Mokhtaruddin Lasso, orang Bidor, keturunan tidak diketahui; Arshad, orang Bidor, keturunan Rawa; Abdullah C.D., orang Lambor, keturunan kemungkinan Minang; Musa Ahmad, orang Pengkalan Baru Gopeng, keturunan Talu. Inilah di antara ahli jawatankuasa awalnya yang saya ingat kalau tidak salah. Hasil dari pertemuan itu lahirlah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) atau dalam bahasa Inggerisnya disebut Malay Nationalis Party (MNP).

Tidak lama sesudah penubuhan itu maka sebuah surat khabar diterbitkan oleh Rakyat Trading, 29, Hale Street, Ipoh sebagai suara rasmi PKMM.

Rakyat Trading ini adalah milik PKMM juga. Akhbar tersebut diberi nama *Suara Rakyat* berukuran sama seperti surat khabar *The Star* yang ada sekarang.

Kandungan akhbar ini adalah 100 peratus politik sama ada dalam negeri, luar negeri atau ulasan semasa. Penulis-penulis dan ketua pengarangnya pada peringkat awal dianggotai oleh ahli jawatankuasa penaja itu sendiri, kerana mereka semuanya boleh menulis dan berfikir dengan baik.

Inilah cawangan yang pertama ditubuhkan sebelum cawangan-cawangan lain di seluruh Malaya. Berkaitan dengan penerbitan akhbar, orang yang pertama sekali diberi amaran ialah Ismail Haji Qoli kerana tulisan beliau dalam *Suara Rakyat* yang berjudul 'Orang Melayu mulut disuap pisang, punggung dikait dengan onak'. Amaran

itu datangnya daripada OCPD Kampar. Siapakah yang memberitahu orang putih itu sedangkan dia tidak tahu membaca Jawi. Dari tarikh tersebut PKMM mula berkembang dengan cepatnya seperti cendawan tumbuh di mana-mana.

Beberapa minggu kemudian setelah tertubuhnya PKMM, maka ditubuhkan pula cawangannya yang pertama iaitu sebelum tertubuhnya cawangan lain di seluruh Malaya. Cawangan pertama itu ialah di Simpang Ampat, Kampar, Perak. Cawangan ini dipimpin oleh Ismail Haji Qoli. Beliau juga menjadi Yang Dipertuanya yang pertama. Saya adalah salah seorang ahli jawatankuasanya sahaja, sementara Salleh Nakhoda Hitam, bekas wakil rakyat Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Buntong, Ipoh adalah juga seorang ahli jawatankuasanya selama sepuluh tahun.

Setelah itu PKMM pun mula berkembang dengan pesatnya seperti cendawan tumbuh selepas hujan.

Perkembangan pesat itu berlaku mungkin disebabkan oleh kesedaran rakyat atau kerana kebijaksanaan pemimpin, kedua-duanya menjadi penyumbang. Di sini elok juga diberitahu bahawa Ismail Haji Qoli ialah seorang yang berketurunan Kerinci dari Sumatera. Sementara, Salleh Nakhoda pula orang Kampar, Sumatera juga. Ramai lagi ahli jawatankuasa Simpang Ampat ini yang saya lupa akan nama mereka.

Latar belakang ahli jawatankuasa sementara iaitu Dahari Ali, berkelulusan Inggeris; Arshad Ali, berkelulusan Inggeris; Ahmad Boestamam, berkelulusan Inggeris; Mohammad Swito, berkelulusan tidak diketahui; Mokhtaruddin Lasso, berkelulusan tidak diketahui; Rahman Rahim, berkelulusan tidak diketahui; Musa Ahmad, berkelulusan Inggeris, agama dan Arab dan Abdullah C.D., berkelulusan Inggeris.

AJK Johor Ditubuhkan Awal 1946

Setelah tertubuhnya cawangan PKMM di Simpang Ampat, Kampar, saya dan ahli jawatankuasa lain bergerak untuk menyedarkan rakyat supaya menyokong perjuangan PKMM untuk mendapat kemerdekaan bagi tanah air dan bangsa. Ini dapat saya lakukan hanya dalam tempoh beberapa bulan sahaja, kerana pada akhir 1945 saya berpindah ke Kluang, Johor. Sejak itu saya tidak lagi tahu perkembangan PKMM di Simpang Ampat itu.

Oleh kerana dasar perjuangan kami ialah di mana kita berada, maka di situ kita berjuang, maka dasar saya pun begitulah juga.

Apabila berada di Johor tindakan saya yang pertama adalah mencari orang yang boleh menghubungkan saya ke seluruh negeri dan akhirnya dapat ditubuhkan cawangan PKMM Johor pada awal 1946.

Bagi kawasan Segamat, Muar, Batu Pahat, Pontian, Johor Bahru dan Kota Tinggi, masing-masing menghantar wakil kecuali Mersing, sedangkan wakil Kluang adalah saya sendiri. Pada perjumpaan tersebut Mat Haji Rahim dipilih menjadi ketua dan saya menjadi timbalan.

Oleh kerana saya terlalu budak lagi, belum sampai 22 tahun maka saya cadangkan supaya Mat Haji Rahim menjadi ketua, walaupun para perwakilan ramai yang memandang kepada saya. Umur Mat Haji Rahim lebih empat hingga lima tahun agaknya daripada saya.

Mengenai pengendalian kegiatan parti untuk ke seluruh negeri Johor, saya yang melakukannya. Manakala Mat Haji Rahim pula hanya perlu menyatakan persetujuan sahaja terhadap apa yang saya lakukan. Beliau tidak dapat bergerak cergas kerana beliau adalah kakitangan kerajaan, iaitu seorang pegawai pelajaran negeri. Dan kerana itu jugalah kawan-kawan meminta saya yang menulis akan sejarah perjuangan bangsa Melayu untuk kemerdekaan Malaya. Sementelahan pula pada masa itu ada orang Melayu di Malaya ini yang masih termakan akan racun Inggeris yang mengatakan orang PKMM itu ialah Komunis, atau penjahat, pengacau dan sebagainya. Mungkin hingga sekarang ini pun masih ada yang berfikiran begitu.

Penglibatan Dr. Burhanuddin dalam PKMM

Dr. Burhanuddin al-Helmy ialah orang Kota Bharu, Gopeng, Perak. Pada awalnya beliau mengaji di Pondok Tuan Guru Haji Mohammad Yunus, Malim Nawar, Perak. Kemudian berangkat menyambungkan pelajarannya ke Indonesia sambil menceburkan diri dalam kegiatan politik berhaluan kiri.

Tidak lama kemudian beliau menyambungkan pengajiannya ke Universiti Aligrah, India. Hampir Perang Dunia Kedua meletus beliau pulang ke tanah air. Semasa Jepun memerintah Malaya, Soekarno pernah mengunjungi beliau yang ketika itu berada di Taiping, Perak. Kunjungan Soekarno itu adalah untuk merancang perjuangan kemerdekaan Indonesia - Malaya.

Di Malaya rancangan ini menemui kegagalan kerana anak-anak muda Melayu pada masa itu lebih terpengaruh untuk menjadi junsu, heho, giutai dan giugun, iaitu mata-mata, polis rahsia atau suka-relawan kepada pemerintah tentera Jepun. Maka orang yang diharap

atau tenaga yang boleh melaksanakannya kini nyata telah menyebelahi pihak tentera Jepun.

Kebolehan Dr. Burhanuddin

Dr. Burhanuddin ialah seorang yang benar-benar alim dalam ilmu dan bidang agama Islam. Ketinggian ilmunya memang sukar hendak ditandingi. Beliau menguasai semua pelat bahasa Arab yang berlainan itu. Beliau ahli tafsir al-Quran dan al-Hadis yang ulung dan menguasai nahu saraf dan segala yang berhubung dengan sastera Arab.

Selain itu, beliau juga boleh bertutur dan menulis dengan fasihnya dalam bahasa Urdu, Belanda, Inggeris, Perancis dan Jerman. Ertinya beliau berkebolehan menguasai tujuh bahasa besar dunia. Kadangkang terfikir juga oleh kita seolah-olah kurang percaya, tetapi di Indonesia ada ramai orang yang boleh bertutur dan menulis sebanyak 12 bahasa besar dunia.

Inilah kebolehan Dr. Burhanuddin yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya yang tidak ada pada orang Melayu atau orang Islam lain yang ada di Malaya ini pada masa itu. Selain berkelulusan sebagai doktor Homeopati, beliau juga menerima anugerah Profesor dari Universitas Gadjahmada, Indonesia. Kebolehan sampingannya ialah, beliau pandai berqasidah dengan suaranya yang amat baik. Apabila berqasidah, bibirnya sentiasa merah, mungkin kerana beliau tidak merokok.

Orangnya tidak banyak akal (simple) mudah, tidak banyak kira sesuai dengan amalan tasawufnya. Sesiapa yang bertemu dengan beliau akan tertarik walaupun perjumpaan itu hanya sementara waktu sahaja.

Dr. Burhanuddin adalah seorang yang mudah diajak berbicara, sesuai dengan amalan tasawuf yang dipraktikkannya. Sesiapa yang bertemu beliau akan tertarik dengan tingkah lakunya walaupun perjumpaan itu berlaku dalam waktu yang singkat. Atas tuntutan perjuangan, beliau pernah pergi ke India dan Burma dengan diiringi oleh Abdullah C.D., Salleh Daud dan Ibu Zain Sulaiman. Ibu Zain dibawanya sebagai penterjemah kepada ucapan beliau.

Di India beliau berjumpa Nehru dan di Burma beliau berjumpa Ong Sang. Beliau biasanya memberitahu saya di mana beliau akan memberi ceramah umum. Rakyat India ingin mendengar berita terhadap perjuangan menuntut kemerdekaan rakyat Malaya. Oleh itu di mana sahaja Dr. Burhanuddin memberi ucapan, manusia yang hadir tidak terkira ramainya. Kehadiran Ibu Zain pada setiap ceramah

umum di India membawa erti bahawa wanita Melayu di Malaya mampu berjuang bersama-sama kaum lelaki bagi kemerdekaan tanah air.

Semasa pemergian mereka ke India, terdapat fitnah daripada orang-orang UMNO bahawa Dr. Burhanuddin akan berkahwin dengan Ibu Zain. Banyak orang bertanya kepada kami mengenai berita palsu itu. Ibu Zain adalah seorang yang petah apabila berceramah. Beliau tidak lupa menyelitkan pantun yang berbentuk perjuangan pada setiap ceramahnya. Orang Melakalah katakan!

Saya rasa mungkin berumur juga orangnya pada masa itu, jika dibandingkan dengan umur saya memanglah jauh sangat. Kami ramai memanggil beliau dengan gelaran Ibu sahaja dan beliau lebih senang dipanggil dengan gelaran itu.

Perawakannya menarik juga pada masa itu, orangnya peramah, baik hati juga tidak banyak kira. Kelulusan Ingerisnya mungkin wanita yang pertama di Malaya ini yang sezaman dengannya.

Berbalik kepada Dr. Burhanuddin, beliau adalah orang yang pertama dalam PKMM memperkenalkan ayat al-Quran yang bermaksudnya, "Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehinggalah kaum itu mengubah nasib mereka sendiri." Kata-kata ini kemudiannya dijaja oleh pengikut PKMM pada setiap ucapan mereka. Semasa berucap di Padang Kubu, Melaka Dr. Burhanuddin telah memperkenalkan kata-kata hikmat yang amat berpengaruh berbunyi, Di atas runtuh kota Melaka kita bangunkan jiwa Merdeka.

Setelah kami sama-sama bebas dari tahanan, saya bertemu Dr. Burhanuddin di Singapura. Saya hendak turun bas dan beliau hendak naik bas di Geylang. Beliau terpepman apabila ternampak saya dan sebaliknya saya juga begitu.

Beliau bertanya, "Hendak duduk di Singapura inikah?"

Saya jawab, "Tengok keadaanlah tuan!"

"Kita jumpa lagi," katanya sambil menyeluk sakunya dan mengeluarkan wang sebanyak \$7.

"Saya ada \$7, Majid ambil \$4 tinggal saya \$3," sambungnya lagi.

Saya terketar-ketar menerima wang tersebut, tetapi kalau ditolak takut dikatanya saya sudah berubah akal. Maka saya terima jugalah dengan perasaan yang amat berat.

Setelah itu saya menetap di Singapura dan saya dapat bertemu dengan beliau hampir selang sehari. Ini berlaku kerana beliau membuka kliniknya di No. 19, Jalan Sultan, Singapura. Kelebihan Dr. Burhanuddin ialah beliau mempunyai ilmu dan pengalaman yang luas, umpamanya di dalam bidang perniagaan, beliau boleh menceritakan hal-hal yang bersangkutan dengan *import-export, bills*

of landing, letters of credit dan beberapa perkara yang ada hubung kait dengan perniagaan.

Dalam dunia perubatan, di samping mengamalkan ilmu perubatan cara moden, beliau juga menerapkan atau mengamalkan ilmu jiwa (psikologi) untuk merawat pesakitnya yang menghidap penyakit tertentu. Tetapi rawatan kepada penyakit demikian tidak didasarkan pada wang semata-mata. Oleh itu, Dr. Burhanuddin bukanlah mewah dalam kehidupannya kerana dasarnya bukan mencari atau mengumpulkan wang dan untuk kemewahan hidup.

Jasa Dr. Burhanuddin kepada bangsa Melayu amatlah besar, kerana sepanjang yang saya ketahui bahawa doktor homeopati Melayu yang ada di Malaysia pada hari ini secara tak langsung adalah berasal daripada galakan Dr. Burhanuddin. Kerana pada masa itu Dr. Burhanuddin adalah menjadi doktor homeopati kepada semua pelajar Melayu bidang itu atau doktor homeopati Melayu yang ada sekarang adalah murid beliau.

■ Pada saya, apabila disebut sahaja homeopati, maka dengan pantas saya ternampak wajah Dr. Burhanuddin. Berbanding dengan doktor allopati umpamanya, saya tidak teringatkan Dr. Hamzah apabila disebut perkataan doktor allopati, walaupun Dr. Hamzah itu adalah sahabat baik saya. Seperkara lagi keistimewaan Dr. Burhanuddin ialah beliau memiliki ilmu batin iaitu tasawuf. Dr. Burhanuddin ada mengarang sebuah buku mengenai ilmu tasawuf yang berjudul *Simposium Tasawuf dan Tariqat*. Setelah saya baca dan saya semak sedalam-dalamnya, benarlah sangkaan saya sebelumnya bahawa, Dr. Burhanuddin ini ialah seorang sufi.

Walaupun beliau tidak pernah mengatakan bahawa beliau seorang sufi, apabila beliau meninggal barulah saya sedar hilangnya seorang guru, hilang seorang pemimpin agung dan hilang seorang doktor jiwa. Masa itu baharulah saya sedar, ke manakah hendak mengadu, ke manakah hendak meminta nasihat dan ke manakah hendak bertanya hukum-hakam, maka jadilah laksana anak ayam kehilangan ibu.

Di dalam kitab tasawufnya itu beliau menulis syair. Syair itu ditulis dalam bahasa Arab kemudian diterjemahkannya ke bahasa Melayu, di antara syair itu ialah:

Bagi Allah itu ada hambanya yang bijaksana,
Elakkan, buangkan dunia takutkan pesona,
Bila mereka tinjau periksa - ketara - indah ini lebu fana,
Bukan - dunia ini - tempat bertahan,
Oh dunia!!!
Laksana ombak alun-temalun penuh bencana,
Amal soleh bahtera sempurna.

Sebenarnya bukanlah tujuan saya untuk mengangkat beliau sebegitu tinggi kerana beliau berkawan baik dengan saya tetapi saya mestilah berkata benar dan jujur.

Sepanjang hayat saya, belum pernah saya berjumpa dengan orang yang berkebolehan seperti Dr. Burhanuddin. Ramai ahli sufi yang saya temui tetapi mereka tidak pula ahli bahasa. Ramai pula orang yang ahli bahasa saya temui, tetapi mereka bukan pula ahli politik. Ramai orang ahli politik yang saya temui, tetapi mereka bukannya orang sufi. Mungkin ada agaknya orang yang ahli bahasa merangkap ahli politik tetapi bukannya seorang doktor perubatan, dan seorang doktor jiwa. Mungkin ada yang memiliki seperti segala-gala yang dimiliki oleh Dr. Burhanuddin, tetapi hatinya mungkin tidak serendah hati Dr. Burhanuddin terhadap semua pesakitnya dan semua manusia.

Seperti kata pepatah Melayu, 'tak kenal maka tak cinta.' Beliau bukanlah orang yang sedarjat atau setaraf dengan saya untuk berkawan atau berkenalan secara rapat. Tetapi beliau berbuat demikian dan kadang-kadang dipeluknya bahu saya semasa meronda ke sana ke mari di kota Singapura dengan berjalan kaki.

Apabila saya dapat berita beliau meninggal dunia, dengan tidak sedar saya menjerit dan menangis teresak-esak, kerana pada masa itu baharulah terbayang dalam ingatan bahawa saya hilang seorang sahabat yang paling akrab, dan seorang guru tempat saya bertanya hukum-hukum mengenai agama Islam. Saya tidak pula bertujuan untuk merendah-rendahkan ilmu orang lain tetapi setakat ini itulah dia. Mungkin juga kerana saya kurang bergaul dengan orang bijak pandai yang lain, maka saya tidak berjumpa lagi dengan orang yang boleh menandingi kebolehan Dr. Burhanuddin. Itulah kebolehan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Ya Allah! Cucurilah rahmat ke atas rohnya! Amin.

Penglibatan Pak Sako dalam PKMM

Pak Sako nama sebenarnya ialah Ishak Haji Muhammad. Oleh kerana Jepun susah hendak menyebut dan menulis nama sebenarnya, maka memudahkannya dengan menyebut Isako sahaja.

Pak Sako memang sifu dalam sastera Inggeris sesuai pula dengan kelulusannya. Beliau lepasan Malay College Kuala Kangsar atau Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada zaman beliau menuntut di situ tidak ada orang awam atau anak-anak orang biasa boleh belajar di kolej itu, kerana kolej tersebut adalah untuk anak raja atau anak orang kenamaan sahaja, tetapi beliau dapat masuk belajar. Itulah salah

satu dari keistimewaannya yang tidak ada pada orang lain. Beliau orang Temerloh, Pahang, namanya termasyhur ke seluruh tanah air sebagaimana Dr. Burhanuddin juga.

Sebelum perang, iaitu pada masa kerajaan Inggeris masih lagi memerintah Malaya, beliau adalah seorang pegawai MCS. Beliau pernah menjadi majistret. Walau apa pun jawatan yang disandangnya beliau tidak pernah bertugas sepenuh hati kerana beliau banyak terlibat dalam hal politik.

Perangai Pak Sako juga *simple* (senang kira). Pakaiannya pun seperti Dr. Burhanuddin juga, ambil ada sahaja. Kawan-kawan yang kurang faham akan perangainya mungkin agak terkejut sedikit pada mulanya, kerana beliau suka mengeluarkan kata-kata yang menyindir tetapi tidak ada ke mana.

Lihat sahajalah cara beliau menulis, singgung sana, usik di sini kuis di sana dan colek ini. Beliau ialah seorang wartawan Melayu yang masyhur di tanah air kita dan juga penulis buku cerita (novelis).

Saya banyak belajar bahasa Inggeris daripada beliau. Beliau adalah guru bahasa Inggeris yang saya sayangi. Tetapi tidak sampai sepuluh peratus daripada bahasa Inggerisnya yang saya peroleh.

Sebelum perang, Pak Sako menjadi ahli Kesatuan Melayu Muda (KMM). Kawan Pak Sako, Shamsuddin Salleh juga menjadi ahli KMM. Mungkin juga Cikgu Harun Aminurrashid adalah ahli KMM, yang jadi ahli di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob.

Pak Sako pernah bercerita yang beliau pernah pergi ke Tokyo bersama-sama dengan rombongan perwakilan dari Indonesia untuk merundingkan pembebasan Malaya dari penjajah Inggeris dan Indonesia dari penjajah Belanda. Mereka berpakat dengan Jepun yang ketika itu memerlukan sokongan rakyat Malaya dan Indonesia. Penglibatan Pak Sako itu sepatutnya kita beri penghormatan. Berjaya atau tidak, salah atau benar tindakannya itu adalah soal lain, kerana pada masa itu orang Melayu sedang tidur nyenyak dibuai oleh penjajah. Hanya beliau yang telah bangun dan membuat perhitungan atau rencana untuk memerdekakan tanah air daripada penjajah. Ini bukanlah kerja main-main dan bukan juga lakonan dalam cerita sandiwara, tetapi ini kerja bahaya yang boleh membawa ke tali gantung atau hukum tembak, tetapi beliau tidak digantung atau ditembak hingga sekarang, biasa sahaja. Satu lagi peristiwa, kalau tidak silap ingatan saya ialah pada 1946, ibu pejabat PKMM yang ditubuhkan di Ipoh itu berpindah ke No. 2, Batu Road, Kuala Lumpur (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman). Dari pejabat baru inilah mulanya PKMM mengembangkan sayapnya ke seluruh negara. Secepat

kilat cawangan PKMM ditubuhkan merata bandar dan pekan, dari utara ke selatan dan dari timur ke barat tanah air hinggalah ke Singapura.

Di Kuala Lumpur, ibu kota inilah buat pertama kalinya pekikan Merdeka! itu dilaungkan oleh ahli-ahli PKMM.

Setengah-setengah ahli PKMM sengaja memekik atau menguatkan suaranya menyebut perkataan 'Merdeka' untuk menyindir mereka yang menentang perjuangan PKMM atau masih duduk di atas pagar. Kebanyakan mereka, beredar dari situ apabila mendengar perkataan Merdeka! itu dilaungkan.

Merdeka! Cogan Kata Bersemangat



Tiap-tiap ahli PKMM yang bertemu dengan ahli yang lain walau di mana saja, maka ucapan yang pertama dikeluarkan mereka ialah Merdeka! dengan suara yang garang sambil menggenggam tangan dengan lima jari yang kuat diangkat hingga ke dada. Orang yang menerimanya pula akan menjawab dengan perkataan 'Tetap!' sekuat suara juga dengan nada yang garang dan muka yang bengis sambil mengangkat tangan menggenggamkan jari hingga ke dada juga.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa United Malay National Organization (UMNO) ditubuhkan pada Jun, 1946. Nama Melayunya bagi parti ini ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR). Tetapi malangnya orang seakan-akan lupa akan nama bahasa Melayunya dan yang selalunya disebut ialah nama dalam bahasa Inggerisnya iaitu ahli UMNO.

Cogan kata UMNO pada masa ia mula ditubuhkan hingga tahun 1952 kalau tidak salah, ialah 'Hidup Melayu!' dan dijawab dengan berkata 'Hidup!' dengan suara yang lemah lembut sambil mengangkat tangan secara biasa.

Untuk menghilangkan segala kekeliruan, maka patut juga disebutkan di sini mengapa PKMM mengangkat tangan sambil menggenggam lima jari. Lima jari itu membawa erti dan kiasan yang amat besar iaitu:

1. Merdeka berpolitik. Apabila kita merdeka maka apa yang kita mahu ialah politik negara kita bebas mengikut acuan yang kita suka.
2. Merdeka ekonomi. Kita mahu ekonomi negara kita merdeka dari tekanan pihak luar negeri atau penjajah kapitalis.
3. Merdeka beragama. Kita mahu negara kita bebas melaksanakan hukum dan undang-undang Islam sepenuhnya tanpa dikongkong oleh penjajah.
4. Merdeka sosial. Pergaulan hidup tidak terbatas kepada satu-satu kaum sahaja atau kasta yang sangat berbahaya itu.

5. Merdeka kebudayaan. Tiap-tiap bangsa di dalam dunia ini ada kebudayaan masing-masing. Kita mahu bebas memilih kebudayaan yang berfaedah dan tidak bertentangan dengan agama serta bebas pula membuang kebudayaan yang menyesatkan orang Islam.

Iniilah garis kasar maksud lima jari yang digenggam tatkala melaungkan perkataan Merdeka!

Organisasi Parti

Setelah ibu pejabat (markas pusat) parti PKMM berpindah ke Kuala Lumpur, maka organisasinya pun mulalah diatur dengan rapi. Jawatankuasa agung dipilih setahun sekali dalam suatu kongres yang diadakan. Selain daripada ketua satu, ketua dua, setiausaha satu, setiausaha dua dan bendahari, maka ahli jawatankuasa agung itu ada pula yang terpilih mengetuai seksi (lujnah) iaitu Seksi Pemuda, Seksi Wanita, Seksi Buruh, Seksi Tani dan Seksi Agama.

Ketua-ketua seksi inilah yang bertanggungjawab melaksanakan perjuangan parti menerusi kekuatan seksi masing-masing.

Tiap-tiap ketua seksi ini diberi kuasa penuh oleh kongres untuk menadbirkan seksinya.

Di sinilah terletaknya kecekapan atau kelemahan ketua organisasi itu, sama ada teratur atau tidak, berjaya atau gagal, dan ditentang atau disokong oleh rakyat.

Tiap-tiap seksi yang ditubuhkan itu mempunyai fungsinya yang tersendiri yang berlainan antara satu sama lain. Walaupun fungsi dan strateginya yang berbeza tetapi tujuan akhirnya ialah sama iaitu untuk menghalau penjajah Inggeris dari negeri ini secepat mungkin. Ringkasnya, penjajah dikepung dari segenap sudut agar Inggeris berada gelisah sepanjang masa.

Pentadbiran Parti

Pentadbiran parti PKMM pada peringkat pusat sama sahaja dengan pentadbiran parti-parti lain yang ada di Malaya pada masa itu. Ibu pejabatnya ialah di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur. Ibu pejabatnya mempunyai meja pengerusi, meja setiausaha, meja bendahari, meja ketua-ketua seksi parti dan meja pekerja ibu pejabat itu. Apabila saya teringatkan cerita Batu Road iaitu No. 2, Batu Road

(sekarang Jln. Tuanku Abdul Rahman), saya akan ternampak-nampak muka Aishah Ghani, ketua seksi wanita kerana meja beliau hampir dengan tingkap. Apabila kita naik tangga setelah sampai di atas, maka meja Aishah Ghanilah yang nampak dahulu. Aishah Ghani orangnya memang lawa masa mudanya serta pandai bergaya dan sampai sekarang pun juga kerana orangnya lawa.

Ringkasnya sebagai sebuah parti politik, maka ibu pejabat parti PKMM pun tidak ada kekurangan daripada ibu pejabat parti-parti politik yang lain yang ada di Malaya pada masa itu.

Tiap-tiap ketua seksi dalam parti PKMM akan mengurus dan merancangkan semua kegiatan dan tindakan yang akan dilakukan oleh seksi masing-masing. Semua seksi diarahkan untuk memeperatkan dan mengelakkan salah faham antara satu sama lain dalam semua urusan parti.

Setiausaha Agung parti pada masa itu ialah Mustaza, orang Taiping dan penolongnya ialah Cikgu Hamid Abdul orang Melaka. Antara mereka berdua siapa yang lebih dahulu menjadi anggota parti saya sudah lupa kerana tarikh kemasukan mereka hampir sama sahaja.

Bendahari parti pula ialah Ustaz Yahya Nasim, orang Kajang, dan kalau tidak salah penolongnya ialah Aziz Hamidy, orang Pulau Pinang. Itu pun begitu juga, entah siapa yang dahulu dan siapa yang kemudian menjadi anggota parti, saya juga tidak ingat.

Keadaan mereka yang bertugas di ibu pejabat itu (kadang-kadang) lebih susah lagi daripada ahli jawatankuasa yang bertugas di cawangan kerana kepada mereka yang bertugas di ibu pejabat tidak ada sumber wang tertentu yang boleh menyara kehidupan mereka. Mereka biasanya bergantung kepada wang yang dikirim dari cawangan atau derma daripada kawan-kawan yang datang ke ibu pejabat, kalau ada membawa wang lebih. Tugas di ibu pejabat banyak dan sentiasa tidak habis-habis. Petugas yang bekerja di bahagian akhbar begitu juga, kerja banyak, wang kadang-kadang tiada. Ini disebabkan ada agen yang lewat menghantar wang.

Begitulah rata-rata keadaan kehidupan orang yang bertugas di ibu pejabat parti PKMM di Kuala Lumpur pada masa itu. Kalau mereka makan nasi pun ialah nasi kandar, sekarang bolehlah disamakan dengan nasi bungkus. Nasi kandar tidak ada lagi di zaman Merdeka ini dan anak merdeka tidak pernah dengar nama nasi kandar. Untuk pengetahuan semua, nasi kandar itu adalah nasi biasa juga, tetapi orang yang menjualnya itu berkandar, mengandar nasi itu dari satu tempat ke suatu tempat lain, dan nasi itu disediakan dengan mencampur sekali nasi dan lauknya dalam sebuah pinggan. Begitulah

kehidupan petugas-petugas di ibu pejabat PKMM dan ada juga masanya 'miss soru' kerana tidak ada wang.

Seksi Pemuda

Seksi pemuda bertanggungjawab untuk pengambilan anggota baru bagi pemuda dengan seberapa ramai yang dapat. Seksi ini juga bertanggungjawab untuk menerangkan dan merancang terhadap segala tindakan yang harus dilaksanakan untuk kepentingan parti.

Seksi ini dipimpin oleh Ahmad Boestamam. Beliaulah yang bertanggungjawab menyusun barisan pemuda dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan mengenai politik supaya pemuda-pemuda itu benar-benar cintakan tanah air.

Apabila pemuda-pemuda tersebut telah benar-benar cintakan tanah airnya, maka mereka dengan sendirinya akan cintakan bangsa dan juga cintakan agamanya. Inilah teori yang dipegang iaitu, kalau mereka sudah sampai kepada peringkat cintakan bangsa, agama dan tanah air, maka tentulah mereka tidak teragak-agak lagi untuk berjuang dan berkorban apa sahaja sehingga cita-cita perjuangan itu tercapai atau tanah air tercinta Merdeka. Apabila perjuangan itu tercapai bererti kemerdekaan tercapai iaitu secara tidak bertolak ansur.

Sebagai langkah pertama, Ahmad Boestamam menubuhkan gerakan pemuda yang diberi nama Angkatan Pemuda Insaf (API) dilengkapkan dengan pakaian seragam (complete uniform) iaitu seluar putih, kemeja putih lengan panjang, berkocek dua bertutup dan bersongkok putih (songkok ala tentera). Mereka diberi latihan berbaris dengan lagunya sendiri bertajuk 'Darah Rakyat,' iaitu lagu patriotik (ala perang). Apabila ada pembesar-pembesar parti datang melawat ke ibu pejabat, maka satu perbarisan akan diadakan dan lagu patriotik akan dimainkan sebagai acara sambutan. Pembesar akan memeriksa barisan tersebut sambil diperhatikan oleh para ahli dan juga mereka yang di luar parti yang dijemput hadir sama.

Pergerakan API dengan ucapan pemimpinnya membakar jiwa pemuda sekelip mata sahaja gerakan API melarat ke seluruh tanah air. API tersebar umpamanya di Melaka, Karim Bakar menjadi ketua; di Johor, Rusli Ali menjadi ketua; di Selangor, Ustaz Yunus Yatimi menjadi ketua; di Negeri Sembilan, kalau tidak salah ingatan, Samad Idris atau Ibrahim Baba menjadi Ketua; di Perak, Shariff Salleh atau Ibrahim Karim menjadi Ketua; di Kedah, mungkin Hasan Zol atau Zain Ariff menjadi Ketua; di Pahang, mungkin Syed Ahmad atau Cikgu

Jaafar menjadi Ketua; di Kelantan, mungkin Osman Yahya dan di Terengganu, mungkin Mokhtar Haji Ibrahim.

Walaupun begitu, apabila menyebut nama-nama tersebut mungkin ada yang tersilap, kerana hanya mengikut ingatan saya sahaja. Tetapi apa yang hendak saya nyatakan ialah dengan penglibatan mereka itu, maka tertubuh API di setiap negeri di Malaya ini.

Pada masa itu jugalah Osman Bulon dari Terengganu dan Ibrahim Karim dari Perak setelah bermesyuarat penubuhan API, mereka pergi menemui Pesuruhjaya Tinggi British, di Kuala Lumpur, bagi menuntut kemerdekaan. Cerita ini bunyinya agak lucu, tetapi itulah yang terjadi, mereka pergi berjumpa Pesuruhjaya Tinggi British secara mendadak untuk minta merdeka. Sedangkan pada masa itu kedua-dua mereka hanya berumur dalam lingkungan 30 tahun sahaja.

High Commissioner British ketawa kecil sahaja dan sambil menggunakan psikologi mencadangkan supaya mereka berdua itu menyambung pelajaran mereka, walaupun kedua-dua mereka itu berkelulusan Senior Cambridge pada masa sebelum perang.

Untuk menyuluh gerakan PKMM, boneka Inggeris bukan sahaja menggunakan orang Cina atau India, tetapi adalah dari orang yang sebangsa dengan pemuda-pemuda API, iaitu satu keturunan, satu bangsa, satu kebudayaan, satu agama dan ada sesetengahnya dari keluarga orang API itu sendiri. Di sini, patutlah kita ambil perhatian sedalam-dalamnya dari segi falsafah perjuangan. Dalam falsafah perjuangan tidak kenal saudara-mara, tidak kenal bangsa kerana menyatukan satu-satu perjuangan itu ialah cita-cita perjuangan yang sama. Biasa sahaja berlaku, umpamanya kalau anak tidak sependapat dengan bapa. Apabila sudah tidak sependapat berhubung dengan kepercayaan politik dan negara, maka timbullah perasaan yang berbeza-beza atau perselisihan faham pun timbul semakin lama semakin mendalam. Ia tidak bergantung kepada pelajaran yang tinggi atau rendah tetapi ia tertakluk kepada keinsafan dan kesedaran cara berfikir menerusi mata kasar ataupun mata hati.

Pelajaran yang tinggi sahaja tidaklah dapat menentukan keupayaan seseorang di dalam menghadapi perjuangan yang berliku-liku, tetapi keinsafan dan kesedaran itulah yang menjadi penentu terhadap keupayaannya yang sebenar. Bukan semua pejuang dapat meneruskan perjuangan hingga kepada matlamat yang akhir, ada antaranya yang meragam di tengah.

Pada peringkat awal Ahmad Boestamam berjuang, beliau telah ditangkap kerana menerbitkan buku yang berjudul *Testment Politik API* (kalau saya tak lupa). Oleh kerana terlalu lama saya hampir lupa nama buku tersebut. Setelah beberapa bulan dibicarakan, Ahmad

Boestamam pun dibebaskan menerusi peguamnya iaitu John Eber dari Singapura.

Kemudian API diharamkan. Tidak lama selepas itu, ditubuhkan pula Pencinta Tanah Air (PETA) sebagai ganti kepada API dan dipimpin oleh Wahi Anuar.

Walaupun PETA ini agak berlainan bunyinya, tetapi ia adalah menyambung tugas API dan anggotanya pun adalah terdiri daripada pemuda-pemuda yang sama.

Saya masih ingat kalau tidak silap saya API telah, atau akan bergabung dengan gerakan pemuda sedunia World Youth League yang beribu pejabat di Prague, Yugoslavia.

Pada masa gerakan pemuda yang begitu hebat di sana sini di seluruh tanah air, maka orang-orang yang bercikan cita-cita Merdeka itu mengejek-ejek dan mencemuh di samping mengapi-apikan rakyat supaya bercikan gerakan tersebut. Mereka yang menentang ini adalah terdiri dari orang-orang UMNO dan ada juga dari orang yang duduk di atas pagar. Rakyat biasa yang tidak tahu akan hujung pangkalnya, terikut-ikut sama bercikan dan marah kepada gerakan pemuda API itu.

Rakyat jelata langsung tidak percaya bahawa Malaya boleh Merdeka dan akan merdeka pada suatu masa nanti. Ini disebabkan mereka benar-benar telah termakan akan racun Inggeris. Racun yang bersalutkan susu dan gula.

Masa itu orang yang mahu Merdeka itu disifatkan orang yang mahu menderhaka. Ertinya orang-orang yang mahu menderhaka kepada kerajaan Inggeris, mahu menderhaka kepada raja. Sementara itu ada alim ulama pula menyatakan semua orang wajib taat kepada pemerintah walau memerintah apa sahaja.

Seruan ini dibuat menerusi khutbah Jumaat pada tiap-tiap minggu. Tiap-tiap seorang pemimpin API diawasi gerak-geri mereka, sama ada mereka pemimpin cawangan atau pemimpin peringkat pusat. Orang-orang yang ditugaskan mengawasi mereka ialah orang yang sebangsa dengannya, sama keturunannya, sama adat istiadat dan sama agamanya. Mereka inilah yang menokok tambah membuat laporan kepada 'tuan putih' mereka.

Walaupun API tahu semuanya ini tetapi API tidak mengendahkan semua anasir penghalang ini, perjuangan diteruskan menurut acara yang telah ditetapkan. Orang yang menyamar juga bukan sedikit, hanya bertujuan untuk mengintip semata-mata.

API Dibubar, Melayu Bacul

Setelah API berkubur, maka riuh-rendahlah ke seluruh negara mengatakan API telah diharamkan oleh pihak yang berkuasa. Orang-orang yang menentang perjuangan kemerdekaan merasa puas hati kerana mereka menyangka perjuangan mereka telah berjaya untuk menyekat perkembangan gerakan API. Mereka bersorak dan menyindir orang PKMM di mana sahaja mereka bersua dengan berita, "benarkah API sudah padam?". Orang PKMM menganggukkan kepala, mereka menambah lagi, "tak makanlah kita API sudah padam"! Orang PKMM diam, tak bercakap apa-apa. Kalau dijawab akhirnya beradu lengan! Inilah dugaan yang sangat pahit yang dirasakan oleh orang-orang PKMM, mungkin kerana PKMM gagal berbuat sesuatu untuk mentarbiahkan bangsanya yang sangat bodoh itu yang tidak mahu menggunakan akal fikiran secara ilmiah dan juga tidak mahu mengambil iktibar dari perubahan sedang berlaku. Pada masa itu, Indonesia sedang mengatur pentadbiran negara setelah Merdeka pada tanggal 17 Ogos 1945, walaupun masih ada gerakan musuh untuk mencuba menawan semula negara mereka, tetapi dengan berkat kata sepakat di antara Soekarno, Dr. Hatta, Haji Agoes Salim, A.K. Ghani dan beberapa orang pemimpin lagi yang bergelar menteri kabinet juga pejuang-pejuang kemerdekaan untuk membebaskan negara dari penjajah, maka akhirnya kemerdekaan itu dicapai dari hasil tenaga dan usaha mereka sendiri.

Rakyat dari segenap lapisan, kecil besar, tua muda, lelaki perempuan semuanya menyerahkan diri kepada negara untuk berjuang menghalau penjajah. Antaranya termasuklah Chairil Anuwar, seorang penyajak yang terkemuka di seluruh nusantara. Sajaknya 'Pemuda Indonesia' yang selalu diagung-agungkan oleh penyajak-penyajak tempatan.

Ada kalanya penyajak-penyajak tempatan cuba-cuba hendak meniru Chairil Anuwar sambil mencari ilham, tetapi sajak itu walaupun ditekan-tekan ia tawar, kerana yang tertera bukannya dengan perasaan dan pengalaman. Sedangkan Chairil Anuwar menulis dengan penuh perasaan, kerana beliau sendiri yang terlibat di medan perang.

Demikianlah perbezaannya waktu itu, di antarabangsa yang satu keturunan, dan satu agama. Perbezaan di antara tulen dan palsu. Rakyat Indonesia bergadai nyawa masing-masing untuk merebut kemerdekaannya dari tangan penjajah Belanda, sedangkan orang Melayu di Malaya pula lebih 95 peratus bermati-matian mempertahankan kuasa penjajah Inggeris di tanah airnya sendiri. Aneh,

sungguh aneh, dan mereka inilah kelak yang menjadi boneka Inggeris, walau kononnya telah Merdeka. Saya tidak tahu bagaimana boleh terjadi demikian keadaannya sedangkan orang Melayu sejak zaman-berzaman terkenal dengan bangsa yang gagah berani dan ada ilmu kebal dari datuk nenek kita dahulu. Bukan itu saja tetapi yang kebal pun ramai. Apabila Jepun menyerah kalah, maka ramai pula tuan-tuan guru yang mengajar secara terbuka akan ilmu kebal di seluruh tanah air yang bermula dari Panglima Salleh, Parit Ya'ani, Batu Pahat kemudian merebak ke seluruh pelosok tanah air.

Tetapi dalam perjuangan menentang penjajah Inggeris selepas Jepun, yang saya tahu tidak seorang pun daripada tuan-tuan guru atau murid-murid ilmu kebal tersebut menceburkan diri dalam gerakan kemerdekaan tanah air bersama dengan para pejuang kemerdekaan yang lain. Sebaliknya bukan sahaja tidak mahu berjuang sama malah mereka menentang habis-habisan pula perjuangan kemerdekaan itu. Inilah yang anehnya.

Yang kuatnya begitu pula, kononnya ada yang boleh memegang kereta api yang sedang berjalan perlahan, dipegang sahaja kereta api itu terus tidak dapat bergerak sehingga dia masuk baharulah kereta api itu dapat berjalan semula.

Ada pula kononnya yang boleh mencabut pokok getah sebesar paha, ada yang boleh mengheret pokok getah yang telah mati batangnya sebesar gantang, diheret ke rumah dengan dahan dan rantingnya sekali sejauh 10 rantai.

Yang pandai sihir pun tidak kurang juga dengan menyihir anak dara orang. Yang disihir itu semuanya orang Melayu belaka supaya gila kepadanya, tetapi mereka tidak sihir orang yang bukan Melayu. Mereka boleh menyakitkan orang Melayu dengan menggunakan sihir juga, dengan menggunakan rambut, kuku dan sebagainya, tetapi khas untuk menganiaya dan menyusahkan bangsanya sendiri.

Di samping itu, ada juga racun dan santau yang mereka cipta sendiri. Ramai sudah orang Melayu yang berkubur semata-mata kerana termakan racun menerusi makanan atau angin. Kalau termakan racun, dalam masa 24 jam akan berakhirlah hayat mangsa itu. Sementara kalau termakan santau meranalah seumur hidup, mati tidak, hidup pun tidak.

Ada pula yang kononnya berkawan dengan hantu raya. Hantu raya ini boleh disuruh-suruh, taat kepada tuannya, tidak pernah membantah. Kalau disuruh pulas kepala orang ia akan pulas. Yang membela hantu toyol begitu juga, kononnya kalau disuruh curi wang dari saku orang, ia akan pergi curi. Ikut sahaja perintah tuannya. Yang paling gagah sekali ialah boleh meramas besi. Beri sahaja apa

jenis besi pun kepadanya, maka ia boleh meramasnya menjadi air. Begitulah beberapa keistimewaan orang Melayu yang tidak ada kepada bangsa-bangsa lain di dunia ini. Ini bukannya cerita dongeng atau cerita kartun sahaja, kononnya, tetapi adalah kenyataan yang tidak dapat disangkal.

Tetapi malangnya, walaupun begitu hebatnya kebolehan orang Melayu di Malaya ini, tetapi pada masa yang perlu untuk digunakan, ia tidak dapat digunakan atau tidak mahu digunakan.

Yang nyatanya ialah orang Melayu menunjuk pandai, menunjuk berani, tunjuk gagah, tunjuk kuasa kepada bangsanya sendiri.

Tentulah tidak ada ertinya menunjuk pandai kepada orang bodoh, tunjuk kuat kepada orang lemah, tunjuk berani kepada orang penakut, tunjuk kaya kepada orang miskin dan tunjuk kuasa kepada rakyat jembel. Pada hal, kalau semua kebolehan itu dikumpulkan untuk merampas negara daripada penjajah alangkah baiknya.

Masing-masing menggunakan kebolehannya untuk sama-sama berjuang dengan caranya yang tersendiri. Yang lebih menyedihkan ialah kita telah Merdeka lebih 40 tahun, namun perangai yang begini rupa masih lagi ada dan belum terhakis. Sepatutnya perangai yang begitu harusnya tidak ada lagi, itu perangai orang yang hidup dijajah (anak jajahan). Mereka yang berumur 50 tahun pada masa itu kebanyakannya telah menyahut seruan Tuhan. Hendaknya janganlah perangai yang begitu rupa kita terima sebagai pusaka yang berbentuk amalan untuk menghancurkan bangsa Melayu itu sendiri.

Pada hakikatnya, apabila orang Melayu itu sudah ada perasaan benci terhadap orang Melayu yang lain, maka timbullah perselisihan faham, perselisihan yang bukannya mudah hendak diperbetulkan. Perasaan benci itu timbul satu demi satu, walaupun tidak secara terbuka malah sengaja diada-adakan darjah hidup manusia Melayu itu antara satu sama lain.

Inilah manusia yang benar-benar telah lari dari ajaran Islam atau mereka tidak tahu akan Islam atau sengaja membantah akan perintah Islam sepenuhnya. Perangai yang seperti inilah salah satu dari penyakit yang akan melemahkan orang Melayu sepanjang masa. Ia adalah sangat bertentangan dengan apa yang telah ditunjukkan oleh nenek moyang orang Melayu dahulu kala. Nenek moyang kita mengajar dan menunjukkan contoh yang baik kepada kita seperti tidak mudah mengikut telunjuk orang lain. Tetapi sampai kepada anak cucu, mereka bertukar menjadi satu bangsa yang penakut, bangsa yang malas berfikir dan bangsa yang rela disuruh-suruh oleh orang lain.

Politik orang Melayu sekarang rata-rata untuk mendapatkan jawatan dan setelah dapat kuasa tidak pula tahu apa yang hendak dilakukan! Entah dari sudut manakah yang hendak kita banggakan. Adakah dapat kita banggakan dan megahkan hanya dengan mengatakan orang Melayu telah menjadi tuan punya negeri ini, pusaka dari datuk nenek kita dahulu kala. Sedangkan kita tidak punya apa-apa dan hendak mendirikan rumah pun terpaksa di atas tanah setinggan, tanah kerajaan yang belum tentu dapat, lulus atau tidak untuk dipohon. Kadang-kadang rumah haram itu dirobuhkan pula oleh pihak yang berkenaan, pindah lagi ke tanah setinggan lain. Ekonominya pun begitu juga, entah berapa oranglah saudagar Melayu yang berupaya mengimport barangan luar negeri sama ada dari Eropah, Asia atau dari Amerika yang bernilai berjuta-juta ringgit sekali import, begitu pulalah sebaliknya barangan negeri ini yang diekspor keluar negeri dengan nilai yang berjuta-juta ringgit pula untuk sekali eksport.

Kalau ini kurang benar umpamanya maka bolehkah kita berbangga pula dengan orang Melayu menguasai industri atau kilang yang besar-besar serta menguasai segala barangan yang penting untuk kepentingan harian negara.

Tetapi kalau itu pun tidak ada maka apa lagi yang hendak kita banggakan. Kalau saya ditanya mengapa jadi begitu, mungkin saya tidak dapat menjawabnya. Tetapi tentunya ramai ahli-ahli ekonomi Melayu yang lulus luar dan dalam negeri dapat menjawabnya dengan tepat.

Seksi Wanita

Seksi wanita atau ringkasnya Angkatan Wanita Sedar (AWAS) adalah satu daripada seks di bawah sayap PKMM juga. Seksi ini dipimpin oleh wanita sendiri. Ahli-ahli wanita yang sedar akan berasa bertanggung-jawab sebagai seorang rakyat negeri ini untuk berjuang menentang penjajah Inggeris bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain. Ketuanya yang pertama, kalau tidak salah saya ialah Sariah Jalil, orang Selangor. Kemudian diganti pula oleh Shamsiah Fakeh dari Kuala Pilah. Shamsiah Fakeh ini berkelulusan sekolah agama Bukit Tinggi, Minangkabau. Beliau juga berdarah keturunan Minangkabau.

Organisasi wanita telah dapat menubuhkan cawangannya di seluruh tanahair. Kalau tidak sepenuhnya, tetapi teranglah ahli AWAS memang berada di mana-mana. AWAS bergerak untuk menyedarkan wanita agar mereka mahu bersama-sama menceburkan diri bergerak menentang penjajah. Pada masa itu kita tidak pernah memikirkan pilihan raya, atau bagaimana hendak menang dalam pilihan raya.

Cuma apa yang terbayang di tiap-tiap kepala ahli PKMM ialah bagaimana caranya untuk menghalau penjajah keluar dari negeri ini secara sukarela atau secara paksa. Itu sahaja yang ada.

Oleh itu setiap seksi mestilah mengemaskan atau melengkapkan seksi masing-masing agar dapat menyesuaikan gerakan dengan keadaan. Keadaan sentiasa berubah dengan cepatnya dari sehari ke sehari. Pada masa itu memang terasa kepada ahli-ahli politik bahawa keadaan sangat mendesak dan suasana politik menekan gerakan PKMM.

Apabila suasana berubah saja, kami cepat mendapat berita sebab juruulas politik kami ramai. Ringkasnya, dalam masa 24 jam sahaja kami telah membuat semua kesimpulan ehwal semasa dengan tepat.

Seksi Buruh

Sekarang marilah kita melangkah ke dunia pertubuhan buruh pula. Seksi buruh ini diketuai oleh Abdullah C.D. Ibu pejabat pertubuhan buruh Malaya ialah di Fong Keong Building, tingkat tiga, di tengah-tengah kota Kuala Lumpur. Oleh kerana pertubuhan buruh ini bergabung dengan pertubuhan buruh antara kaum di Malaya ini, maka namanya disebut Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Pertubuhan ini bergabung dengan World Federation of Trade Union (WFTU) iaitu pertubuhan buruh sedunia yang beribu pejabatnya di Paris. Tiap-tiap ibu pejabat menerima majalah *World Trade Union Bulletin* dari Paris, seminggu sekali dalam bahasa Inggeris. Kami dapat membaca semua gerakan buruh sedunia pada setiap keluaran.

Gerakan buruh ini meliputi semua jenis buruh seperti ladang, buruh kilang, buruh panggung wayang, buruh tukang kayu, tukang besi, tukang emas, buruh kedai runcit, kedai kopi dan makan, buruh kereta api, drebar, buruh kerja raya, buruh tali air, buruh hospital, buruh tukang gunting dan apa sahaja yang makan gaji semuanya mempunyai kesatuan buruh masing-masing termasuk telekom dan perkapalan (shipping).

Pada masa itu kesatuan buruh yang paling kurang sekali ahlinya ialah kesatuan buruh kilang, kerana kilang tersangat kurang. Negara kita pada masa itu masih merupakan sebuah negara agrarian (pertanian), tetapi sekarang sudah jauh berubah, negara kita telah menjadi sebuah negara industri.

Gerakan Buruh



Oleh kerana gerakan buruh Malaya telah bergabung dengan gerakan buruh kiri sedunia WFTU bukannya gerakan buruh kanan seperti International Labour Organisation (ILO) di bawah pengaruh Amerika yang berpusat di New York. Gerakan buruh kiri ini adalah sangat-sangat ditakuti oleh kaum kapitalis. Sebenarnya, kesatuan kaum buruh boleh merubah corak politik sesebuah negara dengan cepat, walaupun ia tidak termasuk ke dalam istilah gerakan politik.

Kesatuan kaum buruh pada masa itu adalah terkecuali daripada gerakan politik tanah air. Sekarang pun kesatuan buruh dilarang mengambil bahagian dalam arena politik. Inilah kerja kapitalis yang cuba hendak mengasingkan antara *political movement* dengan *labour movement*. Yang nyata ialah kekuatan sesebuah negara itu adalah bergantung kepada kekuatan atau kepuasan kaum buruhnya. Sebelum Merdeka, Malaya masih lagi tergolong dalam negeri pertanian, tetapi dengan secepat kilat kemudian telah berubah menjadi sebuah negara industri. Orang-orang yang benar-benar mengetahui akan suasana alam sekeliling akan berasa cemas jikalau negara itu kekuatan ekonominya berdasarkan kepada industri semata-mata.

Ini disebabkan segala jentera yang bergerak mengeluarkan sesuatu bahan itu adalah di bawah kuasa dan tenaga jentera buruh. Di negara kita sekarang, belum lagi sampai kepada peringkat kemajuan perusahaan yang berjentera itu iaitu jentera menguasai buruh, cuma yang ada hanyalah seperti biasa sahaja iaitu buruh menguasai jentera. Dengan itu nyatalah, kalau persatuan kaum buruh di sesebuah negara itu cukup kuat, maka ia boleh menumbangkan kerajaan dengan mudah sahaja.

Gerakan Kaum Buruh Malaya, 1946-48

Pada awal 1946 atau akhir 1945, kesatuan kaum buruh di negara kita bergerak sehingga pertengahan 1948, iaitu satu jangka masa yang

paling pendek untuk melengkapkan dan mengemaskan pentadbiran sesebuah pertubuhan atau untuk menentukan maju mundurnya sesuatu gerakan itu. Tetapi dalam masa yang sebegitu singkat pun, gerakan kaum buruh adalah di luar dugaan jika dibandingkan dengan apa yang telah berlaku pada masa itu di Malaya.

Gerakan kaum buruh di Malaya pada 1945-48 boleh dikatakan menyeluruh hingga ke tiap-tiap negeri, daerah dan pekan-pekan kecil. Gerakan buruh ditubuhkan kecuali di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu kerana dirasakan gerakan buruh kurang giat.

Ketiga-tiga negeri ini adalah terlalu kurang buruh kerana kebanyakannya dihuni oleh kaum tani. Sebenarnya di ketiga-tiga negeri ini tidak ada tokoh buruh yang boleh menjadi pengasas gerakan sebagaimana di negeri Perak. Di negeri Perak kaum buruh adalah begitu besar jumlahnya. Di Selangor juga begitu. Di Johor pula ramai buruh estet. Singapura dengan Shipping Workers dan seterusnya di negeri-negeri lain. Sedangkan di Kedah, Kelantan dan Terengganu, walaupun ada kesatuan buruh di setiap daerah, tetapi tidaklah sekuat di negeri-negeri di sebelah pantai barat dan di selatan tanah air. Pahang termasuk dalam golongan yang kuat juga, kerana ada pertubuhan buruh lombong besi Sungai Leming, Kuantan.

Ibu pejabat bagi setiap negeri yang saya ingat ialah: Pulau Pinang di Mountry Street, Perak di Lam Looking Building Ipoh, Selangor di Foong Keong Building, Melaka di Tranquerah Road, Negeri Sembilan di Seremban, Pahang di Kuantan, Terengganu di Kuala Terengganu dan Singapura di River Valley Road.

Ketua buruh negerinya pula yang saya ingat ialah: Melaka, Yusuf Pua; Perak, Osman Bakar; Negeri Sembilan, Mohammad Yassin; Singapura, Bahar Obit (kemudian menjadi ketua buruh ILO Indonesia di Jakarta); Johor, Majid Salleh (iaitu saya sendiri) dan Kelantan, Nik Mat. Yang lain saya sudah lupa, kalau berjumpa mungkin ingat lagi, tetapi nama mereka tidak dapat dicari dalam ingatan.

Oleh kerana saya selaku Lembaga Pengerusi (Chairman Board) dalam gerakan Kesatuan Kaum Buruh Negeri Johor yang dianggotai oleh tiga orang pengerusi, iaitu seorang Melayu, seorang Cina dan seorang India, pada kebiasaannya siapa yang tinggal di ibu pejabat hari itu, maka dialah yang menjadi ketua.

Pergolakan berlaku setiap hari di seluruh negeri, ada-ada sahaja kes yang timbul. Kadang-kadang hendak mogok, ada juga yang telah mogok, gaji lambat dibayar, buang kerja, tidak tepat masa keluar masuk bekerja, kerja lebih masa dan bermacam-macam lagi yang berhubung dengan kepentingan kaum buruh.

Apabila buruh mogok, ketua buruh negeri pergi cepat berjumpa ahli sebelum berjumpa pengurus atau majikan.

Pada masa itu ada lebih kurang 551 buah ladang getah di Johor termasuk Dunlop Estate yang terletak di antara Segamat dengan Muar. Luasnya tiap-tiap sebuah estet itu yang dipunyai oleh orang Eropah tidak kurang dari 1,000 ekar. Yang paling luas sekali ialah Labis Palm Oil Ltd., Chaah (PAMOL) dan SOCFIN yang dimiliki oleh orang Perancis dan mempunyai ibu pejabat di Vietnam. Luasnya ialah kira-kira lima batu lebar dan sembilan batu panjang. Jalan kereta api sampai ke dalam estet dari jalan kereta api utama. Gunanya ialah untuk memudahkan membawa minyak kelapa sawit dari estet itu keluar. Di kawasan estet itu lapangan kapal terbang pun ada disediakan. Inilah Labis Palm Oil Ltd.. Beribu-ribu pekerja Melayu bekerja di ladang ini. Khabarnya, pekerja-pekerja di situ ada yang sudah satu dua keturunan menetap dan tinggal di bangsal panjang. Mungkin mereka sudah lupa atau terlupa akan kampung halamannya. Kalau ada dan kalau tidak ada kampung halaman, maka mereka sudah cukup bernasib baik kerana dapat tempat berteduh dengan percuma.

Di antara beratus-ratus buah estet yang besar di Johor pada masa itu ada tiga buah estet sahaja kepunyaan orang Melayu yang saya tahu dan ingat. Estet-estet itu ialah Estate Abdan, Chamek, kepunyaan Dato' Rembau; Estate Syed Mokhdar, Senai, kepunyaan Syed, orang Johor Bahru dan Estate Tuanku Sultan Ibrahim. Estate Abdan kepunyaan Dato' Rembau seluas 313 ekar dan Estate Syed Mokhdar seluas 250 ekar, estet Tuanku saya lupa.

Estet Cina pun banyak juga yang terletak bertaburan di Johor. Estet kepunyaan orang India pun banyak juga. Tetapi khabarnya setelah negara ini mencapai kemerdekaan, maka estet kepunyaan orang putih kebanyakannya telah bertukar tangan, ertinya bertukar milik iaitu dari Tuan Smith umpamanya kepada tauke Ah Lim pula.

Itu sahajalah yang saya ketahui dan ingat dan ada lagi yang saya tidak ketahui atau tidak ingat. Oleh kerana saya bertugas sepenuh masa, maka tentulah saya banyak mengetahui akan hal tersebut. Sejak 1946 lagi saya telah menjadi ketua buruh negeri dan saya tidak pernah ditandingi oleh sesiapa pun dalam mesyuarat agung tahunan.

Dengan hal yang demikian maka tetapih saya pikul tugas tersebut terus-menerus hinggalah ke tahun akhirnya perjuangan 1948. Lantaran, saya terpaksa menjalankan tugas ini demi kepentingan buruh Melayu dan buruh lain amnya hinggalah saya ditahan oleh British di bawah Undang-undang Darurat pada pertengahan 1948.

Mungkin ramai orang tidak terasa bagaimana kapitalis Barat menguasai tanah dan ekonomi negara kita. Pernah disebutkan bahawa

jajahan Kinta di Perak adalah jajahan yang terkaya di dunia. Southern Malayan Tin Dredging Ltd. umpamanya mempunyai berbelas-belas buah kapal korek di Perak sahaja. Itu belum lagi kapal Anglo-Oriental dan beberapa buah lagi syarikat kapal korek yang lain. Semua syarikat ini dipunyai oleh orang Barat atau kapitalis Barat. Begitu juga halnya dengan Johor. Mungkin orang-orang di luar Johor yang lalu lalang mengikut jalan raya atau jalan kereta api dapat melihat estet-estet getah dan kelapa sawit terbentang luas.

Cuba kita tanya siapa yang empunya ladang-ladang tersebut? Adakah ia kepunyaan orang Melayu? Jawabnya bacalah sendiri *sign board* yang tertulis di pintu masuk ke estet tersebut. Di Perak umpamanya walaupun mereka tinggal dalam sebuah kawasan yang paling kaya di dunia, tetapi mereka sendiri tidak tahu akan anugerah Allah ini, sedangkan mereka hidup hanya dengan mengharapkan pekerjaan dari syarikat penjajah itu. Begitu juga dengan Johor, orang Melayu hanya hidup di kampung kecil di sana sini, sedangkan negeri itu dipenuhi oleh estet-estet yang dipunyai oleh orang asing hampir kesemuanya. Hanya di kawasan Batu Pahat hingga ke Muar menghala ke tepi laut sahaja tidak ada estet di situ, mungkin kerana getah dan kelapa sawit tidak dapat ditanam di tepi laut.

Buruh Estet

Kaum buruh di ladang-ladang atau di estet-estet adalah majmuk, iaitu terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India. Kalau kita hitung peratusnya, mungkin orang Melayu yang berketurunan Jawalah yang ramai. Kalau kita anggarkan sekurang-kurangnya 30 peratus atau 40 peratus daripada pekerja, buruh Melayu. Orang Cinanya dianggarkan sebanyak 35 peratus dan orang Indianya pun lebih kurang begitu juga.

Itulah manusia yang menjadi penghuni ladang-ladang atau estet-estet tersebut, yang dipunyai oleh kapitalis luar negeri dan sedikit-sedikit kapitalis dalam negeri. Pekerjaan mereka, ada yang menoreh, ada yang mencangkul rumput, ada yang memotong dahan dan ada yang bekerja di stor. Semasa mereka bekerja, anak-anak mereka yang kecil dijaga oleh orang perempuan yang bekerja khas untuk menjaga anak-anak kecil sahaja. Masyarakat estet pada masa itu ada yang terlalu daif (laeh). Kalau kita tinjau dari segi agama, mungkin tidak ada seorang daripada sepuluh orang yang benar-benar tahu sembahyang, juga dari segi pergaulannya terlalu bebas lepas.

Pada suatu masa saya pernah melawat sebuah estet kerana urusan buruh. Saya terlihat seorang gadis yang berumur di antara 18 – 19 tahun yang memakai kain di bawah dada tanpa baju berjalan ke hulu ke hilir, nampak buah dadanya terbuai-buai sahaja. Orang ramai yang ada di situ nampaknya seperti sudah biasa dengan masyarakat seperti itu, cuma saya sahaja yang merasa ganjil.

Perayaan diadakan dua kali sebulan iaitu pada 20 hari bulan dan 5 hari bulan pada tiap-tiap bulan. Pada 20 hari bulan ialah hari pinjaman dan 5 hari bulan ialah hari gaji. Pada malamnya diadakan berbagai-bagai jualan makanan serta diadakan juga wayang ketoprak atau wayang kulit.

Selain itu, permainan judi pula diadakan untuk memeriahkan lagi malam tersebut. Judinya ialah judi dadu. Permainan tersebut tidak salah kerana ia diadakan dalam kawasan pengurusan estet dan pengurus estet itu sendiri yang menggalakkan permainan itu.

Ramai juara-juara judi dari tempat lain datang untuk beradu nasib. Yang menang tetaplah dengan kemenangannya dan yang kalah pula cuba mengatasinya dengan apa yang ada termasuk isteri untuk digadai satu dua hari. Mereka benar-benar hidup dalam gelap gelita, tidak kenal hukum halal atau haram.

Itulah nasib kebanyakan buruh estet pada 1945 dahulu. Sekarang saya tidak ketahui kerana saya tidak lagi menghampiri mereka. Saya harap mereka akan berubah dari semua segi, sama ada hal dunianya ataupun akhirnya.

Bagaimana Buruh Berjuang

Sebab utama buruh berjuang ialah untuk membela nasib dan kehidupan mereka dengan meminta gaji yang setimpal dan berpatutan dengan usaha tenaga mereka. Ramai orang marah apabila buruh mogok minta naik gaji, sebab apabila gaji buruh naik, maka orang ramai berpendapat harga barang-barang pun naik pula, tetapi apabila buruh tidak cukup makan mereka tidak marah kepada majikan. Itulah anehnya!

Pada masa itu apabila dirasa perlu, kaum buruh akan melancarkan mogok kilat. Sebenarnya, sebelum melancarkan mogok, maka menghantar notis terlebih dahulu kepada pengurus dengan memberi tarikh yang tertentu (deadline). Sekiranya pihak majikan mempelawa untuk berunding, maka tindakan itu adalah lebih baik dan jikalau sebaliknya, maka kaum buruh akan melancarkan mogok.

Apabila mogok dilancarkan, banyak perkara yang tidak diinginkan akan berlaku. Mungkin perkara-perkara yang tidak menyenangkan pengurus itu sendiri. Kadangkala, apabila pengurus itu terus berdegil, kita seru estet di sebelahnya pula menyertai mogok kilat tanpa notis. Apabila pengurus yang di sebelah sedar akan semua buruhnya mogok kilat, maka dia akan bertanya apa sebab mereka mogok. Buruh-buruh itu akan menjawab bahawa mereka cuma 'mogok simpati' kepada buruh di estet sebelah.

Kemudian pengurus itu marah kepada pengurus estet yang degil itu. Akhirnya mereka berbincang sesama sendiri dan tuntutan buruh yang mogok itu pun dipenuhi. Maka mogok itu pun berakhir. Ini adalah satu daripada cara perjuangan untuk merusnangkan fikiran Inggeris pada masa itu.

Pada perayaan hari 'May Day' (May the first), kita menghimpunkan semua buruh di setiap ladang itu pergi ke kota-kota besar, seperti di Johor Bahru, Kluang, Batu Pahat, Segamat dan Muar. Di setiap kota besar kita adakan rapat umum secara besar-besaran, biasanya di tengah padang terbuka. Di Johor Bahru sering diadakan di padang Mahkamah Tinggi; di Kluang diadakan di padang bola dan begitulah di tempat-tempat lain di seluruh negeri Johor.

Selain itu disediakan pula kerusi khas berhadapan dengan pentas untuk tuan-tuan putih supaya mereka dapat mendengar ucapan wakil-wakil kesatuan dan persatuan. Dalam ucapan itu sering dinyatakan kepada mereka yang kita mahu merdeka.

Kita akan sebut perkataan seperti "imperialist is a blood sucker", "imperialist tyrannises people" dan lain-lain. Manakala poster pula dipasang di merata-rata yang semua isinya mengutuk penjajah Inggeris. Kain pemedang (banner) juga begitu, direntang di mana-mana tempat yang perlu, terutamanya di simpang-simpang jalan. Isinya pun begitu juga umpamanya "down with the British imperialist", dan bermacam-macam lagi.

Penceramah-penceramah pula sebelum mengeluarkan apa-apa perkataan, pekikan 'Merdeka!' diucapkan terlebih dahulu sebanyak tiga kali. Biasanya akan dijawab oleh para hadirin dengan perkataan 'Tetap!' beramai-ramai. Ucapan Merdeka! dan jawapannya 'Tetap' itu adalah diistilahkan sebagai ucapan 'Salam Perjuangan'.

Umpamanya, sebelum saya memberi ucapan sepatah dua kata, maka terlebih dahulu saya akan berkata sambutlah salam perjuangan kita, 'Merdeka!' tiga kali. Begitulah caranya tiap-tiap kali orang kiri yang hendak berceramah memulakan ucapannya pada masa itu. Oleh kerana perkataan Merdeka! itu menjadi satu momokan kepada penjajah, UMNO dan orang-orang yang bencikan merdeka, maka kita

cuba membiasakan kepada rakyat mendengar perkataan keramat itu supaya rakyat tidak berasa takut lagi. Rakyat biasa tidak tahu apa-apa, mereka cuma sering dihasut oleh penjajah, UMNO dan orang-orang yang tidak percaya bahawa Malaya boleh Merdeka.

Oleh itu kita jaja di mana sahaja kita berada akan perkataan Merdeka! supaya akhirnya mereka tidak lagi takut dan menjadi biasa. Itu belum lagi cerita berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, kita cuma menanamkan semangat mahu merdeka sahaja dahulu.

Perayaan biasa, sama ada perayaan kaum buruh ataupun perayaan PKMM, selalu diadakan di panggung-panggung wayang sahaja. Pada masa itu panggung wayang boleh kita pilih, panggung wayang mana yang kita perlukan. Tuan punya panggung wayang tidak pernah menolak atau menentang permintaan tersebut, kerana semua pekerja panggung wayang menjadi ahli kesatuan kaum buruh.

Selalunya, apabila perayaan hendak diadakan, kita jemput pegawai Inggeris dan disediakan tempat duduk di kerusi yang di hadapan sekali. Orang putih yang dijemput itu terdiri daripada pegawai pentadbir belaka dan kita tidak pernah menjemput pegawai MCS Melayu.

Apabila penceramah menghentam penjajah, nampak muka orang putih itu hitam dan merah padam kerana terlalu geram dan marah. Akan tetapi oleh kerana pegawai pentadbir Inggeris yang ditugaskan itu semuanya adalah berdisiplin dan belajar sifat-sifat diplomat maka mereka dapat menguasai diri walaupun dengan senyuman pahit.

Begitulah kebiasaannya yang berlaku pada tiap-tiap kali diadakan perjumpaan. Perjumpaan biasa memang selalu diadakan di panggung wayang, gunanya untuk mendekatkan rakyat biasa kepada gerakan menentang penjajahan.

Selain daripada meminta gaji lebih atau kenaikan gaji untuk meninggikan taraf hidup, kita juga cuba mencari jalan supaya tuan-tuan punya estet atau pengurusnya berasa runsing, jangan beri mereka hidup tenang dan senang, masalah sengaja ditimbulkan, satu demi satu.

Apabila mogok berlaku, kami pungut wang daripada ahli-ahli yang tidak mogok dari seluruh negeri. Wang itu kami berikan kepada buruh-buruh yang mogok itu. Sehingga pada akhir 1947 angka ahli buruh di negeri Johor sahaja melebihi 40,000 orang. Pada masa itulah saya merasa menaiki bas ke seluruh negeri Johor dengan percuma kerana kakitangan pekerja bas daripada drebarnya hinggalah kepada konduktor dan inspektor tiketnya kenalkan saya. Mereka sengaja tidak mengambil tiket, ertinya saya terkecuali dari tambang kerana ahli kesatuan.

Pengalaman dalam Gerakan Johore South Federation of Trade Union (JSFTU)



Selama tiga tahun berturut-turut saya menjadi ketua Johore South Federation of Trade Union (JSFTU), tentulah ada sedikit-sedikit pengetahuan berkaitan hal buruh. Walaupun kami bertiga menjadi lembaga pengerusi bagi kesatuan buruh Johor, tetapi masing-masing atas nama kaumnya, dan dalam bertindak tidak pilih kepada kaum masing-masing sahaja. Siapa sahaja akan pergi ke tempat yang bermasalah, walau apa sahaja kesnya atau siapa sahaja orangnya. Yang penting ialah membela nasib kaum buruh. Pada awal tahun 1947, saya pernah pergi berjumpa pengurus estet di Kota Tinggi iaitu estet Mawai.

Pagi-pagi lagi saya dan dua orang kawan pergi menemui pengurus di rumahnya. Beliau ialah orang Eropah. Setelah saya memperkenalkan diri dengan menggunakan kad pengenalan diri, beliau pun menjemput kami naik ke rumahnya dan terus masuk ke dalam bilik tidurnya. Belum sempat duduk dengan tertib lagi beliau telah mengambil rokok *Players* yang di dalam tin dan disuakan ke mulut saya dan seorang kawan lagi.

Setelah rokok sampai ke mulut dipetikinya pula *lighter* yang ada di tangannya untuk memasang rokok tersebut dengan muka yang manis dan peramah serta penuh dengan psikologi dan diplomasi.

'Siap!' kata hati saya, 'orang putih sedang menggunakan sepenuh psikologinya'. Dalam perbualan itu kami bercerita secara rambang dan akhirnya sampai kepada politik. Dengan pantas beliau menyatakan bahawa kita sekarang benar-benar hidup dalam zaman demokrasi. "Kalau tidak ada demokrasi masakan tuan-tuan sampai ke dalam bilik saya hari ini," katanya sambil ketawa yang dibuat-buat. "Sebenarnya," kata saya, "tujuan kami datang ialah untuk meminta lori membawa buruh-buruh estet ini ke Johor Bahru pada 1 Mei ini."

Belum habis lagi saya bercakap, beliau telah menjawab, "Boleh, bila-bila pun boleh dan berapa buah lori cukup?" tanya beliau lagi. Kami berbual itu bercakap Inggeris campur Melayu, kerana beliau memang suka begitu.

Apabila perbualan telah berakhir dan kami hampir meminta diri, dia perlahan-lahan membisikkan ke telinga saya dengan suara yang boleh didengar oleh dua orang kawan saya. "Hari perayaan Malaya Merdeka bila?" dia bertanya dalam bahasa Inggeris.

Saya jawab, "Why you ask me such a question?" "Oh! oh! oh! ... saya lupa," katanya sambil berpura-pura menggaru kepala dan diiringi dengan gelak ketawa yang dibuat-buat juga. Saya faham bahawa beliau hendak menyindir saya, atau hendak menyuluh saya, mungkin juga hendak menjolok moga-moga saya terlatah. Saya berasa terhina kerana pertanyaan itu tidak dapat saya jawab untuk memberi tarikh yang tepat.

Tetapi sepuluh tahun kemudian 'Malaya Merdeka' juga. Malangnya apabila Malaya Merdeka, saya tidak dapat bertemu dengan orang putih itu hingga sekarang. Pada suatu kejadian yang lain pula, saya pergi berjumpa *engineer* DID Batu Pahat. Apabila saya sampai ke mejanya, dia bertanya, "Siapa awak?" Saya tunjukkan kad saya. Nampaknya seolah-olah tidak percaya saya sebagai ketua kesatuan yang hanya memakai seluar pendek sahaja dan berumur tidak lebih dari 23 tahun. Tentulah tidak munasabah saya memegang jawatan peringkat tinggi dan mempunyai tanggungjawab yang begitu besar dan berat.

Perangai orang putih itu memang cukup sombong. Barangkali dia berasa dia seorang *engineer*. Dia tidak suruh saya duduk pun, cuma dia bertanya pada saya, "Apa awak mahu?" Saya jawab, "Saya mahu tahu apa pasal awak kasi berhenti pekerja buruh DID seramai 213 orang dengan tidak ada notis?" Dia pura-pura terkejut, baharu dia suruh saya duduk. Kemudian dia suruh saya ulangi lagi dalam bahasa Inggeris. Saya jawab dengan bahasa Melayu juga. Kemudian dia tanya, Siapa 'awak'? - you? Sebab saya bahasakan *engineer* itu 'awak' sahaja bukannya 'tuan'. Saya tunjuk dengan telunjuk saya "awaklah!" kepadanya. Dia pun diam.

Nampak berubah air mukanya kerana selama ini mungkin tidak pernah orang Melayu memanggilnya dengan 'awak' sahaja, selalunya memanggilnya 'tuan' belaka. Kepada saya tentulah tidak ada alasan yang baik untuk saya memanggilnya tuan, kerana yang pertama, saya bukan bekerja di bawah kekuasaannya (hambanya); kedua, saya datang atas nama jawatan saya sebagai ketua buruh negeri.

Dalam perdebatan itu, saya cuma memberi kata dua sahaja, mahu diambil balik bekerja atau tidak dan bagaimana dengan gaji? Mereka

telah diberhentikan selama 11 hari tiap-tiap seorang. Kejadian ini berlaku semasa banjir besar di negeri Johor pada 1947. Pekerja yang terlibat semuanya buruh Melayu belaka dari Kampung Parit Raja, Batu Pahat.

Akhirnya, dia teragak-agak tidak dapat jawab. Kemudian saya tambah lagi, "Kalau tidak mahu bayar pun tidak apa dan kalau mahu bayar lagi baik. Juga kalau mereka diambil semula itu cukup baik dan kalau terus dibuang pun tidak apa, cuma saya mahu tahu sahaja."

Dengan gopoh-gapah dia mengangkat telefon entah ke mana. Kemudian dia memberitahu saya bahawa dia akan menyelesaikan semua perkara tersebut. Saya tanya dia telefon ke mana? Dia menjawab, "Bertanya kepada *State Engineer*." Ah! Kata hati saya, entah ya, entah tidak!

Sebelum dia memberi pengakuan dan jaminan untuk menyelesaikan perkara tersebut, dia cuba menyalahkan air bah besar yang berlaku dan menyebabkan orang tidak dapat bekerja dan mereka terpaksa pula bekerja untuk mencuci rumah mereka sendiri.

Saya jawab, "Saya bukan tanya itu." Dia diam.

Empat hari kemudian perkara itu beres. Rupa-rupanya mereka cuba diamkan sahaja dan kalau tidak ada apa-apa tindakan dari pihak kesatuan buruh, mungkin perkara ini akan senyap begitu saja. Ertinya sangkut di tengah jalan. Inilah kerja orang putih itu.

Pada satu kejadian lagi, saya menyaksikan berlaku pemogokan pekerja di salah sebuah estet. Semasa saya hendak pergi ke rumah pengurus estet pada pagi itu, buruh-buruh yang mogok hendak mengikut sama. Saya larang mereka ikut sama. Pada masa itu ada dua orang mata-mata estet berdiri di kiri kanan jalan untuk menyekat supaya mereka jangan pergi mengikut saya. Saya beritahu mata-mata itu supaya menjaga mereka, jangan membuat huru-hara pula.

Sesampainya saya di rumah *manager* itu, isterinya menyatakan bahawa *manager* telah pergi ke pejabat. Saya pergi ke pejabatnya dan di situ saya disambut secara terhormat.

Dalam perbincangan kami berdua itu, saya tekankan kepadanya, bahawa orang putih memang tidak guna, kerana semasa perintah Jepun dahulu, orang-orang yang mogok itulah yang menjaga estet selama tiga tahun lapan bulan. Sepatutnya tuan punya estet memberi bonus kepada mereka, bukan membiarkan mereka sampai mogok.

Orang putih itu akhirnya berkata, "Saya pun makan gaji juga, kalau saya salah, saya pun kena buang juga."

Mendengar kata-kata itu saya pun berasa kasihan pula dan saya pun cuba bertolak ansur. *Manager* itu memberi pengakuan akan berunding dengan *general manager* secepat mungkin di Melaka. Saya

bersetuju akan keputusannya. Hasilnya, gaji buruh naik sebagaimana yang dituntut tetapi seorang buruh dibuang kerja.

Pada mulanya kami cuba mempertahankan nasib buruh India yang dibuang itu, tetapi dia mengatakan bahawa dia tidak berminat lagi untuk bekerja di situ dan telah dapat kerja lain. Buruh-buruh yang mogok itu ramainya lebih daripada 400 orang campur Melayu, Cina dan India.

Pada kejadian lain pula, saya pergi ke Pagoh, Hulu Muar. Saya pergi bersama-sama tuan punya estet itu dengan menaiki keretanya dari bandar Muar ke Pagoh. Sesampai saya di estet Pagoh itu, saya dikerumuni oleh buruh-buruh India dan menceritakan kekejaman tuan punya estet itu terhadap pekerjaannya. Maklumlah orang India memang pandai bersastera.

Jam dua petang kami mula mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan hal tersebut dengan mengadakan mesyuarat tiga penjur. *Manager* estet itu sebagai wakil estet, saya sebagai wakil kesatuan kaum buruh negeri dan seorang lagi ialah wakil buruh yang mogok di estet itu. Pekerja-pekerja yang mogok itu tidak ramai cuma di antara 150-160 orang sahaja. Dalam perbincangan tersebut, saya cuma mengambil *statement* daripada pemogok dan majikan. Dalam *statement* itu, masing-masing berkeras tidak mahu mengalah.

Kita tetap mengakui bahawa orang India memang pandai bercakap berbelit-belit, kalau tidak diperhatikan benar-benar mungkin kedua-dua belah pihak itu salah dan mungkin juga kedua-duanya benar belaka. Estet ini dipunyai oleh orang India dan buruhnya pun orang India juga. Apabila sampai kepada giliran saya bercakap memberi kata pemutus, ertinya membuat kesimpulan yang terakhir, saya pada mulanya seperti kehilangan akal kerana mendengar kenyataan kedua-dua pihak munasabah belaka, sedangkan saya mesti memihak kepada buruh. Pada masa itu Allah SWT memberi saya fikiran dengan serta-merta dan saya mulakan dengan:

"Saya orang Melayu, ini estet orang India punya, dia punya kuli pun orang India juga. Kalau saya orang India jadi *owner* ini estet dan saya punya kuli orang India juga tentu itu orang Melayu 'chief trade union' tidak boleh sampai ini tempat. Kalau saya kasi saya punya kuli gaji banyak pun itu saya punya bangsa. Kalau dia banyak wang lagi baik sebab saya punya bangsa banyak wang."

Belum pun habis cakap saya, *manager* itu sudah memotong cakap saya dengan muka yang merah padam dan malu sambil berkata, "Baiklah aya, sekarang saya terima apa dia orang punya minta semua." Percakapannya mati sampai di situ sahaja.

"Baiklah," kata saya dan saya tanya wakil-wakil buruh dari estet itu yang memberi pandangan dalam perbincangan itu, "Awak orang ada dengar semua ini *manager* cakap?" "Ada aya," kata mereka beramai-ramai. "Awak orang setuju itu *manager* cakap?" Tambah saya lagi. "Setuju aya," jawab mereka beramai-ramai. "Kalau itu macam sekarang ini kes sudah habis." Dan kami pun berjabat tangan di antara tiga perwakilan. Urusan semua beres.

Saya rasa cukuplah beberapa kes ini saya beritahu pembaca iaitu antara berpuluh-puluh kes yang telah berlaku untuk memberi gambaran agar kita tidak tertipu oleh dasar kapitalis yang menguasai ekonomi di dunia ini.

Walaupun begitu, sesiapa yang tertarik dengan pengaruh dan cara hidup kapitalis, maka nyatalah mereka itu tidak akan kenal siapa saudara-mara mereka atau siapa bangsa mereka, apalagi manusia seluruhnya tentulah jauh sekali. Dasarnya ialah, kalau dapat ditindas, diperas, maka hendaklah ditindas dan diperas semuanya hingga tidak boleh bergerak. Perasaan kasihan, perasaan timbang rasa memang tidak ada dalam kamus kapitalis.

Selain itu, saya pergi menemui *Labour Controller* pada tiap-tiap minggu (sekarang diubah kepada Pejabat Buruh). Mereka ini semuanya orang putih belaka. Ada masanya, sebulan sekali *Labour Controller* ini datang ke pejabat kami, JSFTU. Kedatangan mereka ialah untuk menerangkan undang-undang buruh seperti *Workman Compensation*, *Labour Enactment* dan lain-lain lagi.

Masa saya ditangkap, baharulah saya mengetahui bahawa orang putih ini semuanya menjadi penyuluh kepada Malayan Security Service (MSS) belaka rupanya. Saya bertembung dengan mereka di Central Police Station Johore Bahru semasa saya ditangkap.

Tatkala berjumpa *Labour Controller* ini di pejabatnya, tidaklah cerita lain selain daripada bertengkar darihal buruh dibuang kerja, gaji lambat dibayar dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan buruh. *Labour Controller* ini tidak pernah menunjukkan simpatinya kepada kaum buruh dan tidak pernah pula menyalahkan majikan, walaupun majikan itu benar-benar salah.

Pada suatu masa South Johore Bus mogok. Selepas tiga hari lebih kurang, kami pun mengadakan mesyuarat di pejabat buruh Air Hitam. Pekan Air Hitam ini terletak di simpang empat iaitu satu simpang ke Batu Pahat, satu simpang ke Kluang, satu simpang ke Yong Peng dan satu lagi ke Johor Bahru.

Semasa kami sedang hendak bermesyuarat, tiba-tiba datang sepasukan askar British dengan empat buah kereta trak dan empat

buah meriam. Tiap-tiap sepasang alat tersebut dihalakan kepada tiap-tiap simpang, seolah-olah hendak berperang.

Kami memandangi dari markas dan ketawa seolah-olah British hendak mengugut kami. Inilah akal British. Tidak lama setelah kami bersurai, mereka pun pulang ke pangkalan mereka. Sebenarnya, tujuan mogok itu bukan sahaja menggalakkan buruh itu meminta gaji naik, tetapi ialah menggalakkan mereka supaya berani minta gaji lebih dan apabila mereka telah berani minta gaji lebih nanti mereka akan berani pula minta Merdeka.

Pegawai gerakan buruh pusat yang paling hampir dengan saya di negeri Johor pada masa itu ialah Shamsuddin Salleh. Beliau ialah exco buruh dari pusat.

Mungkin dalam sebulan, lebih dua minggu dia akan berada bersama saya ke hulu ke hilir di negeri Johor. Selebihnya dia pergi ke Kuala Lumpur atau pulang ke Kuala Pilah. Shamsuddin Salleh ialah seorang penulis dan bekas pemberita *Utusan Melayu*. Beliau sudah menulis lebih seratus buah buku cerita. Orangnyanya pandai bercerita dan boleh pula mengajuk-ajuk cakap (pelat) orang di Malaya ini. Kalau berjumpa orang Terengganu dia bercakap pelat orang Terengganu, Perak pun begitu, Kedah, Penang lagi senang dan Johor juga seperti biasa.

Perangainya peramah, tetapi lidahnya suka memintas cakap. Hujahnya pukul mati. Shamsuddin Salleh ini pada masa mudanya nakal juga. Beliau pernah menulis dengan mengatakan Kolej Tanjung Malim itu kosong, tidak ada apa-apa ilmu pengetahuan yang boleh dibanggakan.

Pada mulanya ramai juga puak-puak guru yang marah kepadanya, kerana beliau merendah-rendahkan taraf atau kewibawaan guru yang berkelulusan Tanjung Malim, tetapi akhirnya reda, kerana mungkin ada di kalangan guru itu yang mengakui kebenarannya.

Suatu ketika Shamsuddin Salleh datang ke rumah saya di Kluang. Kebetulan pada masa itu ada seorang kawan saya yang datang ke rumah sebagai tetamu juga. Beliau bekerja sebagai pegawai kerajaan. Apabila Shamsuddin tiba dan setelah dipersilakan naik dan duduk di kerusi sebelah saya, maka saya perkenalkan mereka satu sama lain.

"Ini Shamsuddin Salleh, seorang wartawan dan ini Malik... seorang pegawai kerajaan," kata saya memperkenalkan sambil menambah lagi, "Encik Shamsuddin ini orang Kuala Pilah dan Encik... ini orang Rembau."

Dalam perbualan yang begitu panjang lebar sambil minum, Shamsuddin bertanya kepada kawan saya itu. "Dah lamo incik duduk

di Johor ni?" Mengikut pelat Negeri Sembilan. Kawan saya itu menjawab, "Eseh dah lamo jugo merantau ni dokek dua puluh tahun."

"Oh," kata Shamsuddin, "Kalau dari Rombau tu ke Joho ajo olon lai merantau e tu incik." Mendengar jawapan Shamsuddin itu, kawan saya itu terkelip-kelip matanya nampak kelam-kabutnya sebab Shamsuddin tidak beri peluang langsung. 'Hantu betul Shamsuddin ini,' kata hati saya. Baru nak kenal, dia sudah *smash* terus. Itulah perangai Shamsuddin Salleh.

Apabila saya bertanya bagaimana hendak menulis rencana atau berita, maka dia pun menjawab, "buatlah sendiri". Memang, apabila beliau menulis berita atau rencana atas apa tajuk jua pun, tidak pernah dipotong oleh sidang pengarang.

Cara menulis sama sahaja dengan cara beliau berceramah, iaitu tidak suka banyak bunga dan putar belit. Perangainya kadang-kadang pemarkah. Makan di kedai kalau silap sahaja dia cuba hendak mengugut tuan kedai untuk merepotkan kedai itu ke pejabat *Food Control*.

Sebelum perang, beliau tinggal di serata Malaya ini sebagai pemberita *Utusan Melayu*. Seperti di Ipoh, Perak; di Pulau Pinang dan di Kuala Terengganu. Itulah sebabnya beliau boleh mengajuk-ajuk pelat daerah yang ada di Malaya ini.

Beliau berketurunan Kampar, Sumatera. Beliau ialah sahabat karibku dalam perjuangan juga guruku dalam menulis.

Orangnya baik tetapi tidak suka bersikap diplomat terhadap sesuatu yang salah. Ya Allah! Cucurilah rahmat ke atas rohnya.

Seksi Tani

Seksi tani belum dapat berjalan pada keseluruhannya. Sepanjang ingatan saya mungkin di Pulau Pinang dan sedikit-sedikit di Kedah yang baharu dirangka gerakannya. Seksi ini dipimpin oleh Musa Ahmad. Dalam rencananya, seksii tani meliputi semua jenis kegiatan pertanian. Umpamanya memelihara ayam, itik, kambing, lembu, termasuk ikan yang dipelihara, iaitu ikan sungai dan ikan laut.

Gerakan tani ini telah menubuhkan sebuah rangkaian kedai syarikat kerjasama (co-operative society) dan bukannya koperasi (corperation) yang beroperasi di seluruh negara. Semua hasil dari kaum tani akan dibeli oleh kedai syarikat kerjasama itu. Syarikat ini pula akan mengedarkan bahan-bahan tersebut menerusi kedai-kedai syarikat di seluruh negara juga. Selain itu, pada teorinya seksii ini akan mengimport barang-barang dari luar negeri kemudian barang-

barang itu disalurkan ke seluruh kedai syarikat kerjasama di seluruh tanah air.

Barang-barang tahan lama akan dieksport kalau lebih dari kegunaan negara. Barang-barang ini ialah barang yang diusahakan oleh ahli syarikat kerjasama itu sendiri sahaja dan bukan barang yang dibeli dari orang yang tidak menjadi ahli. Ertinya; barangan itu dibeli dari ahli dengan harga yang mahal dan dijual dengan harga yang murah kepada ahli, barangan itu dijamin mendapat harga yang jauh berbeza dari harga biasa sama ada harganya untuk membeli dan mahal pula harganya semasa dijual. Barang-barang dagangan ini juga tidak melalui banyak orang tengah maka keuntungan yang diberi kepada orang tengah itu dapat diberi kepada ahli-ahli itu sendiri.

Apabila barangan dari syarikat kerjasama lebih murah dari barangan yang dibeli di tempat lain, maka tentulah barangan dari syarikat kerjasama akan mendapat pasaran yang lebih istimewa.

Setelah rancangan ini terlaksana maka tentulah ekonomi petani dengan sendirinya maju dan lebih maju dari masyarakat yang tidak menjadi ahli kerana sekurang-kurangnya keuntungan perniagaan dari syarikat tersebut akan dapat diagihkan sekurang-kurangnya setahun sekali.

Inilah rencana atau teori awalnya pada anggaran kasar, bukannya seperti *co-operation society* yang ada sekarang ini.

Syarikat kerjasama yang ada sekarang ini tidak akan membawa sebarang faedah apa-apa kepada ahlinya, yang mana ia telah pun diwujudkan di serata kampung dan akhirnya berkubur begitu sahaja, sedangkan semasa ia berjalan cuma yang untung dan senang ialah tauke-tauke besar di bandar-bandar yang membekalkan semua barang-barang keperluan tersebut kepada syarikat kerjasama tersebut.

Tauke-tauke tersebut sahaja dapat mengaut keuntungan yang begitu besar, kerana sepatutnya untuk menjual sepuluh guni beras mereka terpaksa menunggu kedainya dari pagi hingga petang. Baharulah habis umpamanya, tetapi kerana adanya syarikat-syarikat kerjasama tersebut untuk membeli berasnya sebanyak itu dengan sekaligus sahaja, dalam masa yang paling singkat, maka tauke kedai tersebut bolehlah menutup kedainya kerana barang yang hendak dijualnya telah habis dibeli oleh syarikat kerjasama.

Masa yang lebih tujuh jam lagi itu kalau dia mahu dia akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda pula, atau dia bolehlah berehat.

Itulah perbezaan *co-operative society* yang ditaja oleh PKMM dan *co-operative* yang ada sekarang.

Akan tetapi oleh kerana masa terlalu singkat untuk menilai gerakan tersebut, iaitu selama tiga tahun tak sampai, maka rancangan besar-besaran itu gagal, tidak dapat dilaksanakan dengan lancarnya sebagaimana seksi buruh.

Selain itu, lapangan pertanian yang boleh mengeluarkan hasil yang tertentu tidaklah seberapa, cuma nelayan sahaja yang boleh diladang, itu pun tidak juga seberapa.

Lantaran pengeluaran yang tidak menentu rancangan asalnya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan memanglah seksi tersebut sudah dijangka dari mula lagi, cuma untuk menyempurnakan syarat seksi, maka ia ditubuhkan juga.

Oleh itu tak hairanlah kalau seksi tani ini lambat maju kerana ia dijangka untuk jangka panjang (long term policy).

Seksi tani ini tidak semudah seksi buruh kerana cara hidup yang berlainan dan cara pekerjaan pun berlainan juga maka tentulah cara pemikirannya pun berlainan.

Seksi Agama

Seksi ini ditubuhkan kemudian sekali yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir, pengetua Sekolah Agama Rakyat, Gunung Semanggol, Taiping. Seksi ini diberi nama Majlis Islam Tertinggi. Ertinya kalaulah PKMM memerintah negeri ini, maka segala fatwa yang berhubung dengan agama Islam atau hukum Islam, mestilah dirujuk kepada Majlis Islam Tertinggi terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

Seksi agama ini juga belum dapat bergerak dengan lancarnya di sebelah selatan tetapi di sebelah utara tanah air ia bergerak dengan pesat. Walaupun begitu, saya telah dipilih menjadi ahli jawatankuasa bagi negeri Johor semasa kami mengadakan perjumpaan di Dewan Mesyuarat Negeri Johor yang dihadiri oleh orang Johor yang bijak pandai dan ternama.

Antara yang hadir yang saya ingat ialah Dr. Hamzah (sebagai pengerusi), Che' Abdullah Haji Taib, Ungku Abdullah Omar, Jamil Sulaiman, Mat Haji Rahim dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir, juga dua orang wartawan iaitu Syed Idrus, wartawan *Utusan Melayu* dan Ariffin Ishak, wartawan *Warta Negara*. Juga hadir Shamsuddin Salleh selaku wakil PKMM pusat.

Mesyuarat ini selain menubuhkan Majlis Islam Tertinggi yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir, juga mengambil kesempatan membantah penubuhan Malayan Union. Pada hari itulah saya melihat Ungku Abdullah Omar memberi ucapan yang berapi-api dan marah

kepada Tengku Mahkota, Tengku Ismail anakanda Sultan Ibrahim, Johor.

Semasa Ungku Abdullah mengamuk marahkan Tengku Mahkota, semua perwakilan diam dan masing-masing memandang satu sama lain. Para perwakilan berasa gerun, kerana Ungku Abdullah semasa memberi ucapan telah mengeluarkan kata-kata yang terkeluar dari bahasa politik atau bahasa biasa.

Siapakah Ungku Abdullah? Sebenarnya beliau adalah sepupu Sultan Johor dan beliau belajar di England selama 25 tahun. Sebenarnya, saya belum pernah mendengar orang Melayu yang berkelulusan Inggeris bercakap Inggeris sebagaimana Ungku Abdullah. Beliau bukan sahaja bercakap sebagaimana orang Inggeris bercakap, malah suaranya pun seperti suara orang Inggeris, manakala perwatakannya menyerupai orang Barat, mukanya, gayanya berjalan, duduknya memang saling tidak tumpah. Beliau mengetahui bahasa Arab, maka apabila beliau bercakap atau menyebut bahasa Arab cukup terang.

Orangnya peramah, penyayang dan tidak banyak kira apabila bersama rakyat murba, tetapi dia akan tunjuk *action* dan tunjuk lawa kepada orang atasan.

Saya berkawan baik dengannya sehingga boleh bertanya, "Hari ini ada duit Ungku? Kalau ada mari kita minum." Begitulah umpamanya dan kalau saya pula ada wang dia pun begitu juga.

Sebenarnya, dari segi kedudukannya, beliau bukanlah taraf saya untuk berkawan dengannya, kerana yang pertama, umurnya dua kali ganda daripada umur saya pada masa itu. Yang keduanya, beliau ialah anak raja yang paling hampir kepada Sultan, dan yang ketiganya, beliau berkelulusan tinggi, belajar di England.

Cuma sangkutnya dengan saya ialah kami lantik beliau menjadi penasihat undang-undang Kesatuan Buruh Johor. Oleh itu, beliau menganggap saya sebagai seorang sahabatnya yang paling rapat.

Semasa saya dalam tahanan di Majidee Camp, Johor Bahru, beliau datang menemui saya. Kedatangan beliau itu menggemparkan semua warden dan *camp superintendent* (orang putih). Para tahanan juga terkejut kerana menyangka orang putih datang hendak berjumpa saya. Inilah seorang anak raja Johor, antara beberapa orang anak raja Johor yang benar-benar progresif pada masa itu yang saya jumpa.

Perjumpaan Umum Menentang Malayan Union



Pada masa kami mengadakan perjumpaan menentang Malayan Union yang dianjurkan bersama dengan parti-parti politik dan bukan politik, di rumah No. 49 (kalau tidak salah) Jalan Ibrahim, Johor Bahru, yang mana kemudiannya dijadikan pejabat UMNO Malaya. Pada masa itu ibu pejabat UMNO di Batu Road belum ada ura-ura lagi.

Bangunan tersebut diduduki oleh bekas anggota Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA). Biasanya apabila ada perjumpaan yang berhubung dengan politik tanah air, orang Johor Bahru yang tidak pernah tinggal mengambil bahagian ialah Dr. Hamzah, Che' Lah Haji Taib (abang Dr. Hamzah) dan Ungku Abdullah Omar. Orang-orang mudanya pula selain dari Mat Haji Rahim ialah Yusuf Haji Rahim dan Jamil Sulaiman serta ramai lagi pemuda-pemuda yang *English educated*.

Cikgu Safiah Sulaiman, iaitu kakak Jamil Sulaiman, digantung jawatan gurunya kerana menjadi wanita yang paling kuat menentang Malayan Union. Tiap-tiap kali mesyuarat yang diadakan untuk menentang Malayan Union, maka Dr. Hamzahlah yang menjadi pengerusinya. Dalam mesyuarat, tiap-tiap orang, wakil atau tidak, semua berpeluang untuk mengeluarkan fikiran.

Setelah puas menghentam penjajah British, menghentam British High Commissioner Malaya, maka keputusan pun diambil untuk menolak Malayan Union. Mesyuarat juga mengambil keputusan untuk menghantar sepucuk telegram kepada Sultan Johor yang pada masa itu berada dalam kapal Queen Mery hendak pergi ke England. Telegram yang dihantar kepada sultan itu berbunyi:

Atas nama mesyuarat yang diasaskan oleh rakyat negeri Johor pada tanggal... Maka patik sekalian yang mewakili berbagai-bagai pertubuhan menarik balik pengakuan taat setia kepada Sultan Johor kerana Sultan telah menandatangani Malayan Union.

Begitulah lebih kurang isi telegram keputusan mesyuarat yang dihantar itu. Ia dialamatkan kepada, 'Sir Ibrahim Ex-Sultan of Johore.'

Semua perwakilan menyerahkan kepada Mat Haji Rahim untuk menaip telegram tersebut. Sebagai kandungan telegram itu Mat Haji Rahim menaip semua keputusan mesyuarat, tetapi alamatnya Mat Haji Rahim tuliskan: 'Sir Ibrahim Sultan of Johore'. Mat Haji Rahim tinggalkan 'Ex' sama ada sengaja atau terlupa. Apabila Ungku Abdullah minta dari Mat Haji Rahim telegram yang akan dihantar itu, maka Ungku pun mula bertanya mengapa tidak ditulis Ex-Sultan? Mat Haji Rahim tidak jawab. Kemudian Ungku Abdullah mengamuk dengan berkata, "Awak menipu rakyat, awak penakut, awak tidak jujur terhadap para perwakilan," dan bermacam-macam lagi.

Mat Haji Rahim diam sahaja tidak menjawab, Ungku Abdullah suruh taip yang lain mengikut arahan dan keputusan mesyuarat. Mat Haji Rahim taip semula. Kejadian ini berlaku bukannya di tempat mesyuarat tetapi selepas mesyuarat. Mesyuarat di tingkat atas dan menaip surat telegram itu di tingkat bawah yang pada masa itu Che' Omar membuka kedai beras. Selepas ditaip dan disemak semula oleh Ungku Abdullah, maka baharulah, "Hantar sekarang!" kata Ungku.

Di sini patut saya terangkan sedikit lagi akan latar belakang orang Johor tersebut. Dr. Hamzah berkelulusan ilmu perubatan pada 1922. Che' Abdullah Haji Taib, seorang guru Inggeris yang mengajar di Beirut, Lebanon. Ungku Abdullah Omar, berkelulusan England dan tinggal di sana lebih 25 tahun, pernah menjadi Assistant Commissioner of Police Johore. Berhenti kemudiannya kerana berselisih faham dengan Sultan Ibrahim pada masa itu. Jamil Sulaiman, seorang budak nakal dan 'busy body'. Beliau ialah seorang pemberita *Utusan Melayu* dan penulis sajak, Arab dan Inggeris. Pada akhir hayatnya beliau menjadi doktor Homeopati dan beramal di No. 10, Jalan Yahya Awal, Johor Bahru. Mat Haji Rahim pula ialah seorang pemuda yang baik dan bercita-cita tinggi, lulus Senior Cambridge. Bekerja sebagai pegawai di Jabatan Pelajaran.

Oleh kerana kesemua kejadian ini hampir 50 tahun yang lalu berlaku, maka itulah sahaja yang saya ingat di samping berpuluh-puluh orang lagi. Mereka ini yang disebutkan namanya tadi ialah orang-orang yang paling rapat dengan saya pada masa itu.

Yang nyatanya, untuk menghantar telegram bantahan kepada Sultan Johor pada masa itu bukanlah satu kerja main-main dan mudah yang disangka. Kerana pada masa itu orang Melayu sangat takut kepada kerajaan Inggeris apalagi untuk menghantar telegram kepada British High Commissioner atau kepada Sultan yang

kandungannya adalah membantah atau menentang Malayan Union. Tetapi itulah yang kita buat dan telah pun kita buat.

Atas nama May Day, kami mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran. Beribu-ribu ahli buruh dikerah keluar untuk mengambil bahagian. Setelah berpusing-pusing seluruh jalan sampai ke tepi sungai Seget dan berpusing menghala ke padang Mahkamah Tinggi di padang terbuka di tepi laut pantai Lido.

Apabila saya ingat-ingat akan kejadian tersebut, saya berasa seram, kerana beribu-ribu manusia berani menghentam Inggeris di padang Mahkamah Tinggi Johor Bahru, tetapi kalau saya amat-amati betul-betul, saya rasa hendak ketawa pula kerana adakah orang seperti saya ini orang putih sangat takut lantas hingga tujuh tahun ditahan.

Saya bukanlah berkelulusan England atau seberang laut, umur pun baru 23 tahun iaitu budak mentah sangat, pelajaran pun hanya sekolah agama dan sekolah Arab sambil belajar Inggeris sedikit-sedikit atau sambilan sahaja. Kejadian yang berlaku pada hari itu masih ternampak-nampak, seperti berlaku semalam sahaja. Semasa saya menghentam itu dan menghentam ini, dengan tidak sengaja ternampak dua orang polis beruniform tegak di tengah-tengah orang ramai menghadap kepada saya. Apabila saya terpandang beliau dan beliau pun dengan tidak sengaja terpandangan saya, beliau senyum kepada saya dan saya pun senyum membalas senyuman beliau.

Beliau ialah kenalan saya. Mungkin dia pun benci juga kepada British dan mahu merdeka, tetapi apa boleh buat dia sudah silap langkah, maka tentulah menyebelahi Inggeris dan tidak upayalah hendak menentang secara terang-terangan sebagaimana saya.

Pada suatu ketika kami mengadakan perjumpaan di Town Hall, Kuala Lumpur untuk menentang atau membantah Malayan Union. Perjumpaan ini dihadiri oleh wakil pelbagai parti politik dan bukan politik khas untuk orang Melayu sahaja. Sebelum mesyuarat dijalankan, pengerusi mesyuarat menyampaikan ucapan akan tujuan perjumpaan tersebut diadakan semata-mata untuk membantah Malayan Union. Sesiapa yang bersetuju dengan penubuhan Malayan Union, diminta meninggalkan majlis tersebut secara terhormat.

Malangnya, selepas pengumuman dibuat, ada dua orang wakil dari Sabak Bernam mengatakan mereka tidak menentang Malayan Union dan menyokong gagasan tersebut. Setelah mereka mengaku berterus-terang, maka para perwakilan pun mula menyorakkan mereka dan mereka segera keluar dari dewan tersebut. Sebelum majlis mengambil keputusan untuk membuat satu memorandum yang akan dihantar kepada British High Commissioner, maka para hadirin

meminta seorang penaja perjumpaan naik ke pentas untuk menjawab semua soalan yang berhubung dengan Malayan Union.

Kemudian, salah seorang daripada para perwakilan yang hadir menunjukkan Shamsuddin Salleh. Semua para hadirin tidak membantah dan tidak ada cadangan yang lain, maka pengerusi menjemput Shamsuddin naik ke pentas. Shamsuddin pun naik ke pentas dengan memakai suite putih *shark skin double breast*. Shamsuddin Salleh duduk mengambil tempatnya menghadap para hadirin di bawah.

Dalam hati saya berkata, 'Kalau silap tanya nanti ada pula yang kena *boo ni*'. Ini kerana perangai Shamsuddin Salleh selalunya tidak pernah pula memberi peluang ketika menjawab pertanyaan. Biasanya dia akan jawab secara lipat kajang. Nasib baiklah apabila pengerusi memberi peluang untuk bertanya, tiada seorang pun yang berani tanya. Mungkin para hadirin kenal Shamsuddin agaknya, kerana lidah Shamsuddin bukanlah lidah biawak, tetapi apabila dia masuk campur apa-apa masalah, alamat tiada perbincangan sebab dia suka menolong terus.

Setelah diumumkan berkali-kali oleh pengerusi supaya para perwakilan mengajukan pertanyaan, tetapi tiada seorang pun yang berani mengemukakan pertanyaan. Kebanyakan para perwakilan mengambil peluang untuk menghentam penjajah. Menghentam gagasan Malayan Union.

Di sudut dewan dekat dengan tangga hendak naik ke pentas, saya nampak ada dua orang putih. Saya lihat mereka berumur di antara 35-40 tahun sahaja, menghayati dengan penuh minat akan segala ucapan dari para perwakilan.

Saya nampak mukanya merah padam diiringi dengan senyum sinis. Sebenarnya mereka berasa sangat marah dan diiringi pula dengan perasaan malu, kerana semua ucapan para perwakilan mendedahkan keburukan penjajah. Perjumpaan itu tidak dihadiri oleh Ishak Haji Muhammad dan juga Dr. Burhanuddin. Mereka terpaksa menghadiri perjumpaan yang seperti itu sama ada di Ipoh atau Taiping sedangkan Ishak Haji Muhammad pula ke Kuantan atau Temerloh di atas tajuk yang sama. Akhirnya, Malayan Union dimansuhkan dan diganti dengan Federation of Malaya. Isi atau kandungan perlembagaan penubuhan Federation of Malaya yang pada dasarnya serupa sahaja dengan Malayan Union. Cuma namanya sahaja yang berlainan.

Mesyuarat Buruh yang Terakhir dan Bersejarah, Januari 1948

Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU) General Assembly yang terakhir diadakan di markas kesatuan kaum buruh Singapura di River Valley Road ialah pada 1948. Mesyuarat itu memakan masa hampir sepuluh hari. Dalam mesyuarat itu, saya selalu diperli oleh Bahar Obit, ketua buruh Singapura, kerana saya selalu memakai suite putih *open coat*. Bahar kata saya seperti kapitalis. Bizar Ahmad sebagai setiausaha tidak suka memerli kawan.

Mesyuarat itu berjalan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya dan diterjemahkan ke dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Cina dan India. Pengerusi mesyuarat itu ialah N.R. Parreira, wakil kesatuan kaum buruh dari Muar, juga ahli jawatankuasa negeri Johor. N.R. Parreira ini keturunan Ceylon, bahasa Inggerisnya baik.

Setelah tiga atau empat hari kami mengadakan mesyuarat, maka pada suatu hari semasa kami semua pergi makan tengah hari, datang sepasukan polis seramai 30-40 orang menyerbu markas iaitu bangunan kami mesyuarat. Kebetulan pada masa itu tiada seorang pun yang berada di tempat mesyuarat itu, cuma yang ada hanyalah orang tua penjaga markas sahaja.

Setelah menyelongkar di sana sini, mereka pun pulang begitu sahaja. Tidak ada apa-apa dokumen yang diambil. Sebenarnya tindakan mereka itu ialah berhubung dengan mogok Singapore Telephone Board (STB) dua hari sebelumnya. Polis menyangka mesyuarat ini menganjurkan mogok agaknya. Dalam kejadian ini tidak ada apa-apa pun yang berlaku. Cuma atas nama mesyuarat itu kami membuat bantahan terhadap polis tersebut dengan telegram.

Pada akhir mesyuarat, diperkenalkan dua orang wakil kesatuan kaum buruh antarabangsa, seorang dari Perancis (perempuan tua) bercakap dalam bahasa Perancis dan seorang perempuan Rusia (juga perempuan tua) bercakap dalam bahasa Rusia.

Yang paling mengkagumkan saya ialah penterjemah atau juru-bahasanya. Jurubahasa ini ialah seorang perempuan muda Australia yang berumur tidak lebih daripada 24 tahun. Semasa ketua perwakilan itu berpidato, gadis Australia itu berdiri di depan pembesar suara yang satu lagi. Mula-mula wakil Perancis berucap, diterjemahnya ayat demi ayat, kemudian wakil Rusia pula berucap, diterjemhkannya cara itu juga ke dalam bahasa Inggeris. Masing-masing wakil itu berucap selama satu setengah jam seorang. Gadis Australia ini mungkin duduk di Singapura.

Yang menyebabkan saya benar-benar kagum ialah seorang perempuan yang seumur itu telah dapat menguasai dua bahasa besar dunia tidak termasuk bahasanya sendiri iaitu Inggeris. Bahasa yang benar-benar berbeza antara satu sama lain.

Selepas dari mesyuarat ini tidak ada lagi mesyuarat PMFTU diadakan kerana pada pertengahan tahun itu Undang-undang Darurat diisytiharkan ke seluruh negara.

Bahar Obit yang saya sebutkan namanya di atas tadi telah menjawat jawatan sebagai ketua buruh Indonesia di bawah ILO dan tinggal di Jakarta. Sama jugalah halnya dengan P.P. Narayanan yang menjadi ketua National Union of Plantation Workers (NUPW) Malaya. Beliau masa itu bersama-sama kami. Dia menjadi ketua buruh bahagian kaum India di Negeri Sembilan. Bahar Obit kalau tidak pindah mungkin beliau sangkut juga seperti saya dan kawan-kawan yang lain.

Gerakan buruh Singapura masa itu memang kuat juga, terutamanya buruh Harbour Board. Buruh Harbour Board ini menguasai kapal-kapal luar negeri untuk memunggah barang-barang ke dalam negeri atau mengisi barang untuk dihantar ke luar negeri. Mereka boleh melumpuhkan perusahaan perkapalan atau kapal akan tergendala untuk meninggalkan pelabuhan Singapura, kerana barang-barang yang dimuatkan terlambat. Apabila tergendala sahaja tiga atau empat hari, maka syarikat kapal itu terpaksa membayar sewa lebih banyak lagi kepada Harbour Board.

Selain daripada Singapore Traction Company (STC) tram, teksi juga menjadi masalah besar kepada rakyat di kota Singapura pada masa itu. Kiranya, bas mogok, teksi mogok, maka bandar raya boleh menjadi lengang. Singapore Telephone Board (STB) juga tidak kurang pentingnya. Kalau mogok sahaja STB, yang paling rugi ialah *share market* kerana *share market* tidak dapat membuat perhubungan keluar negeri. Sepuluh minit sahaja terlambat mungkin harga saham akan menjulang tinggi atau menjunam jatuh. Ini semua dapat dikesan beritanya melalui telefon ke seluruh dunia seperti London dan New York pada masa itu. Bukanlah seperti sekarang ini alat perhubungan cukup mudah iaitu ada teleks dan faks.

Begitulah gerakan buruh atau gerakan kesatuan buruh pada masa itu, masing-masing dengan tempat dan keadaannya. Osman Bakar di Perak umpamanya dengan buruh lombong bijihnya, di Negeri Sembilan Mohamad Yassin, di Melaka Yusoff Puah, di Kelantan Nik Mat dan begitulah dengan negeri yang lain-lain.

Mesyuarat PKMM Terakhir bagi Kami

Kongres yang terakhir PKMM bagi kami untuk menghadirinya diadakan di istana Kampung Gelam Singapura pada awal 1948. Saya wakil negeri Johor dengan Mat Rahim, Mat Indera, Qodir Marie dan Ghani Hashim. Shamsuddin Salleh bersama saya bertolak dari Kluang. Beliau ialah ahli jawatankuasa pusat.

Di Singapura, saya dengan Shamsuddin Salleh meronda ke hulu ke hilir bersama Mat Rahman dari Melaka. Kami meronda dengan land rover Mat Rahman. Untuk peringatan bahawa Mat Rahman ini pada suatu ketika pernah menjadi Speaker bagi negeri Melaka.

Rasa saya itulah mesyuarat yang paling penting pernah diadakan kerana para perwakilan yang datang bukanlah seperti mereka yang menghadiri perjumpaan sebelumnya.

Antara para perwakilan yang datang dan jarang saya jumpai ialah Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) dari Pahang, Rahman Talib, juga dari Pahang, Osman Bulon dari Terengganu, Judin dari Kuala Kangsar dan ramai lagi muka-muka baru yang saya tidak berapa kenal. Kebanyakan mereka 'well English educated.'

Cikgu Hamid Abdul (Shahrir Malaya) dari Melaka dan bekas Setiausaha PKMM pusat Aziz Hamidy dari Pulau Pinang terlambat sampai kerana ketinggalan kapal terbang. Sebelum beliau sampai, para perwakilan selalu menyebut-nyebut namanya dan mungkin saya rasa beliau menjadi bendahari, kalau tidak, mungkin Yahya Nasim dari Kajang.

Apabila sampai pada ucapan penanguhan, para perwakilan memberi ucapan yang berapi-api, kadang-kadang sampai menyeramkan bulu roma, seolah-olah sedang menghadapi perang. Itulah dia orang-orang PKMM yang memang pandai berpidato tanpa kertas ucapan, tanpa ringkasan. Lain orang lain pula gaya dan bahannya tanpa takut tanpa senyuman. Keseluruhan mereka berucap memberi perangsang dengan lemah lembut, baik hati, tidak keras kepala kepada semua kawan. Tetapi ada masa mereka memberi ucapan, persis seperti pahlawan yang sedang berada di medan perang. Itulah manusia PKMM pada masa itu.

Dr. Burhanuddin Menangis

Sebelum mesyuarat ditangguhkan agenda pemilihan dijalankan dahulu. Dr. Burhanuddin bangun apabila agenda ini mula dijalankan

dan memberi ucapan yang panjang lebar. Isi ucapan itu dicatat oleh saudari Norlia dan Adibah Amin juga seorang lagi wanita yang saya lupa namanya. Kesimpulan dari ucapan Dr. Burhanuddin ialah beliau menarik diri dari menyandang jawatan ketua (presiden) dengan suara yang sedih sambil menangis untuk menahan sebak perasaannya.

Mungkin saya rasa Dr. Burhanuddin sudah nampak dari pandangan hatinya bahawa beliau akan menjadi Presiden. Tetapi ada dua orang yang kurang bersetuju dengan cara beliau berfikir, kerana beliau selalunya bertindak tidak gopoh dan dia biasanya bertenang sahaja menghadapi segala kemungkinan.

Para perwakilan membahaskan beliau dan kemudian bersetuju menerima Ishak Haji Muhammad sebagai gantinya, Dr. Burhanuddin kemudian dengan sebulat suara dilantik menjadi Penasihat Agung.

Masa saya hendak pulang ke Kluang dengan kereta api malam itu dari Singapura, Shamsuddin Salleh menangis bercakap kepada saya di stesen kereta api Tanjung Pagar bahawa dia hendak lari ke Indonesia kerana dia tidak mahu ditangkap.

Benarlah, apabila saya bebas dari tahanan, saya dengar Shamsuddin Salleh menjadi tentera TNI berpangkat kapten di Indonesia. Beliau ada pulang semula ke Kuala Pilah tetapi saya tidak ketahui, dan meninggal dunia pun saya tidak ketahui. Khabarnya sebelum beliau meninggal, beliau sempat juga menunaikan fardu haji. Hilang seorang sahabat karib saya yang sangat saya sayangi. Saya banyak belajar daripadanya.

Peranan Penerangan



Mengapa gerakan PKMM berkembang begitu cepat? PKMM bergerak dari desa pedalaman membawa ke kota besar, juga dari kota besar ke desa pedalaman. Punca utama PKMM berkembang begitu cepat kerana PKMM mempunyai alat penerangan yang cukup menerusi media massanya. Tertubuh sahaja PKMM di Ipoh, akhbar *Suara Rakyat* pun mula mengiringinya. *Suara Rakyat* ialah akhbar lidah rasmi PKMM. Ia diterbitkan terus-menerus dengan dicetak oleh percetakan Rakyat Trading yang juga dipunyai oleh PKMM. Percetakan ini beralamat di No. 29, Hale Street, Ipoh.

Apabila PKMM berpindah ke ibu kota, Kuala Lumpur. Maka akhbar PKMM ditambah lagi dengan *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*. Di Pulau Pinang, mingguan *Dunia Baru* telah diterbitkan oleh Aziz Hamidy. Di Singapura pula majalah *Kenchana* diterbitkan oleh Cikgu Harun Aminurashid.

Di Kuala Lumpur, PMFTU pula menerbitkan mingguannya sendiri iaitu *Plopoy* dicetak oleh Van Guard Press termasuk sebuah surat khabar Inggeris yang berukuran seperti *Star* sekarang, bernama *Democrat*. Akhbar *Democrat* ini bukanlah terbitan PKMM, tetapi akhbar ini memang pro-PKMM.

Selain itu ialah *Utusan Melayu* dalam tulisan Jawi, kerana masa itu belum ada lagi rancangan untuk menerbitkan akhbar dalam tulisan rumi.

Boleh saya katakan tiap-tiap minggu saya menulis berita untuk *Utusan Melayu*, tidak pernah sekalipun tidak disiarkan. Pada saya, walaupun Samad Ismail tidak cergas dalam gerakan PKMM tetapi saya memang berasa cukup beruntung dan parti PKMM juga terhutang budi kepada Samad Ismail lantaran tegasnya menguasai *Utusan Melayu* menyebelahi PKMM. Samad Ismailah orang kuat yang menyokong seratus peratus akan perjuangan PKMM.

Sebenarnya, saya dengan Samad Ismail ini tidak rapat dan mungkin beliau tidak ingat lagi akan saya kerana semasa saya tinggal

di Singapura pun saya jarang pergi ke *Utusan Melayu*. Kali penghabisan saya berjumpa beliau pada 1957, iaitu semasa hendak memperkenalkan Osman Abadi. Pada masa itu Osman Abadi menjadi pemberita sambilan di Terengganu dan saya juga tinggal di Terengganu.

Oleh itu kerana saya hendak pulang ke Singapura, maka Osman Abadi pun hendak mengikut sama kerana beliau belum pernah ke Singapura lagi, apalagi Cecil Street. Kami pergi dengan kapal laut dari Terengganu. Apabila sampai di Singapura, saya bawa Osman Abadi ke Cecil Street dan berjumpa dengan Samad Ismail. Di situ saya perkenalkan mereka satu sama lain. Itu sahaja, lepas itu saya tidak pernah jumpa lagi. Saya juga pernah bercakap-cakap dengan isteri Samad Ismail semasa saya tinggal di Bukit Panjang, Singapura dahulu.

Saya panggil beliau Kak Midah, yang pada masa itu beliau menjadi pemberita *Utusan Melayu*. Kadang-kadang Kak Midah datang dengan Khair Haji Taib yang juga menjadi pemberita *Utusan Melayu*. Apabila Kak Midah atau Khair Haji Taib sampai di Bukit Panjang, yang pertama mereka cari ialah saya atau Yaacob Mohamad (bekas Menteri Negara Singapura). Kak Midah ini orangnya penyayang dan saya rasa seperti kakak saya sendiri.

Terlanjur saya menceritakan hal Samad Ismail dan Yaacob Mohamad, kadang-kadang terbayang di kepala saya bahawa kita ini hidup benar-benar seperti pelakon di atas pentas. Macam ternampak-nampak oleh saya akan Samad Ismail mempengerusikan hari perasmian penubuhan parti People's Action Party (PAP) di Singapura City Hall.

Pada hari perasmian itu saya pergi bersama-sama Yaacob Mohamad dan duduk di bahagian belakang. Saya nampak Lee Kuan Yew mengumumkan, tiga buah atau empat buah kerusi di barisan hadapan sekali disediakan untuk Special Branch, tetapi sampai ke akhir perjumpaan tidak seorang pun Special Branch yang duduk di kerusi itu.

Pada waktu itu Lim Chin Siang ialah seorang yang paling petah sekali berpidato dan yang besar pengaruhnya terhadap masyarakat Cina, juga orang kuat nombor satu Lee Kuan Yew dalam kerajaan. Tetapi akhirnya Lim Chin Siang ditangkap, walaupun pada masa itu beliau masih lagi menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

Yaacob Mohamad pula masa itu ialah orang yang paling kuat sekali menyokong Hamid Jumat, selaku Menteri Singapura dari UMNO; kemudian tiba-tiba Yaacob Mohamad bertukar menjadi Menteri Kerajaan PAP. Itulah dia dunia! Sedangkan Samad Ismail tetap dengan

dunia wartawannya dan saya pula tetap ditakuk lama juga. Yaacob Mohamad, Kak Midah dan Khair Haji Taib telah pun menyahut seruan Allah. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh mereka.

Kita kembali semula kepada perjuangan PKMM. *Suara Rakyat* yang diterbitkan di Ipoh pada waktu itu dipimpin oleh PKMM Perak. Penulisnya memang ramai, bolehlah dikatakan semua ahli jawatankuasanya boleh menulis belaka. Menulis hal politik pada akhbar yang seratus peratus mengandungi politik.

Mengenai hal politik dalam negeri dan juga luar negeri, terutamanya Mr. Aspro (Mohamad Nor Shukor) ialah orang yang pandai menghentam dalam pojoknya. Yang lainnya menulis di *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*, serupa sahaja isinya cuma tajuk dan gaya bahasanya mungkin agak berlainan sedikit, tetapi isinya menghentam British ataupun memberi keinsafan kepada rakyat.

Kesimpulan segala tulisan itu ialah untuk memberitahu rakyat bahawa kita ini kaya dengan hasil buminya. Isi buminya yang mengandungi emas, bijih, aluminium, besi dan tanah liat. Sementara di permukaan bumi pula penuh dengan gunung batu, untuk membuat rumah dan jalan raya. Tumbuh-tumbuhannya pula begitu banyak, penuh dengan kayu-kayan yang mahal untuk membuat apa sahaja alat daripada kayu, juga untuk membuat alat mendirikan rumah. Buluh, rotan dan damar yang begitu berharga di Jepun, tetapi di sini dibakar sahaja kerana dianggap semak. Padi boleh ditanam di mana-mana, di bukit dengan padi bukitnya, di sawah dengan padi sawahnya. Sayur-mayur pun begitu boleh didapati di mana-mana, seperti sayur pucuk paku-pakis, sayur asli, rebung di hutan mana pun boleh didapati. Sungai yang berada di mana-mana itu boleh diambil ikannya dengan berbagai-bagai cara yang mudah.

Tetapi hasil isi bumi dan hasil atas bumi kebanyakannya dipunyai atau dimonopoli oleh kapitalis luar negeri. Orang Melayu yang bertaraf kapitalis antarabangsa pada masa itu belum ada. Gejala inilah yang menyebabkan orang Melayu hidup melarat di dalam negerinya sendiri sedangkan kapitalis-kapitalis ini diberi perlindungan undang-undang sepenuhnya oleh penjajah.

Pada keseluruhannya, dasar penjajah tetap membela kaum kapitalis atau pemodal, sedangkan kaum pemodal tetap merampas hak rakyat tanpa belas kasihan. Tiap-tiap kaum pemodal atau orang yang berjiwa kaum pemodal walaupun miskin, mereka adalah berperangai tamak, lokek, penipu dan sombong.

Yang menulis dari segi kepahlawanan pula ramai juga, umpamanya apabila menulis selalu sahaja membangkitkan nama-nama pahlawan Melayu masa silam, seperti Mat Kilau dan Dato' Bahaman

dari Pahang serta pahlawan lain yang menentang Inggeris. Mereka membangkitkan atau memberi perangsang kepada bangsa Melayu seluruhnya bahawa bangsa Melayu bukanlah bangsa yang pengecut atau bangsa yang tidak melawan, tetapi mereka ialah bangsa yang garang, gagah berani dan bukan bangsa yang boleh dicucuk hidung. Walaupun begitu, bangsa Melayu adalah lemah-lembut, tidak kurang ajar.

Di Perak pula, bangga dengan Dato' Sagornya dan orang Melaka dengan Dato' Naningnya. Begitulah pula halnya dengan negeri-negeri lain, masing-masing ada sejarah pahlawan mereka. Di Selangor ada tempat yang bergelar Teluk Panglima Garang. Di Sayong Tengah, Kuala Kangsar, ada kubu tempat orang Melayu berperang melawan Siam pada zaman silam.

Itulah modal yang diungkit dan diapi-apikan pada tiap-tiap kali berucap atau menulis, supaya orang Melayu sanggup dan berani bangun bersama menentang penjajah Inggeris. Tetapi perangai manusia ini memang begitu, iaitu ada yang sedar semula jadi, ada yang sedar setelah disedarkan dan ada yang sedar setelah tersepit. Yang tidak mahu sedar, walau apa juga penerangan atau contoh teladan yang diberi tidak sedar juga. Kalau dalam istilah agama dikatakan 'belum mendapat petunjuk'.

Begitu jugalah halnya dengan akhbar yang bernama *Dunia Baru* diterbitkan di Pulau Pinang. Penerbit, pengarang dan segala-galanya adalah diusahakan oleh Aziz Hamidy seorang diri. Akhbar ini juga sama sahaja lereknya iaitu lebih kurang sahaja isinya dengan akhbar yang diterbitkan di Kuala Lumpur, sebagai suara parti dari utara.

Pada pertengahan 1947, Rashid Maidin diisytiharkan oleh Malayan Coummunist Party (MCP) sebagai wakil Parti Komunis Malaya. Beliau pernah pergi ke England atas nama wakil MCP bagi menghadiri Conference Communist Party seluruh Komanwel British di London. Abdullah C.D. diisytiharkan sebagai wakil komunis semasa Undang-undang Darurat hendak dilaksanakan. Pada masa itu Abdullah C.D. dan Musa berada di dalam hutan, sedangkan Rashid Maidin masih lagi dalam tahanan di Tanjung Beruas, Melaka.

Pada suatu hari, Aziz Hamidy dipukul orang di Padang Kota, Pulau Pinang kerana tulisannya. Orang yang memukulnya itu tentulah orang yang pro-Inggeris. Aziz Hamidy boleh menulis semua tajuk, dari rencana pengarang, berita, rencana sampailah ke rencana pojok. Itulah kebolehan anak muda dari Pulau Pinang itu, bukan senang hendak menandinginya.

Mingguan *Plopur* adalah suara PMFTU, yang dicetak di Kee Meng Press, Kuala Lumpur, terang-terangan mengulas kekejaman kapitalis

menindas kaum buruh yang dilindungi oleh kuasa penjajah. Pada salah satu keluarannya, Shamsuddin Salleh telah menulis rencana dengan gambar Queen Elizabeth di muka depan atas tajuk yang berbunyi, 'Inilah Saki Baki Kaum Feudal di Eropah'.

Para pemimpin tertinggi seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Abdullah C.D., Musa Ahmad, Wahi Anuar, Baharuddin Tahir, Aishah Ghani, Yahya Nasim, termasuk Keris Mas dari Pahang menulis untuk mingguan itu.

Manakala Ahmad Boestamam pula menulis hal gerakan API di setiap keluaran. Berita gerakan PKMM tidak putus-putus disiarkan, sama halnya dengan rencana yang ditulis di ruangan mingguan *Plopör*. Shamsuddinlah orangnya yang selalu menulis dan saya sekali-sekala sahaja.

Mingguan *Plopör* ini hampir sepenuh kandungannya memberi penerangan kepada kaum buruh dan sedikit-sedikit berita lain yang berhubung dengan berita dunia. Semua akhbar ketika itu bertulisan Jawi. Kalau dari utara dengan *Dunia Barunya*, maka di selatan pula dengan *Kenchananya* yang diterbitkan oleh Cikgu Harun Aminurrashid.

Kenchana ini diedarkan ke seluruh Nusantara, iaitu Malaya, Sabah, Sarawak, Brunei dan Indonesia bertulisan Rumi. Saya salah seorang penulis tetap untuk menulis di ruangan politik yang diberi oleh Cikgu Harun. Yang tidak ada dalam akhbar atau majalah tersebut ialah cerita atau rencana yang berunsur asmara atau cerita-cerita dongeng.

Selain itu ialah akhbar yang berbahasa Inggeris, *Democrat Daily News*. Walaupun ia berbentuk akhbar selengkapnya seperti akhbar biasa, tetapi beritanya dan editorialnya menyebelah kepada perjuangan PKMM. Saya masih ingat atau terbayang rupa pemberitanya yang bernama De Cruz. Agaknya orang Eurasian (Melaka) rupanya seperti orang Barat, selalu datang ke markas PKMM dan PMFTU Kuala Lumpur mengambil bahan berita.

Begitulah cara penyebaran penerangan yang disuarakan kepada rakyat jelata serta pembesar-pembesar negeri yang pro-Inggeris. Serangan bertalu-talu dari segenap penjuru oleh akhbar mengenai politik, ekonomi, agama Islam, sosial dan tentang keturunan bangsa Melayu yang gagah perkasa.

Penceramah-penceramah pula begitu juga walau di mana memberi ceramah mereka akan berkata, "Selagi kita diperintah atau selagi kita masih menjadi anak jajahan, maka selama itulah kita tetap menjadi bangsa hamba." Dunia luar memandang kita sebagai manusia yang masih tinggal di dalam gua-gua atau masih berumah di atas pohon-pohon kayu yang besar-besar. Dunia luar memandang orang Melayu

Pernustant...
M.A.S. SALLEH
1950-1970

sangat bodoh, hidup tidak bermaya. Sepuluh ribu orang anak jajahan hanya diperintah oleh seorang bangsa penjajah.

Segala perintahnya mesti dipatuhi, entah ya entah tidak, tetapi wajib dipatuhi belaka kerana itu adalah perintah tuan putih. Begitulah lemah dan tidak bermayanya orang Melayu. Penjajah yang datang menjajah negara kita lebih daripada 8,000 batu jauhnya itu boleh menguasai sepenuhnya negara kita dan mengaut kekayaan negara kita untuk dibawa balik ke United Kingdom.

Orang-orang United Kingdom duduk, kaki atas kaki kerana terlalu senang hidupnya sedangkan kita anak jajahan yang punya negara ini (son of the soil) siang berpanas malam berembun untuk mencari nafkah hidup. Itulah isi ceramah atau akhbar sepanjang masa.

Menentang Malayan Union

Sembilan puluh lima peratus daripada orang Melayu negeri ini menentang Malayan Union, begitu juga dengan orang yang bukan Melayu. Mereka turut menentang sama. Orang Melayu menentang Malayan Union kerana ia akan merampas kepentingan atau hak mutlak orang Melayu di tanah airnya. Orang bukan Melayu boleh memegang jawatan setinggi-tingginya dalam kerajaan sehinggalah kepada jawatan ketua kampung apabila Malayan Union terlaksana. Pada hal sebelumnya jawatan DO atau hakim disandang oleh orang putih atau orang Melayu sahaja. Iaitu kalau tidak ada orang putih, maka orang Melayu akan menyandang jawatan itu. Orang lain tidak ada tempat untuk mengisi jawatan tersebut. Selain itu Malayan Union merampas kuasa Raja-raja Melayu. Raja-raja Melayu hanya diberi kuasa sebagai kadi sahaja di tiap-tiap negeri.

Orang yang bukan Melayu menganggap Malayan Union itu tidak demokratik. Oleh itu, PKMM membangkang terus-menerus rancangan itu menerusi rapat umum yang diadakan di sana sini. Mogok umum juga dilancarkan di seluruh Malaya. Kereta api mogok, bas mogok, kedai tutup, pasar tutup, panggung wayang tutup dan semua bandar lengang.

Sehari sebelum mogok, saya pulang ke kampung dengan keluarga, kerana takut akan berlaku perkara yang tidak diinginkan. Pada hari mogok itu dilancarkan, pagi-pagi lagi saya telah pergi ke Kluang berjalan kaki mengikut rel kereta api sejauh sepuluh batu. Lebih kurang tiga jam berjalan kaki.

Sampai di Kluang saya terus pergi ke pejabat JSFTU, kalau ada apa-apa berita baru. Di dalam bandar lengang sahaja, tiada orang

yang berjalan ke hulu ke hilir seperti biasa. Kawan-kawan saya mengatakan bahawa pada pagi itu kira-kira pada jam 6.00, OCPD orang putih telah sampai ke pasar. Apabila beliau melihat pasar lengang sahaja tiada orang yang berniaga, sama ada pasar ikan, pasar daging dan pasar sayur, maka OCPD itu pun mengamuk tidak tentu arah. Tetapi tidak ada sesiapa yang hendak dimarahnya kerana orang yang ada cuma seorang dua sahaja. Akhirnya OCPD itu pulang begitu sahaja.

Begitulah salah satu dari cara PKMM membantah Malayan Union. Di akhir bantahan PKMM, maka ditubuhkan satu badan yang diberi nama PUTERA-AMCJA. PUTERA ialah badan politik Melayu yang menentang Malayan Union atau persatuan yang bukan politik masuk menjadi barisan penentang. All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) terdiri daripada badan yang bukan Melayu yang turut menentang Malayan Union.

Perjumpaan itu diadakan di Kuala Lumpur dan Ishak Haji Muhammad dilantik menjadi setiausahanya, sementara Tan Cheng Lock menjadi pengerusinya. Tan Cheng Lock ialah bapa Tan Siew Sin yang telah menjadi Menteri Kewangan selepas Tun H.S. Lee. Tidak berapa lama kemudian, PUTERA-AMCJA membuat draf perlembagaan yang diberi nama penuhnya, People's Constitution. Orang yang terlibat atau yang bekerja keras merangka draf perlembagaan tersebut ialah Ishak Haji Muhammad, Tan Cheng Lock, Phillip Hwa Lim, Samad Ismail, John Eber dan ramai lagi orang dari Malayan Democratic Union (MDU) Singapura. Phillip dan John pada masa itu membuka pejabat peguam mereka di Singapura.

Saya tidak sempat melihat draf perlembagaan tersebut dan berita orang-orang yang bekerja keras itu saya dapat dari Shamsuddin Salleh sahaja. Setelah draf itu siap dalam perlembagaan yang lengkap, maka salah satu naskahnya dihantar ke Lake Success, United Nation di Amerika, dan senaskah lagi dihantar ke British High Commissioner of Malaya.

Dalam keadaan yang begitu sibuk, kerajaan British cuba pula memperkenalkan perlembagaan baru yang diberi nama 'Federation of Malaya.' Kandungan perlembagaan Federation of Malaya ini dengan Malayan Union sama sahaja, cuma namanya sahaja yang berlainan. Semasa Malaya masih lagi dalam Malayan Union, semua harta Jepun terutamanya estet kebun getah menjadi harta rampasan perang. Pada papan tanda hendak masuk ke estet, kita boleh melihat papan tanda yang besar bertulis, Enemy Estate in Malayan Union (EEMU).

Sejak British menjejak kakinya pada kali yang kedua ini, Malaya masih lagi di bawah pentadbiran British Military Administration (BMA), bukannya *civil government*.

Peristiwa 1948

Apabila Federation of Malaya dicadangkan sebagai ganti Malayan Union maka gerak-geri kerajaan Inggeris nampaknya tidak berapa berubah. Rata-rata orang kiri sudah berasa dan berpendapat bahawa Federation of Malaya ini adalah lebih dahsyat lagi dari Malayan Union. Sementara itu, saya juga pernah mengatakan dalam satu ceramah umum yang dianjurkan oleh MIC di Kluang. Rupa-rupanya betul dan tepat sebagaimana ramalan kami itu, iaitu dengan adanya Federation of Malaya menghalalkan kami diheret ke khemah-khemah tahanan tanpa amaran terlebih dahulu.

Dengan jasa dan kuat kuasa Federation of Malayalah para pejuang Kemerdekaan termasuk orang yang tidak aktif berjumlah 87,000 orang semuanya disumbat ke khemah tahanan di seluruh Malaya. Setelah itu saya tidak mengetahui apa yang berlaku.

Setelah kami berehat beramai-ramai di dalam tahanan, maka nasib bangsa dan tanah air serta agama adalah terserah kepada orang-orang yang masih bebas untuk menentukannya, kerana kami telah terpisah dari masyarakat umum, maka kerja kami untuk menyambung perjuangan tanah air hanya kepada budi bicara sesiapa sahaja yang ada selera. Kewajipan itu terserahlah kepada mereka untuk menyambung dan mencorakkan negara. Kami tidak boleh diharap lagi kerana kami telah dicap sebagai orang jahat oleh British dan diikuti pula orang Melayu pada keseluruhannya.

Adakah dapat diterima oleh akal yang sihat bahawa manusia yang hendak menghalau penjajah dan mahu Merdeka dengan berkorban apa saja, penjajah mengatakan orang ini semuanya jahat kerana mahu menghalau British dan mahu Merdeka. Tiba-tiba orang Melayu membenarkan? Ini orang PKMM semuanya jahat sebab mahu menghalau Inggeris dan mahu Merdeka! Orang yang ditahan sudah dikira orang mati, orang yang entah bila akan dibebaskan.

Kalau dibebaskan tentu tidak berguna lagi, selagi orang Inggeris memerintah negeri ini dan selagi orang Melayu termakan racun Inggeris yang bisa itu. Nyatalah didikan Inggeris memang mujarab, orang Melayu menjadi patah kandar. Apabila tahanan itu bebas, ada yang tidak kenal lagi akan anaknya yang kecil semasa ditinggalkan dahulu, ada pula anak yang tidak kenal bapanya dan tidak mengaku bapanya kerana tidak pernah melihat muka bapanya. Orang kampung jeling-jeling sahaja memandang dengan ekor mata kerana benci dan juga kerana takut. Cuma ibu dan bapa sahaja yang tidak berubah. Adik-beradik pun tidak boleh diharap sangat.

Itulah rupa balasan masyarakat bangsa Melayu yang propenjajah kepada bangsa Melayu yang bencikan penjajah dan mahu Merdeka pada masa itu dan mungkin ada lagi sedikit-sedikit hingga sekarang ini.

UMNO dan PKMM

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada September 1945. United Malay National Organisation (UMNO) ditubuhkan pada Jun 1946. UMNO dalam bahasa Melayunya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR).

Dalam lingkungan sembilan bulan lamanya setelah berlepas bahtera penubuhan PKMM maka baharulah diikuti pula oleh bahtera penubuhan UMNO. Pekerjaan yang paling susah sekali ialah merintis atau meneroka sesuatu pekerjaan baru yang sangat susah untuk difahami oleh manusia biasa, atau untuk mengubah fikiran manusia dari fikiran ortodoks kepada progresif. Di tengah-tengah pertukaran atau penyerahan kuasa dari Jepun kepada British untuk menjajah negeri ini, maka pada masa itu pulalah PKMM muncul secara spontan sebagai sebuah parti politik yang belum pernah ada atau wujud sebelum perang.

Sebuah parti politik yang ditubuhkan oleh bangsa Melayu, anak-anak Melayu yang terpelajar, anak-anak Melayu yang cerdik dan mahir akan peta dunia. Itulah orang-orangnya yang menjadi penaja penubuhan PKMM. Kalau diumpamakan kepada pelayaran di laut tentulah selama sembilan bulan itu boleh mengelilingi dunia sebanyak dua kali. Jika diumpamakan pula kepada menebas dan menebang hutan besar untuk dijadikan kebun, mungkin seseorang itu boleh menghasilkan ladang sekurang-kurangnya seluas 10-15 ekar seorang.

Itulah perbezaan jarak perjuangan bangsa Melayu ini sejak British mula bertapak di negeri ini. Dasar perjuangan PKMM ialah tidak meminta-minta atau menadah tangan mengharapkan belas kasihan dari kerajaan British untuk memberi Kemerdekaan kepada kita, kita menuntut Kemerdekaan menerusi politik. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh British dalam menjalankan pentadbirannya kita salahkan semua. Kita bukan mahu pemerintahan Inggeris yang adil, juga kita tidak mengharapkan pemerintahan demokrasi. Hanya apa yang kita mahu ialah Merdeka. Merdeka total dan bukannya Merdeka di bawah pengaruh British, sebagaimana merdeka yang diperoleh Kanada, India, Australia dan negara lain.

Apabila kita merdeka, kita tahu mentadbir sendiri negara kita. Oleh itu, PKMM tidak mengharapkan apa-apa kebaikan daripada kerajaan Inggeris. Pada peringkat awalnya, kita tentang dari segi politik. Peringkat ini akan memakan masa yang lama juga sehingga rakyat sejagat sudah benar-benar insaf. Jika perjuangan menerusi politik memakan masa yang lama itu gagal, mungkin taktik akan bertukar corak pula, mengikut keadaan dan perubahan politik dunia.

Perjuangan Melayu

Sebenarnya, dari segi politik pun belum dapat didedahkan sepenuhnya kepada rakyat kerana kita berjuang hanya baharu berkisar dari menentang Malayan Union dan Federation of Malaya sahaja dahulu buat sementara waktu. Perjuangan PKMM banyak menghabiskan masa untuk mempengaruhi rakyat, mengajak rakyat bersama-sama berganding bahu menentang penjajah Inggeris. Kita cuma menceritakan keburukan penjajah dan mengajar mereka supaya benar-benar faham akan erti dan nikmatnya Merdeka itu.

Untuk menjatuhkan kerajaan Inggeris di Malaya ini bukanlah satu kerja yang mudah kerana Inggeris adalah penjajah terulung di dunia. Orang Inggeris yang menjadi pegawai pentadbiran memang sudah terlatih dan berilmu. Mereka menggunakan ilmu yang mereka ada untuk memerintah rakyat. Mereka memerintah di kebanyakan negeri tidak menggunakan kekerasan, tetapi mereka menggunakan diplomasi. Mereka sanggup menggunakan pelbagai diplomasi untuk meneruskan atau untuk melaksanakan rancangannya.

Selain itu, orang Inggeris yang bekerja sebagai pegawai pentadbir di Malaya ini pada masa itu memang pandai menjalankan dasar 'pecah belah kemudian perintah.' Apabila dasar ini dijalankan dan semua kakitangan kerajaan telah diasuh sepenuhnya, maka hasilnya orang kerajaan tidak lagi berbaik-baik antara satu sama lain, sama ada dalam satu jabatan yang sama atau antara satu jabatan dengan jabatan yang lain. Dasar ini dijalankan supaya setiap orang kakitangan akan bekerja mengikut *standing order* dan kalau lalai sahaja, maka kakitangan yang lain pula akan melaporkan perkara itu kepada pihak atasan.

Pada hal tidak ada apa yang hendak dipersengketakan antara kakitangan tersebut, cuma datang dari perasaan tidak puas hati sahaja, walaupun ada, tetapi oleh kerana didikan yang sedemikian rupa, orang lain semuanya tidak berkuasa, maka jadilah keadaannya begitu. Penjajah berpendapat dengan cara itu sahaja semua tugas akan dapat berjalan dengan lancar, kerana tiap-tiap kakitangan itu bekerja penuh dengan ketakutan dan sikap percaya mempercayai antara satu sama lain tidak ada.

Pegawai Inggeris memang faham akan dasar terhadap perlembagaan PKMM yang tidak akan bekerjasama dengan Inggeris. Oleh itu, mereka terus sahaja mengatakan PKMM itu Komunis. Ini ditambah lagi oleh laporan dari UMNO yang mengatakan PKMM itu Komunis dan penderhaka kepada Raja. Sebagaimana sikap PKMM terhadap Inggeris, maka begitu pulalah sikap UMNO terhadap PKMM.

Setelah British mengeluarkan kata-kata yang begitu pahit terhadap PKMM, maka datanglah persengketaan yang paling ketara antara PKMM dengan UMNO, kerana orang UMNO kebanyakannya

pegawai dan kakitangan kerajaan. Mereka turut sama berkempen mengatakan PKMM itu Komunis, sehingga mereka menukar istilah Parti Kebangsaan Melayu Malaya itu kepada 'Parti Komunis Melayu Malaya.' Terjemahan ini mungkin sampai sekarang masih ada lagi orang yang menggunakannya.

Sebenarnya pada masa itu setiap pertubuhan yang menentang kerajaan akan dikatakan Komunis, kecuali ada sebuah pertubuhan politik di utara Malaya iaitu di Alor Setar. Nama pertubuhan itu ialah SEBERKAS yang dipimpin oleh Khir Johari dan Senu Abdul Rahman. Pertubuhan ini tidak meluas keahliannya, cuma di sekitar Alor Setar sahaja. Ketika itu perjuangan SEBERKAS agak mirip menyokong PKMM. Bukan sahaja PKMM itu dikatakan Komunis, tetapi Angkatan Pemuda Insaf (API) pula ditukar oleh UMNO istilah asalnya kepada 'Angkatan Pembunuh Ingeris.'

Setelah UMNO mengatakan begitu, maka rakyat pun pandai menambah-nambah untuk memburuk-burukkan lagi orang PKMM. Mengapakah orang ramai sangat benci kepada Komunis? Mereka menyangka bahawa Komunis itu buruk orangnya, jahat perangainya, ganas kelakuannya dan segala yang buruk itu adalah Komunis, pada hal Komunis itu adalah fahaman politik yang berdasarkan kebendaan atau dalam istilah mereka yang biasa disebut dengan 'Dialectic Materialism.'

Kalau kita beri istilah dalam Islam, maka kita kata fahaman Komunis itu sama dengan iktikad Qadariah. Iktikad Qadariah ini salah dalam Islam dan tidak diterima (batal). Misalnya, kalau tidak bekerja tentu tidak makan, kalau kuat kerja tentu cepat kaya. Pada hal Allah SWT telah mengatakan iaitu Allah SWT akan memberi rezeki sebanyak-banyaknya kepada sesiapa yang dikehendakinya dan bukannya bergantung kepada kuat kerja sahaja. Ada orang sedikit sahaja berusaha, tetapi mendapat hasil yang banyak dan berlipat ganda dan begitu juga halnya dengan orang yang bekerja siang dan malam, tetapi tidak juga kaya raya.

Itulah iktikad Komunis sedangkan mereka tidak percaya akan wujudnya hari akhirat. Ini sama sahaja kepercayaan orang yang berfahaman ateis, tidak percaya akan adanya Allah SWT atau dalam istilah agama Islam disebut dengan perkataan 'dahriyah.' Fahaman dahriyah ini mungkin mustahil kepada kebanyakan orang Melayu di Malaya. Kalau kita katakan ada orang Melayu yang berfahaman dahriyah ini mungkin tidak dapat diterima akal kecualilah orang itu terus menerus tidak mengenal agama sejak dari lahirnya. Cuma apa yang paling mengelirukan ialah, apakah perbezaan di antara fahaman Komunis, ateis, murtad, munafik, kafir majusi, Kristian, Yahudi dan Hindu. Malah sekali kafir tetaplah kafir.

Pada hakikatnya semua sama sahaja, cuma Yahudi dan Kristian itu ahli kitab, tetapi sekarang ini mereka tidak lagi menggunakan kitab aslinya, kerana kitab Injil, Zabur dan Taurat itu telah banyak dipinda oleh mereka. Andainya tidak dipinda dan ditokok-tambah atau dikurangkan pun kitab itu telah mansuh setelah datang Islam iaitu setelah turunnya al-Quran.

Dari sinilah mulanya atau puncanya orang ramai menuduh PKMM itu komunis yang difitnah oleh pegawai-pegawai kerajaan, tetapi mereka memihak kepada British. UMNO pada masa itu dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Dato' Onn ini orang ternama di negeri Johor. Pemimpin-pemimpin UMNO pada peringkat awalnya memang kanan-kanan belaka. Orang bijak pandai, orang yang berkelulusan tinggi dan mungkin ramai di antaranya orang yang berkelulusan luar negeri, termasuklah Sardon Jubir iaitu seorang peguam yang berkelulusan luar negeri iaitu England.

Dato' Onn membunyikan perkataan merdeka itu 'Merdeheka' iaitu mengikut ejaan lama dan tidak mengikut bunyi pelat Indonesia iaitu 'Merdeka.' Apabila UMNO mengatakan PKMM itu Komunis, maka orang-orang PKMM mengatakan UMNO itu 'British Collaborator.' Collaborator bererti alat, yang bererti UMNO menjadi alat British. Persengketaan semakin menjadi sehingga ada orang PKMM mengatakan orang UMNO itu anak emas Inggeris, hantu Inggeris, pengampu, petualang, dan bermacam-macam lagi.

Dengan adanya cogan kata UMNO 'Hidup Melayu' itu pun sudah cukup sebagai perbezaan tujuan perjuangan di antara UMNO dengan PKMM, sedangkan cogan kata PKMM ialah 'Merdeka.' Kalau untuk hidup sahaja burung di dalam sangkar pun hidup, ayam pun hidup juga diberi oleh tuannya makan, kambing pun hidup juga, tetapi adalah seperti bumi dengan langit perbezaannya antara hidup sebagai anak penjajah dan hidup Merdeka.

Anak jajahan samalah seperti hamba atau bangsa yang menjadi hamba. Hamba yang mesti taat kepada tuannya. Itulah bangsa yang tertindas, bangsa yang rendah. Bangsa Merdeka ialah bangsa yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa besar di dunia ini. Bangsa yang merdeka ialah bangsa yang berjiwa besar. Anak jajahan atau bangsa hamba pula ialah bangsa yang hidup penuh dengan ketakutan. Takut kepada tuannya. Tuannya ialah bangsa yang menjajahnya.

Perbezaan Dasar Perjuangan antara UMNO-PKMM



PKMM menuntut Kemerdekaan menerusi revolusi (revolution bererti perubahan yang disengajakan bentuknya). Sedangkan UMNO pula hendak merdeka, tetapi menerusi evolusi (evolution bererti perubahan yang datang dengan sendirinya). PKMM berpendapat merdeka hendaklah diperjuangkan dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakannya. Untuk membebaskan tanah jajahan dari penjajah bukanlah dapat dicapai dengan air liur sahaja atau dengan angan-angan, sedangkan kalau diperjuangkan dengan sepenuh tenaga pun belum tahu hasilnya. Sementara UMNO pula mahu juga merdeka, tetapi secara menanti takdir sahaja tanpa berusaha ke arah itu.

UMNO selalu mengatakan bahawa masanya belum tiba lagi untuk kita berjuang ke arah kemerdekaan, kerana kita tidak punya apa-apa persediaan dan dalam keadaan yang serba kekurangan. Oleh itu, kalau kita hendak berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, maka mestilah kita sediakan atau betulkan dahulu ekonomi kita, ilmu pengetahuan, pentadbiran, undang-undang antarabangsa, dan berbagai-bagai persediaan lagi.

PKMM pula berpendapat, kita mestilah berjuang untuk mendapat kuasa, terlebih dahulu (Merdeka), apabila kuasa sudah berada di tangan kita, maka segala kelemahan rakyat dan negara boleh diatasi dengan mudah sahaja. Kita sudah ada wang dari hasil negara kita, nyatalah apa sahaja rancangan untuk rakyat dan negara tidak menjadi angan-angan lagi. Pada masa itu rakyat tidak lagi menuduh kita orang gila, orang jahat, penentang kerajaan dan derhaka kepada raja.

Kalau hendak menanti semua kelengkapan yang diperlukan itu telah terisi, maka sampai bila baharu kita akan lengkap kerana usaha itu tidak dirintis. Inilah pendapat PKMM. Memimpin negara, kata orang PKMM, sama sahaja seperti mentadbir sebuah rumah atau

keluarga. Maju atau mundurnya tiap-tiap keluarga itu adalah bergantung kepada pemimpin ibu bapa keluarga itu sendiri.

Kalau ibu bapanya rajin berusaha, rajin belajar dan mendidik keluarganya dengan sepenuh kasih sayang, maka tentulah keluarga itu akan menjadi keluarga yang paling baik. Jika mereka memperoleh \$1000 sebulan umpamanya, maka mereka berbelanja \$800 sebulan, tentulah keluarga itu hidup damai. Tetapi kalau pendapatan \$1000, mereka berbelanja \$1500, nyatalah mereka berhutang \$500 lagi. Kalau \$500 kali dua belas bererti \$6000, sekiranya amalan begitu tidak berubah nyatalah dalam masa dua tahun sahaja atau lebih, rumah itu pun boleh tergadai.

Kalau pentadbir sebuah rumah tangga atau keluarga itu boros, tidak mengendahkan keluarga di rumah, ketua keluarga atau bapanya berfoya-foya di luar rumah, menghabiskan wang pendapatan keluarganya dengan tidak menentu seperti berjudi, minum arak, maksiat dan segala jenis pembaziran, akibatnya, keluarga itu akan hidup porak-peranda dan menuju kepada kehancuran.

Kalau kita keluarga orang miskin, maka hendaklah kita hidup secara orang miskin, mengapa pula kita berpura-pura hidup sebagai orang kaya, berhutang di sana berhutang di sini, akhirnya apabila hutang tidak terbayar, maka terpaksa kita menyerah kalah atau berekor ke mahkamah. Lainlah pula halnya kalau kita benar-benar orang kaya, memanglah kena pada tempatnya kita berlagak dan tunjuk gaya kerana kita memang benar orang kaya.

Nisbah kepada kekayaan alam semula jadi dan sumber rezeki yang begitu banyak di negeri kita ini sama ada dalam perut bumi atau di atas permukaan bumi, tentulah tidak ada sebab kita akan hidup melarat atau hutang berbaris. Cuma di Malaya ini, isi buminya daripada perak dan tembaga sahaja yang belum dijumpai. Selain itu seperti emas, timah, aluminium telah dan sedang diusahakan hingga sekarang. Termasuklah minyak dalam tanah dan tanah liat. Di permukaan buminya pula kaya dengan segala jenis tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, kayu-kayan, batu-batan termasuklah pasir sebagai alat untuk mendirikan rumah batu.

Tanah air kita subur, cuaca negara kita tidak terlalu panas dan tidak terlalu sejuk, air berada di mana sahaja, kaya dengan sungainya kecil besar berserta pula dengan lombong dan tasik yang luas. Oleh yang demikian, tentulah tiada sebab mengapa kita tidak boleh merdeka sebagaimana Indonesia.

Pada peringkat permulaan dari tahun pertama hinggalah sepuluh tahun kita Merdeka mungkin susah sedikit, tetapi selepas itu tiada sebab lagi kita akan menghadapi kesusahan. Jika kita menanam getah

sahaja umpamanya, memakan masa hanya selama tujuh tahun termasuk setahun menebas dan menebang. Hanya selama lapan tahun sahaja rakyat menderita setelah itu rakyat sudah boleh mempunyai kebun getah sendiri. Juga dengan lombong bijih, ia tidak berkehendakkan bertahun-tahun lamanya untuk dibina. Kalau diketahui sahaja di mana tempat ada bijih, dalam masa tidak sampai dua bulan untuk menyerapkan semua kerja persendirian, kemudian bolehlah mula bekerja mengorek bijih. Ia boleh dikerjakan oleh orang perseorangan atau menerusi syarikat atau atas nama kerajaan itu sendiri.

Apa salahnya jika kita buka satu jabatan baru sama ada di bawah kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan yang diberi nama Federal Tin Mine Department yang akan mengusahakan pengeluaran bijih timah itu.

Padi pula boleh kita lipat gandakan lagi pengeluarannya. Di mana ada tanah rendah yang boleh dimasuki air, maka kita jadikan sawah dan kita jadikan dua kali setahun atau dua musim. Selain itu, kita tanam sebanyak-banyaknya pokok buah-buahan bulanan seperti pisang dan nenas.

Beri tanah pada rakyat tanpa pilih kasih dan perintahkan pegawai pertanian untuk mengajar mereka agar semua tanaman itu tidak gagal.

Buah-buahan tahunan pula, kita tanam seluas-luasnya untuk jangka panjang sama ada persendirian atau atas nama jabatan kerajaan seperti: Pahang, State Government Fruit Plantation Department misalnya atau atas nama individu, jika ianya diusahakan oleh individu.

Adakah teori atau rancangan seperti ini mustahil dapat dilaksanakan? Inilah salah satu daripada bentuk teori PKMM dalam rangka awalnya.

Begitulah rupa perbezaan pendapat yang paling besar sekali di antara PKMM dengan UMNO pada masa itu. UMNO mengatakan itu cuma angan-angan kosong orang PKMM sahaja, sedangkan orang PKMM tidak ada pakar ekonomi, tidak ada pakar pertanian, tidak ada pakar kaji bumi dan bermacam-macam pakar lagi. UMNO mengatakan kita belum layak Merdeka lagi kerana orang Melayu belum ada persiapan untuk memerintah negeri ini. Orang Melayu miskin, orang Melayu bodoh dari segala hal, yakni tidak ada orang yang berkelulusan England, sebab erti bijak pandai kepada orang UMNO pada masa itu ialah orang yang berkelulusan atau lepasan England sahaja.

Kalau dibaca sepintas lalu memang benar, tidak ada seorang pun orang Melayu daripada sepuluh ribu orang yang berkelulusan

England pada masa itu. Bukan seperti sekarang ini. Masa itu, kalau disebut England sahaja orang terlalu hormat, walaupun orang yang bercerita akan hal England itu hanya tinggal untuk beberapa waktu sahaja di England. Orang Melayu bodoh, orang Melayu miskin, kata UMNO, bagaimana hendak Merdeka, kita daif dan lemah dari semua hal. Sudahlah bodoh tambah pula dengan miskin.

Sebab kita bodoh dan miskin itulah kita hendak Merdeka, apabila kita sudah Merdeka, kebodohan dan kemiskinan akan terhapus dengan sendirinya, kata PKMM pula. Kalau hendak sempurna semua syarat yang tersebut baharu berjuang menuntut Kemerdekaan, sampai bila agaknya, sedangkan yang bodoh akan tetap bertambah bodoh dan yang miskin pula akan terus melarat.

Perselisihan pendapat inilah yang menyebabkan UMNO terus menentang PKMM dan PKMM juga terus menentang UMNO. Musuh UMNO hanya PKMM, di samping ia bersahabat baik dengan Inggeris. Manakala PKMM pula bermusuhan dengan Inggeris dan juga UMNO. UMNO cuma mempunyai satu musuh iaitu PKMM sedangkan PKMM pula mempunyai dua musuh iaitu Inggeris dan UMNO.

Sebenarnya, orang-orang UMNO masa itu memang penakut, terlalu takut kepada Inggeris. PKMM tidak hairan kalau UMNO takut ditangkap atau takut dibuang kerja. Tetapi kalau UMNO takut, maka berilah laluan kepada PKMM untuk berjuang. Janganlah sebab UMNO takut berjuang, ia merasa orang lain pun takut juga. Kalau benar UMNO tidak berani berdepan dengan Inggeris, mengapa tidak dibisikkan kepada PKMM supaya jangan menuduh UMNO menjadi alat British, dan mereka pula tidak menuduh PKMM itu Komunis. Tetapi ini tidak dilakukan malah UMNO benar-benar menentang PKMM sepenuh hati.

Kebanyakan daripada ahli UMNO adalah pegawai tinggi kerajaan hinggalah kepada *office boy* yang disokong oleh orang kampung yang penakut, orang kampung yang tidak tahu apa-apa. Sementara guru-guru kampung yang jahil peta dunia itu menggunakan kesempatan untuk menambah lagi keburukan PKMM kepada rakyat. Rakyat percaya akan percakapan tok guru kampung yang kebanyakannya mendewa-dewakan Inggeris.

Orang Melayu yang berkelulusan Inggeris pula tentulah bekerja dengan kerajaan, walaupun tidak semuanya. Oleh itu tentulah mereka akan menyertai UMNO demi kepentingan diri sendiri. Sikap UMNO terhadap PKMM sama sahaja sebagaimana sikap PKMM terhadap Inggeris. Maksudnya apa sahaja yang dilakukan oleh Inggeris terhadap anak jajahannya, semuanya salah belaka kepada PKMM, walaupun ada di antaranya akan memberi manfaat untuk sementara.

Begitu pulalah di sebaliknya, apa sahaja yang diucapkan oleh PKMM semuanya salah belaka kepada UMNO. UMNO memang seratus peratus memihak kepada Inggeris dan menekan PKMM. Inggeris menekan sedikit demi sedikit dan UMNO akan menambahkan tekanan itu.

Umpamanya PKMM dalam bahasa Inggerisnya ialah Malay Nationalist Party. Orang Inggeris tahu akan tujuan gerakan parti tersebut iaitu sebagaimana gerakan nasionalis di negeri-negeri tanah jajahan yang lain di dunia ini.

Anak jajahan menuntut Kemerdekaan. Jika tidak berhasil menerusi politik, mereka menggunakan kekerasan terhadap penjajah. Tetapi datang orang UMNO memberitahu Inggeris mengatakan PKMM itu bukannya Parti Kebangsaan Malaya tetapi 'Parti Komunis Melayu Malaya.' Mereka tukarkan perkataan 'kebangsaan' itu kepada komunis. Alangkah pahitnya perkataan ini.

Samalah halnya dengan API. UMNO beritahu Inggeris bahawa API itu bukannya Angkatan Pemuda Insaf tetapi 'Angkatan Pembunuh Inggeris.' Gunanya ialah, kalau Inggeris kurang mengambil berat akan gerakan API ini, maka UMNO memberitahu kerajaan Inggeris supaya berwaspada dan bersiap sedia menghadapi gerakan PKMM ini. Oleh yang demikian, Inggeris pun berjaga-jaga serta mengekori setiap langkah PKMM menerusi orang upahannya yang berselerak di mana-mana.

UMNO menuduh PKMM berkawan dengan badan-badan yang bukan Melayu. Manakala PKMM pula mengatakan apa salahnya kita berkawan dengan badan-badan tersebut kerana mereka menyokong gerakan PKMM yang berjuang menuntut Kemerdekaan. Siapa sahaja akan kita jadikan kawan, asal ia menyokong perjuangan untuk menuntut Kemerdekaan. Sekiranya kawan itu mempunyai cita-cita politik yang lain untuk menjatuhkan kita sesudah Merdeka nanti yang bertentangan dengan cita-cita politik PKMM, maka pada masa itu akan berpecahlah antara satu sama lain dan tentulah susah untuk mencari jalan penyelesaian.

Waktu itu ada bapa yang bergaduh dengan anaknya kerana anaknya mahu Merdeka, bapanya marah kepada anaknya yang menyebelahi perjuangan kiri dan takut ditangkap oleh Inggeris. Ada pula anak marah kepada bapa mereka kerana bapanya menyebelahi Inggeris masuk UMNO. Anaknya mengatakan bapanya menolong penjajah menekan bangsa Melayu supaya Inggeris menjajah terus-menerus. Begitu halnya anak marahkan bapa dan bapa marahkan anak sebab masing-masing menurut kepercayaan mereka. Kepercayaan politik dan berfikir dari semulajadi manusia.

Tidak kurang juga isteri meminta cerai dari suami kerana kehidupan menjadi porak-peranda akibat berlainan pendapat. Orang ramai tidak mengatakan sebab porak-peranda itu kerana tidak sependapat, tetapi orang mengatakan kerana malas bekerja. Ini kerana ada isteri-isteri yang termakan hasutan orang UMNO. UMNO menjajakan kepada rakyat bahawa PKMM itu Komunis, orang ramai pun percaya dengan tidak berbelah bahagi. Tetapi ada segelintir orang Melayu yang keras kepala yang menolak tuduhan itu.

Apabila disebut sahaja dia itu orang PKMM, maka kebanyakan ahli masyarakat memandang sinis, ada yang memandang dengan perasaan benci, takut dan perasaan geram. UMNO menganggap PKMM itu musuh utama kepada masyarakat Melayu dan juga musuh ketat kepada negara.

Tidak ada seorang pun daripada orang UMNO yang menganggap PKMM itu adalah pejuang bangsa. Maka kerana anggapan demikian Aziz Hamidy pengarang mingguan *Dunia Baru*, Pulau Pinang dipukul orang di Padang Kota. Alasan beliau dipukul ialah, tidak lain kerana Aziz Hamidy ini menulis dan menerbitkan *Dunia Barunya* yang mengandungi isi yang menyakitkan hati Inggeris atau UMNO.

Kejadian lain yang kecil-kecil memangnya banyak dan biasa berlaku di mana-mana sahaja seperti di kedai kopi, di surau dan di tempat perhimpunan, kadangkala sampai kepada peringkat beradu lengan. Pada masa itu, iaitu pada peringkat awal orang Melayu mula mendekati diri dengan politik, maka nama Dato' Onn Jaafar sangatlah masyhurnya di negeri Johor. Walaupun sebelum itu beliau memang masyhur juga, tetapi tidak semasyhur semasa beliau memimpin UMNO. Apabila orang sebut sahaja Dato' Onn, maka bererti UMNO dan apabila orang sebut UMNO, maka itu bererti Dato' Onn.

Oleh kerana ini berita dalam cerita, maka saya mengharapkan agar keluarga Allahyarham Dato' Onn tidak tersinggung dengan cerita ini. Saya tidak berniat hendak menghina atau mengampu, tetapi ini adalah berita di dalam cerita yang saya dengar dan lihat sendiri pada masa itu. Walaupun saya tinggal di Kluang, tetapi sekurang-kurangnya seminggu sekali saya akan ada di Johor Bahru. Stesen saya di Johor Bahru pada masa itu ialah di kedai Hussain Gemok, tukang jahit, Jalan Ibrahim. Kedai Anis Sabirin, sambil berbual-bual dengan Sabirin. Pada masa itu beliau mencetak bulanan *KRIS* bertulisan jawi. *KRIS* bererti Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung, kemudian ke kedai Che' Omar pula di bawah markas MPAJA. Kalau urusan buruh pula saya akan berada di markas Kesatuan Kaum Buruh di Bukit Meldrum, Johor Bahru. Sayang, akhirnya Dato' Onn keluar dari UMNO dan menubuhkan sebuah parti baru yang diberi nama Independent

Malaya Party (IMP). Sebab-musabab beliau keluar dari UMNO khabarnya bukanlah soal parti, tetapi kerana salah teknik atau tidak ada persefahaman dalam taktik perjuangan.

Setelah beliau keluar UMNO, maka tempat beliau diganti oleh Tunku Abdul Rahman Putra. Malang bagi Dato' Onn, rupa-rupanya IMP yang diharapkan dapat atau mampu untuk menolak beliau ke mercu perjuangan telah gagal sama sekali. IMP tidak lama umurnya. Akhirnya terus berkubur. Sedih! Sepatutnya Dato' Onnlah orang yang pertama menjadi Perdana Menteri Malaya menerusi tiket UMNO. Ini kerana beliauah orang yang pertama atau orang yang paling depan sekali dalam pertubuhan UMNO atau orang yang paling banyak berkorban untuk UMNO. Pada peringkat awal tertubuhnya UMNO, Tunku Abdul Rahman masih berada di England lagi sedang belajar undang-undang.

Tun Razak masih bersekolah lagi dan Tun Hussein Onn kalau tidak silap masih lagi dalam Indian National Army (INA) dan Dr. Mahathir baharu keluar dari universiti bersama isterinya Dr. Siti Hasmah. Saya masih ingat lagi berita Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah lulus ilmu kedoktoran dalam akhbar *Utusan Melayu* pada akhir 1946 yang menyatakan bahawa Dr. Siti Hasmah ialah anak Melayu (perempuan) yang pertama lulus dalam bidang perubatan. Apabila saya dapat anak tidak lama kemudian, maka saya namakan anak saya 'Asmah' mengambil sempena nama Dr. Hasmah. Anak saya yang kedua pula saya namakan Burhanuddin.

Mengenai dengan PKMM, kalau Kemerdekaan tercapai menerusi PKMM, tentulah Dr. Burhanuddin akan dipilih menjadi Perdana Menteri yang pertama di Malaya. Tetapi Allah SWT Maha Mengetahui segala rahsia alam sedangkan kita tidak tahu apa-apa. Pada masa itu disebut sahaja nama Dato' Onn, semua orang tahu bahawa beliau pemimpin utama UMNO dan orang yang paling masyhur di Malaya. Dr. Burhanuddin juga bila disebut sahaja namanya bererti PKMM. Semua orang tahu beliau pemimpin parti kiri yang paling terkenal di Asia.

Dalam istilah politik, UMNO diberi gelaran puak kanan dan PKMM pula digelar dengan nama puak kiri. Puak kanan menyebelah kerajaan British, walaupun perjuangan UMNO akhirnya hendak merdeka juga, sementara puak kiri pula menentang British seratus peratus, tidak ada tolak ansur dalam soal menuntut Kemerdekaan. Orang UMNO pada masa itu hendak menyebut perkataan Merdeka pun tidak berani kerana terlalu takut dan berdiplomasi. UMNO tidak berterus-terang hendak Merdeka kerana UMNO bercogankatakan 'Hidup Melayu.'

Tuduhan mengatakan PKMM itu Komunis adalah fitnah dan rekaan UMNO serta British semata-mata agar orang ramai tidak menyokong perjuangan PKMM. Orang ramai tidak faham mengenai politik. Orang ramai tidak faham erti nasionalisme, imperialisme, komunisme, kapitalisme, sosialisme dan feudalisme.

Sebenarnya Komunis belum ada lagi mendirikan sebuah kerajaan yang boleh digelar kerajaan Komunis. Yang ada cuma kerajaan sosialis sahaja seperti USSR, Republik Rakyat China dan juga di Eropah Timur. Kerajaan kapitalis pula telah muncul sejak beberapa puluh tahun sebelumnya seperti negara United Kingdom dan banyak lagi.

Namanya memang cantik iaitu dunia bebas. Bebas dalam erti kata kapitalis ialah bebas melakukan sesuatu sama ada baik atau jahat, bebas tidak beragama dan bebas segala-galanya asalkan tidak bertentangan dengan undang-undang negara itu. Undang-undang negeri itu pula bergantung kepada pemimpinnya, kalau pemimpin itu kaki judi, kaki arak, kaki zina, kaki kuda dan kaki rasuah umpamanya, maka rakyatnya pun begitulah dan akhirnya timbullah krisis moral.

Pada masa itu manusia tidak lagi memikirkan soal agama, tidak lagi memikirkan akhlak dan kebudayaan. Manusia membuat sesuatu mengikut akalunya sendiri. Kalau ramai orang bersetuju untuk melakukan yang jahat, maka kejahatan itu akan bertukar menjadi kebajikan di sisi undang-undang.

Kalau manusia itu beragama Islam, maka agama Islamnya tinggal pada namanya sahaja. Mereka sudah tidak berminat lagi untuk mempelajari agama Islam. Mereka tidak mengetahui bahawa agama Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Mereka tidak mengetahui bahawa undang-undang agama Islam lengkap dari sekecil-kecilnya sampailah kepada yang paling besar seperti hukum bunuh. Begitu juga dengan hukum lainnya, seperti hukum bersuci dan sampailah kepada hukum bernegara, hukum menjadi pemimpin, hukum menjadi bapa kepada anak, hukum kawan dengan kawan, hukum isteri kepada suami dan hukum suami kepada isteri, hukum orang alim kepada orang jahil dan hukum orang jahil terhadap orang alim. Tidak ada satu pun yang kurangnya atau tertinggal yang menentukan halal haram, sah batalnya, boleh atau yang tidak untuk dikerjakan.

Tetapi semuanya ini hilang atau tenggelam begitu sahaja kerana manusia yang hidup di negara kapitalis atau negeri yang dipengaruhi oleh sistem kapitalis itu khayal atau lalai dengan keseronokan, kebebasan hidup yang tidak menentu yang dicipta oleh manusia yang berjiwa kapitalis itu. Saya rasa, di Malaya pada masa itu, Dr.

Burhanuddinlah orang alim di antara beberapa orang alim yang berselerak di Malaya ini, yang lebih memahami akan hakikat ini. Di sebaliknya, negara kapitalis tersebut tidak pernah mengisytiharkan negara mereka bebas dari kemiskinan, bebas dari jenayah dan bebas dari buta huruf.

Pada 1955, saya telah terbaca berita dalam akhbar *Week Ender* menyatakan bahawa di Amerika, 'Empat kes jenayah sekurang-kurangnya berlaku dalam masa satu saat.' Antara jenayah-jenayah tersebut termasuklah pembunuhan, membunuh diri, rompakan, mencuri, menipu, rogol, rasuah dan lain-lain lagi. Itulah isi atau perangai penghuni negara kapitalis. Sementara negara sosialis pula berlainan sekali keadaannya. Kejadian jenayah terlalu kurang atau terlalu sedikit berbanding dengan negara kapitalis, tetapi rakyatnya tidak dapat menyatakan perasaannya terhadap dasar kerajaan atau negara. Lebih daripada itu, kita kurang mengetahui akan keadaan yang sebenarnya, kerana negeri ini tidak bebas dikunjungi oleh rakyat biasa luar negeri.

Tetapi sekarang telah mula retak di sana sini dan kerajaannya juga telah banyak mengubah teori asalnya kepada teori pemimpin yang memerintah. Inilah tandanya atau contoh yang terang bahawa undang-undang atau aturan hidup ciptaan atau rekaan manusia itu tidak kekal, kerana undang-undang itu bergantung semata-mata kepada akal dan fikiran manusia yang menciptanya.

Walaupun apa sahaja perubahan dunia dan apa sahaja yang berlaku di muka bumi ini, tetapi kepada manusia yang beku fikirannya dan menentang perubahan alam semula jadi yang dicipta oleh Allah SWT Yang Maha Berkuasa, orang-orang yang beku itu tetap beku sampai bila-bila.

Peringatan Nanan
1955-1960

Hizbul Muslimin



Setelah kita membaca berita penubuhan parti Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol, Perak pada pagi semalam, maka pada pagi ini kita dapat membaca ulasan Dato' Onn Jaafar, selaku ketua UMNO Malaya. "Jaga-jaga, bahaya turun dari gunung!" Itulah tajuk berita *Utusan Melayu* ulasan Dato' Onn yang ditujukan kepada bangsa Melayu seluruh Malaya pada

masa itu mengenai penubuhan parti Hizbul Muslimin. Apabila Dato' Onn mengatakan penubuhan parti Hizbul Muslimin adalah bahaya yang paling besar terhadap negara, maka seluruh anggota UMNO dan orang yang duduk di atas pagar sama-sama menentang penubuhan parti itu dan mereka cuba membangkitkan huru-hara dan pertumpahan darah.

Rakyat menjadi takut dan bimbang mendengar tentangan dari pihak UMNO. Sementara UMNO pula mendengar nasihat daripada tuan-tuan putih yang berkuasa. Sebenarnya, sekiranya PKMM pada peringkat awal dapat memerintah negara ini, maka tentulah dasar pentadbiran negara akan diletakkan di bawah pengawasan 'majlis islam tertinggi.' Ertinya tiap-tiap sesuatu yang penting hendak dilaksanakan mestilah dirujuk kepada 'majlis islam tertinggi' terlebih dahulu.

Perjuangan PKMM berdasarkan perjuangan jangka panjang iaitu seperti menanam durian bukannya seperti menanam taugeh. Oleh sebab itu PKMM menyediakan diri pada setiap penjurong agar apabila tiba masanya untuk bertindak tidak terkapai-kepai. Begitulah halnya dengan parti Hizbul Muslimin. Bukanlah ertinya apabila tertubuh sahaja sesebuah parti itu maka berduyun-duyun pemuda-pemudi untuk menjadi anggota parti itu. Untuk menarik dan mengumpulkan orang ramai menjadi anggota parti memakan masa yang panjang dan lama, lebih lama lebih baik agar dapat parti mengatur dan menyusun segala gerakan untuk anggota parti.

Tetapi, walaupun gerakan pada masa itu berjalan secara begitu lemah dan tidak tersusun rapi, Inggeris tetap berasa takut dan

bimbang. Perjuangan PKMM sebenarnya bermula dari September 1945 hinggalah Jun 1948.

Pada masa itu, kerajaan Inggeris di Malaya benar-benar merasa terancam oleh tindak-tanduk PKMM yang mengadakan berbagai-bagai kegiatan penentangan hampir setiap pagi, petang dan malam. Dalam keadaan yang terdesak, kerajaan Inggeris mengambil keputusan untuk mengisytiharkan Darurat. Ertinya kerajaan Inggeris telah kalah dalam bidang diplomasi, maka ia menggunakan kekerasan.

Apabila Darurat diisytiharkan, tangkapan pun bermula terhadap mereka yang difikirkan berbahaya kepada keselamatan umum. Kebanyakan orang yang menangkap itu adalah orang Melayu dan kebanyakan mereka yang kena tangkap itu pun orang Melayu juga. Orang Melayu yang berjuang menuntut Kemerdekaan ditangkap oleh orang Melayu yang berjuang menyebelahi Inggeris menentang pejuang kemerdekaan. Jumlah tahanan Darurat itu semuanya lebih kurang seramai 87,000 orang termasuk orang Cina dan India.

Orang Cina dan orang India ini mungkin hampir lapan puluh peratus daripadanya dibuang negeri, ini kerana mereka bukannya rakyat asal Malaya. Hampir lapan atau sembilan tahun orang-orang yang ditahan. British hendak membebaskan mereka, tetapi tidak ada alasan yang sesuai, sedangkan perbelanjaan untuk menyara orang tahanan memakan belanja beratus ribu ringgit sehari.

Oleh sebab itu, British cuba membersihkan mukanya daripada tuduhan tidak mampu lagi menyara para tahanan, membuka sebuah lagi kem baru di Morib, Selangor dengan nama Morib Rehabilitation Camp (Kem Pemulihan Morib). Di kem ini, para tahanan diajar menjahit, diajar bertukang kayu dan menternak ayam.


Pelajaran yang diperoleh di kem ini membolehkan bekas tahanan ini berdikari dalam menjalani kehidupan selanjutnya. Mereka sudah lama meninggalkan pekerjaan yang biasa dilakukan sebelum ditahan dahulu. Akhirnya, semua orang tahanan di Kem Pemulihan Morib dibebaskan menerusi kem Morib ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.



GAMBAR 1 Sebahagian dari tahanan Darurat 1948-54 di Ashby Road Detention Camp, Ipoh.
Abdul Majid Salleh pertama dari kiri baris hadapan



GAMBAR 2 Abdul Majid Salleh bersama rakan seperjuangan di Kem Tahanan Morib, Selangor, 29 November 1953



GAMBAR 3 Selaku ketua PRM Perak, Abdul Majid Salleh menghadiri Kongres Parti Rakyat Malaya di Pulau Pinang, 1962



GAMBAR 4 Rombongan Haji dari Jajahan Sin Kiang, China bergambar bersama-sama Abdul Majid, 1990



GAMBAR 5 Bangunan Foch Avenue, Kuala Lumpur yang pernah menjadi pejabat Parti Komunis Malaya



GAMBAR 6 No. 2, Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman) adalah bangunan yang pernah menjadi ibu pejabat PKMM, AWAS dan API



GAMBAR 7 Ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur, 1956




GAMBAR 8 Karya Abdul Majid Salleh *Dunia Saja Begitu* diterbitkan pada 1974

ایده، بی، سی
اسمارا


A.B.C.
ASMA



GAMBAR 9 Sebuah lagi karya Abdul Majid Salleh yang diterbitkan oleh Rakyat Trading Co. Ltd., Hale Street Ipoh, 1965



GAMBAR 10 Kulit buku *Untukmu Anak Merdeka* yang asalnya diterbitkan pada 1991 menjadi inti edisi terbitan buku ini



GAMBAR 11 Abdul Majid tetap bersemangat memberikan ucapan dalam 'Dialog Merdeka' di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategik UKM pada 23 Ogos 2002

Bank Parti Kebangsaan Melayu Malaya



Pada akhir 1947, sebuah bank PKMM ditubuhkan di Kemaman, Terengganu. Bank ini kalau tidak silap saya pengasasnya ialah Pak Shukor (Abdul Shukor), orang Kemaman ahli PKMM. Yang menjadi pengurusnya ialah Wan Yahya, orang Kemaman juga. Tetapi walau apa pun sistem yang dipakai itu tidak penting, yang pentingnya ialah untuk menunjukkan

kepada Inggeris bahawa PKMM bukanlah sekadar pandai membuat teori di kedai-kedai kopi sahaja malah lebih dari itu.

Walaupun pegawai-pegawainya tidak berkelulusan ekonomi atau akauntan dari mana-mana universiti di dalam dunia ini tetapi boleh mentadbirkan bank.

Kalau sebuah bank boleh ditadbirkan, maka tentulah sepuluh bank juga boleh dan begitulah seterusnya.

Selain tujuan penubuhan bank yang tersebut di atas, maka tujuan yang kedua penubuhannya ialah untuk melatih dan memperkenalkan kepada ahli PKMM erti secara tukar barang, CIF, FOB, import dan eksport, *post dated cheque*, bank draf, kredit bank dan lain-lain lagi.

Ramai orang tidak tahu bahawa perkara yang amat penting untuk diketahui adalah perjalanan urusan bank di seluruh dunia. Pada zaman moden ini menguruskan segala hal yang berhubung dengan perniagaan mestilah melalui bank. Bukan sahaja setakat urusan kewangan, tetapi bank juga memainkan peranan untuk memajukan atau memundurkan satu-satu projek yang sedang dilaksanakan.

Bank juga dapat lebih awal mengetahui akan nilai mata wang sesebuah negara, kejatuhan ekonomi sesebuah negara dan segala sebab yang menyebabkan maju mundurnya sesebuah negara itu. Tugas bank bukanlah hanya menyimpan dan mengeluarkan wang pelanggannya, tetapi bank juga menjadi penjamin kepada pengimport barangan sesebuah negara.

Dengan lain kata, itulah salah satu alasan yang paling baik bagi PKMM untuk menubuhkan bank sebagai pendorong dan bersedia untuk menghadapi kemungkinan jika PKMM dapat memerintah. Tetapi malangnya, umur bank PKMM itu tidak lama, iaitu hanya semasa Darurat diisytiharkan sahaja. Seandainya bank ini dapat berjalan menurut yang dijadualkan, maka tentulah lebih banyak lagi kesan yang memberi faedah kepada rakyat akan dapat dicipta dan dapat dilaksanakan. Apa yang perlu diingatkan ialah, pada masa itu orang Melayu masih belum memikirkan perkara-perkara yang di luar kemampuan mereka.

Kadang-kadang terfikir oleh kita bahawa nasib orang Melayu itu selalu dan memanjang sahaja terkenanya. Umpamanya, apabila orang Melayu membeli barang apa sahaja, maka yang menentukan harganya orang yang menjual itu dari sekecil barang hinggalah sebesar-besarnya. Apabila orang Melayu hendak menjual barangnya pula seperti getah dan lain-lain, maka pembeli pula yang menetapkan harganya, bukannya penjual. Setelah PKMM diharamkan maka nasib bank Parti Kebangsaan Melayu Malaya pun turut sama berkubur.

Sikap Pemuda Pemudi Melayu Tahun 40-an



Semasa Jepun memerintah Malaya dahulu, berebut-rebut anak-anak muda Melayu meminta kerja menjadi *junsa* (mata-mata) atau *kempeitai* (mata-mata gelap). Yang paling menghairankan saya ialah anak-anak Melayu terlalu cepat berubah sikap. Apabila mereka diterima bekerja menjadi junsa, seperti kunyit dengan kapur beberapa hari sahaja mereka terus berubah

sikap. Kalau sebelumnya dia adalah kawan kita semakan seminum atau kawan tidur sebantal umpamanya, tetapi apabila sudah mendapat jawatan tersebut, kawannya itu kalau boleh, hendak ditangkap atau ditampar, walaupun dia tidak bersalah. Pada masa itulah mereka cuba menunjukkan muka bengisnya apabila memandang kita, sengaja menunjukkan yang mereka ada kuasa dan boleh menyusahkan rakyat.

Mereka membuat sesuatu menurut sesuka hati sahaja. Umpamanya, kalau mereka mahu sesuatu, maka mereka ambil sahaja tanpa meminta dari tuan yang empunya. Sehingga timbullah satu istilah baru sebagai pengganti perkataan perbuatan yang sebenarnya. Istilah itu ialah 'cho hap', apabila disebut sahaja barang 'cho hap' bererti hendak barang ambil sahaja.

Orang ramai marah, terutamanya orang Cina kerana kebanyakan barang yang diambil itu ialah barang-barang orang Cina, sedangkan orang Melayu pun marah juga kerana amalan yang begitu menunjukkan kerendahan budi orang Melayu sendiri. Apabila kita kata mereka, bererti kita mengata diri sendiri kerana mereka orang Melayu dan kita pun orang Melayu juga, tetapi kita tidak berkelakuan seperti mereka.

Mereka tidak mahu memikirkan hal esok lusa apa lagi tahun hadapan, jauh sekali dari memikirkan sepuluh tahun ke hadapan. Kebanyakan mereka cuma nampak oleh mata, apa yang ada pada masa itu sahaja dan tidak lebih dari itu.

Dari pertengahan 1948, sampai ke awal 1949, orang putih mula menubuhkan *Special Constable* (SC). Berduyun-duyun pemuda Melayu

pergi meminta menjadi SC dan pemuda Melayu pula memohon menjadi *Additional Police* (AP). Orang putih terima sahaja mereka, walaupun ada yang panjang senapang dari tuannya, ada yang buta huruf tidak kenal ABC diterima juga. Kerajaan British memang berkehendakkan mereka kerana mengharapkan ketaatan mereka untuk memper-tahankan harta kapitalis British, Amerika, Perancis dan kapitalis tempatan.

SC ini ditubuhkan adalah hanya untuk mempertahankan atau memberi perlindungan kepada nyawa dan harta benda kapitalis daripada serangan penjahat. Dengan kerja mempertahankan harta-harta kepunyaan saudagar atau kapitalis luar dan dalam negeri itu SC dibayar gaji sebanyak \$96 hinggalah \$104 sebulan pada masa itu. Siapa yang panjang umur mereka terlepas daripada bahaya mati di hujung senapang. Sesiapa yang sampai ajalnya, kerana peluru, matilah dia. Antaranya, ada yang baru masuk dan ada yang sudah lama bekerja dan ada yang sudah hendak habis tempoh perkhidmatannya. Mati mereka adalah kerana mempertahankan harta dan nyawa orang kapitalis.

Itulah diannya nasib pemuda atau pemuda Melayu. Walaupun begitu telah berkali-kali terkena tetapi tidak serik juga. Itulah satu daripada alasan yang saya katakan orang Melayu memang rela mati kerana orang lain. Jika dinilai hasil pendapatan dan ancamannya atau bahaya sepanjang berkhidmat dalam jawatan tersebut tentulah tidak senilai dengan yang diterima sebagai gaji seperti yang tersebut di atas.

Buruh Maut ke Siam

Selain daripada yang ditangkap Jepun di merata-rata iaitu di mana sahaja Jepun berjumpa, maka ada pula pemuda-pemuda Melayu yang sengaja pergi meminta untuk pergi ke Siam menjadi buruh bagi membina jalan kereta api di sempadan Siam dengan Burma. Beribu-ribu pemuda Melayu dari seluruh Malaya meninggalkan ibu bapa yang telah tua menuju ke Siam. Kebanyakan mereka ialah yang berumur antara 20-30 tahun. Ertinya pemuda-pemuda yang sedang segar, tampan dan serba boleh, serta gagah berani.

Apabila Jepun menyerah kalah, entah berapa orang sahaja yang pulang kepada ibu bapa mereka, yang lainnya entah di mana sangkut-nya atau entah di mana kuburnya, hujung tak tahu pangkalnya entah di mana. Peristiwa itu pun menjadi pengajaran juga kepada orang yang jauh pandangannya, sekurang-kurangnya tidak akan berlaku lagi atau berulang semula kepada orang Melayu. Antara yang pergi

itu termasuk abang ipar saya sendiri. Kira hilang sahaja. Peristiwa itu menjadi pengajaran kepada orang Melayu. Peristiwa itu disifatkan oleh orang Melayu sebagai satu tragedi yang tidak boleh dilupakan. Kalau ditulis yang berlaku itu akan menjadi pengajaran dan menjadi ingatan kepada generasi Melayu berikutnya.

Sejak tentera British berperang membendung kemasukan tentera Jepun hinggalah British menyerah kalah, iaitu apabila Jeneral Percival menyerah kalah kepada ketua tentera Jepun, Jeneral Tomoyuki Yamashita. Kemudian Jepun kalah semula setelah berkuasa di Malaya selama 3 tahun 8 bulan 2 hari dan Malaya diperintah semula oleh British, maka berebut-rebut semula anak muda Malaya minta kerja daripada kerajaan British.

Pada peringkat permulaannya memang banyaklah kerja kosong iaitu dari jawatan kerani biasa hinggalah kepada buruh kasar. Jawatan tersebut akan cuba dipohon oleh pemuda Melayu kerana pemuda Melayu tidak nampak lubang perniagaan dan tiada pengalaman dalam bidang perniagaan, sedangkan pemuda bukan Melayu berlumba-lumba dan berikhtiar sedaya upaya untuk menjalankan kegiatan perniagaan. Pemuda bukan Melayu ini menjalankan perniagaan daripada apa sahaja jenis barangan.

Ada orang mengatakan bahawa pemuda-pemuda bukan Melayu itu berniaga mendapat bantuan daripada pihak bank. Sebenarnya bukanlah semuanya dapat kemudahan begitu, tetapi kerana semangat berniaga yang ada pada mereka. Pemuda-pemuda itu berjaya bermula dengan menjual sayur di pasar, akhirnya menjadi pembekal sayur yang besar di kawasan atau daerah itu.

Tetapi pemuda Melayu berlainan caranya, jika mereka berniaga kecil-kecilan dahulu untuk mencari nafkah, itu hanya buat sementara sahaja sebelum dapat pekerjaan yang tetap walaupun pendapatannya sedikit. Mereka lebih rela hidup secara begitu daripada menjalankan usaha sendiri seperti berniaga. Memanglah berusaha sendiri itu menghendaki mereka banyak berfikir dan berikhtiar, di samping manis tutur kata dan berbudi bahasa. Ertinya bukanlah berkehendakkan kelulusan yang tinggi sangat, tetapi ilmu berniaga dan ilmu perniagaan itu mestilah ada dan dilaksanakan bersungguh-sungguh.

Satu contoh yang paling baik untuk dijadikan iktibar ialah pada satu masa dahulu iaitu pada 1957, saya pernah mengelilingi Malaya untuk mengumpul maklumat mengenai perniagaan orang Melayu seluruh Malaya untuk dijadikan sebuah buku yang bertajuk 'Di Mana Mahu Beli dan Di Mana Mahu Jual' atau dalam bahasa Inggerisnya 'Malay Bussiness Directory'. Saya mengelilingi Malaya selama tiga bulan. Semasa mengadakan temu bual dengan pekedai-pekedai Melayu

yang menjual beraneka jenis barangan secara kecil-kecilan itu, maka terjumpalah saya sebuah restoran orang Melayu. Tidak payahlah saya sebutkan tempat itu dan namanya. Saya terangkan kepadanya tujuan saya datang untuk menulis sebuah buku berbentuk iklan sambil menunjukkan contoh yang akan diterbitkan nanti. Dengan pantas tuan kedai itu berkata, "Oh, kalau saya masuk iklan ini, orang England akan datang minum di sinikah?" tanyanya.

'Inikah cara orang Melayu berfikir!' kata hati saya. Langsung tidak saya ambil iklan kedainya. Pada masa yang lalu, saya pernah masuk kedai restoran orang Melayu di Malay Street, Kuala Lumpur. Dalam restoran itu ramai pelayan wanita tetapi setelah saya duduk dengan seorang kawan, hampir lima minit tidak seorang pun dari mereka yang datang bertanya hendak minum apa, makan apa, atau hendak duduk sajakakah. Pada hal kami datang benar-benar hendak makan kerana perut terlalu lapar.

Kawan saya itu mengatakan kepada saya, barangkali orang kedai itu menyangka kita tidak ada wang, atau sebab kita datang berjalan kaki sahaja. Kami kemudian cari kedai lain.

Sebenarnya tujuan saya menerbitkan buku tersebut supaya ahli-ahli peniaga Melayu dapat berkenal-kenalan antara satu sama lain dan akhirnya boleh menubuhkan 'pan Malayan Malay chambers of commerce.'

Tetapi malangnya fikiran peniaga-peniaga Melayu pada masa itu dan mungkin sampai sekarang tidak sampai ke situ. Mereka tidak sedar bahawa syarikat Dunlop Tyre yang membekalkan tayar untuk semua jenis kenderaan di Malaya dan juga luar negeri ada mempunyai syarikat kebun getahnya sendiri iaitu Dunlop Rubber Estate. Syarikat tidak mengharapkan belas ihsan orang untuk menjual getah kepadanya.

Syarikat Lee Rubber umpamanya, juga mempunyai ladang getahnya sendiri. Beberapa saudagar lain yang besar-besar di tanah air kita ini juga mempunyai ladang mereka sendiri. Saya rasa tentu ramai daripada pekedai-pekedai kecil akan merasa tersinggung dengan tulisan ini dan mungkin mereka akan bertanya atau menyoal saya, kalau saya betul-betul pandai tentulah saya sudah menjadi orang kaya besar.

Kalau itulah soal yang akan diajukan kepada saya, maka saya akan menjawab bahawa saya tidak berminat untuk berniaga dan tidak juga bercita-cita hendak menjadi orang kaya.

Kebanyakan mereka pada mulanya berasa berat juga hendak mendedahkan segala kelemahan mereka. Tetapi akhirnya mereka dedahkan juga bahawa setiap ahli perniagaan Melayu mempunyai halangannya yang tertentu untuk maju. Oleh itu bolehlah disifatkan

kebanyakan ahli perniagaan Melayu itu seperti kata pepatah Melayu 'hidup segan mati tak mahu.'

Puncanya berlaku demikian kerana ahli perniagaan itu sendiri tidak mahu terlibat dalam erti kata yang sebenarnya di dalam dunia perniagaan. Kalau hanya setakat membuka kedai gunting rambut atau membuka kedai jahit umpamanya, itu bukanlah berniaga namanya, kerana itu adalah termasuk ke dalam istilah menjual tenaga, sama seperti buruh biasa. Berniaga mempunyai keistimewaannya sendiri dalam cara mendapatkan wang. Bukanlah bererti beli seringgit dijual seringgit dua puluh sen itu sudah bererti untung dua puluh sen.

Ahli perniagaan yang bijak membeli barangan dengan harga lapan ringgit dan dijual dengan harga sepuluh ringgit, maka dia masih untung lagi dua ringgit. Ahli perniagaan ialah orang yang paling cerdik di kalangan masyarakat. Ahli perniagaan biasanya melangkah setapak demi setapak untuk menjadi kaum kapitalis. Kecil perniagaannya bererti kecil jiwa kapitalisnya, besar perniagaannya, maka besar pula jiwa kapitalisnya.

Malangnya kebanyakan pemuda-pemudi Melayu lebih tertarik dengan cara hidup makan gaji sahaja. Hanya ada juga seorang dua yang ingin hendak berniaga dan malangnya mereka tidak pula dapat tempat yang sewajarnya di dalam masyarakat Melayu itu sendiri.

Berniaga yang paling mudah sekali ialah berkedai kopi atau lebih senang dikatakan kedai makan. Kadangkala apabila kedai itu mendapat agak baik sambutannya dari masyarakat Melayu, maka tuan kedai itu pula membuat hal seperti, kurang sopan melayan tetamu, masakan ambil ada sahaja tidak mengira selera pelanggan, menghidang segala jenis minuman dengan tangan kiri sahaja atau menghidangkan apa jenis makanan pun dengan kasar. Ini semua diambil kira oleh pelanggan apa lagi kalau harganya mahal atau tidak berpatutan.

Oleh kerana terlalu banyak hal yang perlu dijaga, maka pemuda Melayu mengambil jalan mudah iaitu mencari nafkah dengan makan gaji. Kalau kerja itu beruniform, lebih digemari. Pada hal mereka tidak sedar disarung sahaja pakaian seragam itu, orang sudah tahu berapa pendapatan si pemakai baju itu sebulan. Berlainan halnya dengan orang berniaga, seperti mereka yang menjual air batu di tepi jalan pun boleh dapat sekurang-kurangnya tujuh hingga lapan ratus ringgit sebulan. Orang tidak tahu, pemuda-pemudi Melayu lebih berminat menjadi buruh kasar yang bekerja lapan jam sehari dengan mendapat upah antara 7-12 ringgit sehari, mereka sudah berasa cukup puas hati. Itulah anak-anakku, anak-anak Merdeka.

Sikap Umum Orang Melayu Tahun 40-an



Hitung panjang pandangan orang Melayu pada masa itu amat singkat. Orang Melayu merasakan bahawa hidup zaman ubi kayu telah berakhir dan seharusnya tidak akan berulang lagi. Azab sengsara yang dibawa oleh Jepun itu telah cukup untuk mengajar orang Melayu supaya jangan suka mengambil tahu hal orang lain. Yang pentingnya ialah menjaga hal diri sendiri, menjaga keselamatan diri dan meninggikan taraf hidup diri sendiri. Tiap-tiap orang mula memikirkan bagaimana hendak mencari kekayaan, harta benda dengan cara apa sahaja.

Semasa Malaya hampir menghadapi Perang Dunia Kedua. Tidak seorang yang mengetahui dan menyangka perang akan berlaku di negara ini antara Jepun dengan British. Perangai orang Melayu ke mana kita pergi hampir sama sahaja, iaitu 'ingke'. 'Ingke' bererti 'ketawa membawa padah,' atau suka yang berakhir dengan duka. Orang Melayu pada masa itu tidak gilakan rumah batu seperti sekarang, kerana pada masa itu bukan trend rumah batu. Orang Melayu tidak juga gilakan kenderaan seperti sekarang, kerana pada waktu itu pengetahuan sains dan teknologi manusia masih rendah lagi.

Cuma yang ada pada masa itu orang Melayu berlawan-lawan membeli alat-alat perhiasan rumah, berlumba-lumba menempah fesyen pakaian dan sebagainya. Pada waktu itu radio belum ada namanya lagi, cuma semasa perang hampir meletus baharulah ada berapa pintu kedai yang menjualnya di bandar-bandar besar. Radio yang mula sekali dijual di Johor ini kalau tidak salah ialah keluaran syarikat General Electric Company (GEC). Pada masa itu kebanyakan orang Melayu membeli peti nyanyi. Hampir setiap sepuluh buah rumah ada sebuah peti nyanyi. Peti nyanyi ini akan berbunyi dengan piring hitam. Itu pun sudah berasa cukup megah sesiapa yang mempunyai alat tersebut.

Piring-piring nyanyian penyanyi Arab seperti Abdul Wahab, Sobah, Umi Kalthum menjadi pilihan selain dari nyanyian penyanyi lagu asli tempatan. 'Record' membaca al-Quran, syarahan agama, membaca berzanji, marhaban dan lain-lain yang berbentuk agama saya rasa tidak ada.

Dalam keadaan 'ingke' itulah perang tiba dan semua yang dijadikan perhiasan itu menjadi abu atau kembali semula ke asalnya. Kemudian datanglah pahitnya akibat perang hingga beras tidak ada, gula tidak ada, garam tidak ada, pakaian tidak ada.

Sebelum perang dahulu, kalau seseorang itu menjadi drebar OCPD maka masyarakat menganggapnya sebagai OCPD tidak rasmi. Rakyat Melayu menghormatinya lebih dari sepatutnya. Kalau seseorang itu menjadi peon pejabat, maka orang ramai juga menghormatinya sebagai ketua pejabat. Begitulah seterusnya cara orang Melayu menilai kedudukan seseorang yang makan gaji.

Ertinya orang yang bekerja dengan kerajaan memang mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat Melayu. Orang Melayu menyanjung tinggi kepada sesiapa sahaja yang makan gaji dengan kerajaan, walaupun sebagai buruh kasar mereka tetap dipandang tinggi.

Bekerja sendiri, seperti berniaga secara kecil-kecilan, bertani atau bekerja sambil-sambilan tidak akan dipedulikan oleh masyarakat Melayu. Sebenarnya, saya sendiri tidak mengetahui sejak bilakah orang Melayu ini berfikiran begitu dan siapa pulakah orang yang menggalakkan supaya berfikir begitu. Tahu-tahu ia sudah begitu sahaja secara automatik.

Agaknya kalau lama lagilah kerajaan Inggeris memerintah Malaya ini, mungkin anak-anak muda Melayu teruslah bergantung seratus peratus hidup mereka kepada makan gaji semata-mata, walaupun bekerja dengan siapa saja dan siapa saja menjadi tuannya, itu soal lain. Begitulah agaknya.

Cara-cara Orang Melayu Malaya Berfikir



Sebelum saya menulis lebih jauh dari hal orang Melayu Malaya pada umumnya, terlebih dahulu eloklah saya terangkan dari hal diri saya dahulu. Saya berdarah Melayu tulen. Dalam buku *Ensiklopedia Indonesia* yang mengandungi tiga jilid itu dari A-Z ada menerangkan bahawa yang dikatakan Melayu itu ialah Jambi (Djambi). Saya bukan pula Melayu kacukan seperti ibu Melayu bapa India, ibu Melayu bapa Cina, ibu Melayu bapa Arab, ibu Melayu bapa Siam ataupun sebaliknya. Tetapi bapa saya orang Jambi iaitu Melayu tulen keturunan Pagar Ruyung. Ibu saya pula keturunan Kerinci.

Hingga hari ini saya telah hidup dalam empat zaman iaitu, zaman sebelum perang, zaman Jepun, zaman British Military Administration (BMA) dan zaman Merdeka. Sesuai dengan umur saya yang telah menjangkau lebih 70 tahun, dalam pergaulan hidup, saya rasa, saya telah bergaul dengan berbagai-bagai masyarakat, tidak termasuk masyarakat istana sahaja. Ini kerana saya tidak sekufu, itu sahaja.

Selain bergaul dengan orang Melayu yang bertutur dalam berpuluh-puluh macam pelat bahasa itu, saya juga bercampur dengan masyarakat Jawa dan masyarakat Cina. Saya banyak mengetahui akan perangai mereka dari segi berfikir dan lain-lain. Untuk membanding-bandingkan perbezaan cara berfikir antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu mungkin terlalu berat jika hendak diterangkan satu persatu. Di sini, tidak pula saya hendak mengetahui nilai mana yang lebih baik, kerana sesuatu penilaian itu bergantung kepada peribadi seseorang dan bukannya kepada buruk baik yang dilihat dari luaran sahaja.

Ramai antara orang Melayu yang sanggup menjual harta pusakanya cuma bermula dari menerima budi secawan kopi dan sebatang rokok sahaja. Tindakannya menerima budi itu berakhir dengan hilangnya sebidang tanah yang berharga di tengah-tengah

kota atau sebuah rumah batu yang dibangunkan oleh ibu bapa atau datuknya dahulu.

Orang lain dapat membaca dengan mudah jiwa orang Melayu. Mereka mengatakan bahawa jiwa orang Melayu ini boleh dibeli dengan harga yang murah, boleh diberi gula-gula seperti kanak-kanak, boleh diberi hadiah apa sahaja. Kalau tidaklah dengan perasaan kasihan mereka terhadap orang Melayu, mungkin orang Melayu tidak ada tanah lagi untuk mendirikan rumah sebagai tempat berteduh.

Mungkin ada orang mengatakan pula bahawa hak orang Melayu terpelihara sekurang-kurangnya tentang soal tanah ada undang-undang yang istimewa iaitu 'Malay Reservation'. Undang-undang ini kononnya untuk melindungi kepentingan orang Melayu. Tetapi boleh pula dipecahkan atau diketepikan kalau ada kepentingan yang munasabah.

Apa yang saya terangkan itu bukannya bertujuan menghina, merendah-rendahkan, menyalahkan atau menyinggung sesiapa yang berkenaan umpamanya, tetapi kalau benarlah pandangan ini, marilah kita cari bersama jalan penyelesaian sebelum terlambat.

Yang salah hendaklah mengaku salah, yang silap hendaklah mengaku silap, yang tidak mengetahui hendaklah mengaku tidak tahu. Kalau salah pula, marilah kita ikut jalan yang benar dan saya sedia menarik balik apa sahaja pandangan saya yang dianggap salah itu. Tidak ramai orang yang bijak pandai berkawan dengan saya, sebabnya ialah saya bukannya orang yang bijak pandai. Biasanya orang bijak pandai berkawan dengan orang yang bijak pandai sahaja. Kata pepatah Inggeris, 'Birds of the same feather flock together,' ertinya bolehlah disamakan dengan pepatah Melayu, 'enggang sama enggang pipit sama pipit.' Tetapi apabila saya dapat berkawan dengan salah seorang dari beribu-ribu orang bijak pandai itu, saya selalu sahaja dapat cerita yang kurang menyenangkan.

Saya ada seorang kawan bekas penuntut Universiti al-Azhar, Kaherah. Dalam pengajian tafsirnya, kata beliau, pensyarah atau yang memberi kuliah tafsir itu adalah seorang profesor berbangsa Yahudi. Beliau belajar tafsir dari Yahudi tersebut. Kalau difikirkan seimbab lalu adalah mustahil, tetapi perkara ini berlaku.

Itulah kerja orang Mesir, kerajaan Mesir, seolah-olah tidak ada lagi orang Islam di seluruh tanah Arab itu yang lebih alim dari orang Yahudi itu. Tetapi mungkin juga benar tidak ada lagi orang alim di kalangan orang Mesir, kerana ramai daripada mereka yang dididik dengan segala macam hiburan seperti menyanyi, menari dan lain-lain. Ini bukanlah berita rekaan atau fitnah. Pada mulanya, saya pun terkejut akan berita yang tidak munasabah pada akal saya, tetapi

setelah saya mendapat penerangan dengan panjang lebar baharulah saya percaya.

Ini adalah satu pelajaran kepada kita yang paling baik untuk dijadikan teladan atau batu sempadan. Apabila kita tanya orang Melayu walau di mana mereka berada dengan pertanyaan, "Mengapakah orang Melayu lemah dari segala hal?" Nanti kita akan dapat jawapan daripada mereka dengan mengatakan, "Kerana orang Melayu tidak bersatu." Kalau kita tanya lagi, "Mengapakah sebabnya orang Melayu tidak mahu bersatu?" Jawapannya, membatu. Kerana orang yang mengatakan orang Melayu tidak mahu bersatu itu pun dia sendiri tidak mahu bersatu.

Saya rasa, sejak zaman Jepun memerintah Malaya sampai sekarang, perangai orang Melayu tetap tidak berubah. Yang berubah hanyalah soal kehidupan, ada yang kaya mengejut, ada yang jatuh terjunam, ada yang melarat sepanjang zaman. Ada rumah yang sangat senget sebelum perang hingga sekarang masih senget juga. Ada yang duduk di rumah batu yang mengaum besarnya dan begitulah seterusnya. Tetapi dalam soal berfikir mungkin tidak sama dengan soal kehidupan seseorang, kerana kehidupan boleh berjalan seorang diri tanpa gangguan berbanding dengan soal fikiran, kerana soal fikiran ini ada hubungkaitnya dengan masyarakat bangsa itu sendiri.

Kita tidak boleh berfikir semata-mata untuk diri kita seorang sahaja tanpa memikirkan masyarakat sekeliling kita. Tinggi rendahnya pengetahuan masyarakat kita bukanlah bergantung semata-mata kepada jumlah anggota masyarakat yang kelulusan tinggi, tetapi ia juga bergantung atau ditambah dengan pengalaman hidup.

Cara berfikir atau perbezaan cara berfikir di antara orang atasan dengan orang bawahan atau masyarakat Melayu dengan masyarakat yang bukan Melayu pada umumnya mungkin seorang profesor yang tertentu dapat memberi penjelasan yang tepat. Baik atau buruk, benar atau salah penjelasan itu adalah terserah kepada masyarakat umum untuk menilai.

Apa yang dapat saya terangkan ialah tidak pula bertujuan untuk menghina atau untuk menyanjung sesiapa, cuma itulah yang pernah saya lihat dan pernah saya jumpa dari berbagai-bagai kejadian biasa. Ringkasnya, untuk meletakkan beberapa kesimpulan cara pemikiran dan sikap orang Melayu terhadap dirinya sendiri lebih kurang begini:

1. Jiwa orang Melayu terlalu baik, hanya terlalu sedikit bilangannya yang benar-benar keras kepala. Oleh kerana terlalu baik, orang lain dengan mudah saja dapat menipu atau membelit mereka.

2. Jiwa orang Melayu terlalu lembut terhadap orang yang bukan Melayu, tetapi mengeras dan garang terhadap orang Melayu itu sendiri.
3. Orang Melayu terlalu suka memakan budi orang, apabila budi sudah diterima dan tidak terbayar maka akan menyerah kalah.
4. Orang Melayu terlalu suka mengagung-agungkan orang lain tetapi menghina bangsanya sendiri.
5. Orang Melayu terlalu taat kepada orang lain tetapi khianat kepada bangsa sendiri.
6. Kalau orang Melayu menasihatinya dan orang yang bukan Melayu juga menasihatinya atas tajuk yang sama dan kandungan nasihat yang sama, maka orang Melayu akan mengikut nasihat orang yang bukan Melayu.
7. Apabila menghadapi sesuatu bencana baharulah mereka beresah hendak bersatu dengan bangsanya iaitu seia sekata tetapi apabila bencana telah hilang, mula menidakkan pertolongan dari orang-orang Melayu yang lain.
8. Suka meniru-niru dan tidak mereka-reka (invent) sendiri kerana penyakit malas berfikir.
9. Tidak berani menghadapi sesuatu masalah yang rumit dan apabila masalah itu timbul ia kehilangan akal.
10. Tidak berani meneroka sesuatu usaha yang besar kerana tidak percaya kepada diri sendiri.
11. Apabila orang lain meneroka sesuatu usaha itu berjaya, ia cuba pula melakukan usaha yang sama secara meniru-niru tanpa ilmu pengetahuan dan pengalaman.
12. Suka menyerahkan nasibnya kepada orang lain. Inilah salah satu dari beberapa punca yang menyebabkan orang Melayu ketinggalan jauh ke belakang dari bangsa-bangsa lain di dunia ini.

Di sini saya sangat bersetuju dengan salah satu dari beberapa kandungan buku yang ditulis oleh Senu Abdul Rahman. Buku yang bertajuk *Revolusi Mental*. Dalam buku itu antara lain ada mengatakan, 'Kalau orang Melayu hendak maju maka hendaklah ia bersikap kurang ajar sedikit'. Kurang ajar yang dikata Senu itu ialah bukannya perangai kurang ajar untuk memperdayakan anak isteri orang atau panjang tangan atau berkelakuan tidak senonoh atau mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak sopan sahaja tetapi berani mencipta sesuatu yang belum ada, berani menunjukkan sikap yang tegas terhadap sesuatu dan berani membela kebenaran serta berani menentang segala kemungkinan walaupun secara kurang ajar.

Saya rasa itulah tujuan Senu Abdul Rahman yang sebenarnya tetapi mungkin disalahertikan oleh anak-anak Merdeka.

Cerita Bangsa Melayu

Tiap-tiap bangsa di dunia ini mempunyai sifat kebangsaannya tersendiri yang tersembunyi di sebalik kebudayaan bangsa tersebut. Begitulah dengan bangsa Melayu. Yang dikatakan bangsa Melayu itu mengikut catatan sejarah ialah bangsa yang hidup dan tinggal di Gugusan Kepulauan Melayu iaitu dari Madagaskar hinggalah ke Filipina. Pada zaman permulaannya, orang yang menghuni mana-mana bahagian pulau tersebut bebas bergerak dan tinggal di mana sahaja di kepulauan itu. Mereka orang kawasan itu iaitu bangsa Melayu. Yang memecahbelahkan bangsa Melayu itu ialah penjajah dari Barat. Akhirnya, kita mengakui wujudnya negeri-negeri Indonesia, Malaya dan Filipina. Kita yang berkata itu orang Indonesia, itu orang Filipina, sayang! Satu bangsa yang besar bertukar menjadi bangsa yang kecil, walaupun kita mempunyai perawakan yang sama, adat yang sama dan bahasa pun seakan-akan sama.

Pada zaman Darurat dahulu, iaitu pada 1948, saya rasa suami isteri Melayu dari Pahanglah yang ramai sekali ditahan termasuk dengan anak-anak kecil mereka. Inilah identiti orang Melayu Pahang, mereka suami isteri dan orang sekampung semuanya melawan Inggeris dengan garang.

Orang Pahang yang terkenal melawan Inggeris ialah orang dari kawasan Temerloh membawa ke hulu sungai sampai ke Kuala Lipis. Ia terdiri dari Kampung Lubuk Kawah, Kampung Sanggang, Kampung Lebak dan Tanjung Batu. Pemuda-pemuda Jerantut pun ramai juga, begitu juga orang Dong, tetapi yang saya tidak jumpa ialah orang Pekan.

Di Selangor pula ialah Kampung Jenderam. Penghuninya berketurunan Minangkabau. Pada zaman Darurat, habis sekampung ditahan terdiri daripada lelaki, perempuan dan kanak-kanak tidak bersisa. Ini semuanya adalah dari gara-gara melawan British.

Ada pula cerita dari seorang kawan saya yang bernama Shaharuddin Dahlan (suku Rawa), tinggal di Gopeng, mengatakan bahawa semasa perang Dato' Bahaman di Pahang, ada seorang dari Gopeng yang berketurunan Mendahiling, bergelar Imam Perang, Inggeris menggelarnya 'Raja Kecil,' telah menipu orang suku Rawa. Penipu itu diketuai oleh seorang Rawa juga yang digelar Sultan Maghribi.

Imam Perang Jabarumum ini membawa orang-orang Rawa dari Gopeng, Batu Tiga, Temoh serta orang Rawa Tapah pergi ke Pahang untuk menentang Dato' Bahaman yang berjuang menentang Inggeris. Rombongan Imam Perang ini pula pergi berjuang menolong Inggeris.

Menurut sejarah yang tak bertulis, orang-orang Melayu di Malaya ini, masing-masing negeri ada dengan pahlawannya, orang yang garangnya, orang bengking, kebal dan tidak mahu mendengar kata. Ketika umpamanya, Portugis menakluki Melaka bukannya dapat dengan mudah tetapi ditentang hebat oleh rakyat Melaka.

Di Pahang, nama Dato' Bahaman dan juga Mat Kilau masyhur ke serata Alam Melayu. Di Perak pula masyhur dengan Dato' Sagornya. Residen British di Perak pun ada orang yang berani membunuhnya. Di Kedah, sampai sekarang pun dapat kita lihat kesan kubu yang dibina oleh pahlawan Melayu Kedah untuk menentang Siam, di Padang Sera, dekat dengan perkuburan orang Islam di situ. Di Selangor, ada tempat yang bernama Teluk Panglima Garang. Juga di Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan.

Orang-orang ini pula masing-masing dengan keturunannya. Orang Melayu tidak pernah berkata bahawa dia keturunan dari orang yang penakut. Memang benar, bangsa Melayu sekurang-kurangnya bangsa pelayaran, pergi ke negeri orang. Mereka pergi keluar dari kampung halamannya bukanlah pergi dengan dada yang kosong, sekurang-kurangnya mata mereka tahan pahat. Begitu keagungan moyang kita dahulu kala.

Tetapi malangnya apabila sampai kepada keturunan sekarang atau di akhir-akhir ini, sifat-sifat bangsa Melayu yang mulia itu dengan spontan sahaja bertukar dan berubah. Orang Melayu moden sekarang, atau lebih tegas anak-anak Merdeka tidak lagi segarang moyang mereka dahulu. Di sini saya tidak hendak mencari punca silapnya, maka keadaan itu boleh berubah jadi begitu, barangkali pembaca sendiri dapat menjawab dengan tepat.

Apabila saya terpandang sahaja, ada di antara saudara-mara saya yang bekerja menjaga harta orang, maka dengan pantas kembali di dalam ingatan saya bahawa 40-50 tahun yang silam kebanyakan pekerja ini terdiri daripada orang Benggali atau Singh. Sekarang jawatan jaga itu sudah bertukar tangan kepada orang Melayu pula, sementara orang Singh pula sekarang ramai yang menjadi doktor, guru sekolah Inggeris, pengarah dan pegawai tadbir.

Di sini, saya harap pembaca tidak tersalah tafsir dari apa sahaja yang saya sebutkan itu, tetapi hanyalah sebagai contoh sahaja. Selain dari itu, tidak pula berniat untuk merendahkan taraf orang Melayu dan iri hati kepada orang yang bukan Melayu, tetapi sekali lagi hanya

untuk mengajak bangsaku mencari bersama-sama di mana silap atau punca yang boleh menjadi begitu dan itu pun kalau orang Melayu sependapat dengan saya dan kalau orang Melayu berasa sudah puas hati dengan keadaan yang ada, maka itu terserahlah kepada orang Melayu itu sendiri.

Mungkin orang Melayu seluruhnya berpendapat bahawa pandangan saya ini salah. Itu berkemungkinan dan kalau benarlah pendapat itu, mungkin saya yang salah pandang terhadap masyarakat sekeliling, tersalah atau tersilap aja.

Kalau benar saya tersilap atau tersalah, maka saya sedia meminta maaf kepada seluruh bangsaku dan menarik balik segala pandangan yang dianggap salah itu.

Perkauman

Ada juga terdengar suara-suara sumbang dari anak-anak Merdeka sekarang mengatakan, bahawa perjuangan PKMM dahulu berdasarkan perkauman. Sebenarnya, perjuangan PKMM ialah berjuang untuk mendapatkan Kemerdekaan dari penjajah Inggeris, bukannya berjuang setelah Merdeka, ertinya setelah Inggeris atau penjajah sudah tidak ada baharulah kita berjuang.

Semasa mula berjuang dahulu, orang tidak menceritakan tentang bentuk apakah Kemerdekaan yang hendak diperjuangkan. Cuma apa yang ada ialah berjuang dahulu untuk mendapatkan Kemerdekaan. Apabila sudah Merdeka baharulah kita gariskan corak Kemerdekaan negara yang hendak kita bentuk. Kalau kita hendak menubuhkan sebuah negara sistem kapitalis, maka hendaklah berguru ke Amerika. Kalau bentuk negara sosialis pula, maka hendaklah kita belajar dari Rusia. Dan kalau negara Islam pula hendaklah kita ikut al-Quran dan Hadis. Hadis ada menerangkan: "Bahawa agama manusia itu adalah terletak kepada pemimpinnya."

Di sini, nyatalah kalau pemimpin negara itu membawa rakyatnya menuju ke arah masyarakat kapitalis, maka jadilah masyarakat itu atau rakyatnya berjiwa kapitalis. Dan kalau pemimpin negara itu membawa rakyatnya ke arah masyarakat sosialis, tentulah rakyatnya akan menganut fahaman sosialis dan begitu pulalah kalau pemimpin negara itu membawa rakyatnya ke arah Islam, maka tentulah rakyatnya akan berjiwa Islam dan taat kepada perintah Allah SWT dan sunnah Rasul.

Sebenarnya, mencorakkan bentuk pemerintahan negara bererti menggariskan ke arah mana negara itu hendak dibentuk dan ke mana

pula rakyatnya hendak dibawa. Berjuang untuk mengisi Kemerdekaan tidaklah sesusah berjuang untuk mendapatkan Kemerdekaan. Di mana-mana negeri di dalam dunia ini pun yang selalu timbul salah faham pemimpin satu puak dengan puak pemimpin yang lain dan rakyat biasa yang menjadi mangsa perselisihan itu.

Contoh yang paling mudah ialah negeri China. Sejak dari zaman maharaja dahulu kala hinggalah kepada pemerintah Presiden Generalissimo Chiang Kai Shek lantas kepada kerajaan Mao Tze Dong, perselisihan faham di negeri China itu tidak pernah habis-habis. Ini disebabkan oleh cara pemikiran pemimpin yang sangat berbeza-beza antara satu sama lain, atau pemimpin parti yang tidak memerintah dengan parti pemerintah yang ada.

Apabila sesebuah parti politik itu berpendapat bahawa berjudi itu tidak salah sedangkan parti politik yang lain pula mengatakan salah, maka timbullah perselisihan pendapat.

Kalau kita berbicara perkara yang berhubung dengan politik tentulah kita akan memperkatakan tentang fahaman parti politik yang memerintah. Biasanya parti pemerintah itu menggunakan fahaman yang sesuai dengan dasar kerajaan yang menjalankan pentadbiran negara mengikut parti yang memerintah. Begitu pun tak kurang juga parti pemerintah itu menggunakan satu fahaman di antara beberapa fahaman yang dicipta oleh manusia tetapi fahaman itu pun tinggal pada fahamannya dan kerajaan itu tetap menjalankan pentadbiran negaranya mengikut nafsu beberapa orang para menteri sahaja.

Ada juga sesebuah kerajaan yang langsung tidak menggunakan apa-apa fahaman, ia memerintah hanya mengikut keadaan yang berlaku dan ia boleh mengubah dasar kerajaannya dalam masa 24 jam sahaja.

Itulah rupanya kerajaan yang ada di dunia ini dan pilihlah mana satu bentuk pemerintahan yang kita rasa sesuai.

Penutup



Setelah pembaca membaca akan buku kecil ini, mungkin ada di antara pembaca mengambil kesimpulan yang berbeza atau berbelah bahagi. Tentunya ada yang mengatakan tidak ada apa-apa keistimewaannya. Saya tulis buku ini bukanlah mengikut emosi, marah, kecewa, menyesal atau kesal kerana tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat dan seterusnya dalam negara Malaysia yang Merdeka ini.

Tetapi kerana permintaan yang bertalu-talu dari anak-anak Merdeka. Itu sahaja dan tidak lebih dari itu. Juga saya tulis dari apa yang benar-benar saya rasa, lihat dan dengar apa yang berlaku pada masa itu dan bukannya cerita dari mulut ke mulut atau laksana cerita seribu satu malam.

Catatan yang ditulis ini sekadar yang dapat diingati sahaja akan semua hal yang telah berlaku selama lebih dari 50 tahun yang lalu. Bukanlah satu kerja yang mudah untuk menulis kembali akan perkara yang benar-benar berlaku dan tidak boleh dilupakan, kerana tiada buku catatan untuk dirujuk. Hanya berdasarkan ingatan semata-mata.

Saya terpaksa mengingati akan semua mereka yang terlibat dalam semua peristiwa dan kegiatan PKMM pada masa itu. Di antara mereka pula kebanyakannya telah dahulu menemui Allah SWT, seperti Shamsuddin Salleh, Cikgu Hamid Abdul, Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Daud Samad, Ibrahim Karim, Osman Bulon, Shariff Salleh, Mat Rahim, Mat Indera, Arshad Ashari, Cikgu Hamid Mahmood, Cikgu Sabron, Rashid Ali, Jamil Sulaiman, Cikgu Harun Aminurrashid, Yaacob Muhammad, dan ramai lagi yang telah pergi dahulu. Ramai lagi nama mereka yang tidak dapat saya tulis di sini. Kerana perkara atau kejadian yang saya ceritakan ini berlaku sekitar tahun 1945-48, ertinya lebih setengah abad yang lalu, sedangkan perkara yang berlaku semalam pun jarang kita ingati. Tetapi oleh kerana kejadian yang terlalu luar biasa kepada saya, maka peristiwa-peristiwa tersebut tidak dapat dilupakan, walaupun saya cuba melupakannya.

Berjuang menentang Inggeris tidak semudah apa yang disangka orang, kerana kalau kita terlalu cergas menentang penjajah, maka cepatlah kita menuju ke penjara. Bukannya seperti sekarang ini kalau kita benar-benar cergas dan berani maka cepatlah kita sampai ke tangga parlimen dan duduk di kerusi empuk tidak kira dari parti apa pun.

Pada masa itu, iaitu saat awal perjuangan PKMM dilancarkan kita terpaksa menghadapi seribu satu halangan. Ini adalah kerana masyarakat Melayu di Malaya masih belum kenal akan erti perjuangan menentang penjajah. Masyarakat Melayu menganggap penjajah itu pembela anak jajahannya sedangkan yang sebenarnya ialah penghisap darah hingga ke tulang-tulang sum-sum, hidup tidak, mati pun tidak. Kita beritahu rakyat pada masa itu terutamanya orang Melayu, bahawa orang putih itu penjajah. Tetapi rakyat yang beku otaknya menjawab, "Nasib baik British datang semula untuk memerintah negeri kita, kalau tidak tentulah kita akan menjadi bertambah huru-hara."

Dengan perkataan ini sahaja pun sudah cukup untuk rakyat Melayu umpamanya menuduh PKMM itu penderhaka kepada raja dan kepada kerajaan British. "PKMM mahu menderhaka bukannya mahu Merdeka," kata mereka. Inilah rupa jawapan yang diterima dari orang Melayu umumnya, lantas mereka menuduh Komunis dengan berbagai-bagai tuduhan dan mereka akan menyokong kerajaan British.

Waktu itu, siapa sahaja yang bercakap menentang kerajaan British akan diberi gelaran Komunis. Siapa yang kurus badannya digelar seperti badan Komunis, siapa yang tidak bercukur mukanya dan panjang sedikit rambutnya digelar macam Komunis juga sebab anggapan mereka terhadap orang Komunis itu tidak menarik atau buruk rupanya.

Ertinya, Komunis itu buruk rupanya, kurus kering orangnya, tak cukup makan, mukanya comot kerana tidak berdandan. Itulah rupanya orang-orang Komunis pada anggapan orang Melayu. Kalau seorang anak muda itu segar, berpakaian lengkap, orang kampung akan menegurnya dengan berkata, "Amboi bergayanya, macam orang putih."

Begitulah orang Melayu menilai dan membezakan di antara Komunis dengan orang penjajah. Puncanya orang Melayu berfikiran begitu kerana semasa Bintang Tiga memerintah Malaya selama 14 hari dahulu iaitu menggantikan pemerintahan Jepun dan sebelum kedatangan tentera British, orang Bintang Tiga inilah yang menjadi polis dan menjaga balai polis. Pada masa itu banyak orang Melayu yang dianiaya oleh Bintang Tiga dan ramai pula yang mati. Orang-

orang ini ditangkap kebanyakannya kerana perasaan dendam yang mungkin puncanya kerana soal peribadi sahaja. Mereka kemudian ditangkap oleh orang Melayu yang menjadi anggota Bintang Tiga.

Puak waris yang teraniaya menuntut bela apabila ada kesempatan. Di negeri China pula pada masa itu berlaku peperangan sesama sendiri sehingga Chiang Kai Shek lari ke pulau Taiwan. Chiang Kai Shek ialah nasionalis China, sementara Mao Tze Dong pemimpin puak Komunis.

Apabila Jepun menyerang negeri China, Chiang Kai Shek dan Mao Tze Dong bersatu menentang Jepun. Setelah Jepun undur mereka berpecah dan berperang, akhirnya Mao Tze Dong menang, dapat memerintah tanah besar China dan Chiang Kai Shek lari ke pulau Taiwan dan memerintah pulau itu.

Apabila British kembali semula ke Malaya, orang Kuomintang (Nasionalis) menyokong British. Pada 1952, kalau tidak silap, Cina di Malaya menubuhkan persatuan Malayan Chinese Association (MCA) dengan tujuan asalnya hanya untuk persatuan kebajikan sahaja di samping untuk mengelolakan penjualan tiket loteri untuk kebajikan yang diberi nama Social Welfare Lottery atau tiket Loteri Kebajikan Masyarakat. Loteri ini berjalan beberapa lama kemudian baharulah MCA ditubuhkan sebagai sebuah parti politik. MCA daripada badan kebajikan bertukar menjadi parti politik pula.

Sementara orang Komunis terus menghilangkan diri masuk ke hutan rimba atau bersembunyi di bandar-bandar di seluruh tanah air. Dalam keadaan negara yang tidak tenteram pada masa itu, Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden UMNO dan rombongannya pergi ke London merundingkan Kemerdekaan tanah air dengan Setiausaha Tanah Jajahan British dahulu. Ada pula satu rombongan orang Cina yang lain dari Ipoh ini pergi ke London selepas Tunku Abdul Rahman pulang. Rombongan ini diketuai oleh Lau Pak Kuan. Tujuan mereka ialah untuk menentang Kemerdekaan Malaya.

Berita mengenai Kemerdekaan tanah air dan penentangan terhadap Kemerdekaan itu menjadi berita panas dan berita besar kepada setiap surat khabar yang ada di Malaya pada masa itu. Lama juga berita itu baharu padam dari surat-surat khabar dan dari bibir orang Melayu.

Tiba-tiba setelah Malaya Merdeka, ada pula berita dalam surat khabar tempatan mengatakan Lau Pak Kuan mendapat bintang dan bergelar Dato' pula. Saya kemudian pernah berjumpa dan berbual-bual dengan Dato' Lau Pak Kuan di pejabat Malayan Chinese Association, Hale Street, Ipoh pada tahun 60-an dahulu. Beliau ialah ketua kaum Cina pada masa hidupnya.

Begitulah keadaan politik Malaya yang berbelit-belit pada peringkat awalnya. Ramai orang tidak mengambil endah dan mungkin sengaja tidak menghiraukan akan kejadian yang telah berlaku untuk dijadikan iktibar. Itu hanyalah satu daripada beberapa kejadian yang aneh yang telah berlaku di tanah air ini pada masa silam.

Sebenarnya saya telah menceburkan diri dalam arena politik tanah air sejak 1944 iaitu pada peringkat yang paling awal PKMM ditubuhkan di Simpang Ampat, Kampar, Perak. Saya bersama dua orang kawan lagi iaitu Abang Said dan Dahalan. Kedua-dua mereka telah dahulu menemui Allah SWT. Kami bertiga menyertai kumpulan menentang Jepun.

Ditakdirkan Allah SWT, pada hari penghabisan sebelum Hiroshima dan Nagasaki dibom, kami yang terdiri daripada pemuda-pemuda di kampung itu dikerah oleh *kaiboho* (inspektor) Hamzah Mansor untuk pergi bersama mereka menghala ke tanah wakaf Simpang Ampat.

Saya dan ada sepuluh orang lagi dikerah menggali empat buah kubur. Kubur-kubur ini digali ialah untuk menanam mayat empat orang *junsa* yang telah menyerah kalah semasa Balai Polis Siputih, jalan ke Parit, diserang oleh pengganas.

Anak muda yang berempat ini terdiri dari budak-budak Bagan Datoh yang segar dan tampan belaka. Sebelum dibawa ke kubur, budak-budak muda ini dimandikan dahulu di Masjid Simpang Ampat. Saya yang sama menggali kubur mereka melihat dari atas mereka sambil bertinggung memandangi ke dalam kubur. Saya lihat tangan mereka digari. Saya nampak dan mendengar salah seorang dari budak itu berkata kepada Hamzah, "Datuk tak patut membuat kami begini!" "Diam! Ini pistol akan membunuh kamu nanti," jawab Hamzah dengan muka yang bengis.

Setelah kubur itu digali semuanya, baharulah dibawa ke tempat yang agak lapang sedikit dan di situ dibentang tikar di atas tanah kemudian disuruh mereka baring menelungkup. Masa itu Hamzah memerintahkan dengan suara yang paling kuat seperti menjerit kepada mata-mata yang sedang menghalakan senapang kepada kepala mereka berempat. "Tembak!" kata Hamzah. Bang! Satu bunyi sahaja senapang itu ditembak empat das dari jarak lima kaki. Salah seorang dari budak yang berempat itu mengangkat kepalanya dan berkata, "Tolong jangan tembak saya lagi, saya mungkin boleh hidup dan tolong bagi tahu Haji Anuar Temoh Station," katanya. "Baiklah," kata Hamzah. "Baringlah!" tambahnyalah lagi. Setelah itu Hamzah memerintahkan supaya menembaknya sekali lagi di kepalanya kepada mata-mata Benggali. Mata-mata itu pun menembaknya sekali lagi. Maka

selamatlah budak-budak yang berempat itu. Mata-mata Benggali itu digelar 'Datuk sebelas' kerana jarinya lebih satu.

Pada keesokan harinya mereka bercadang hendak menembak kami bertiga pula. Rahsia ini saya dapati dari seorang mata-mata yang tinggal di Simpang Ampat itu. Beliau memberitahu kami akan mata-mata yang memberitahu Inspektor Hamzah dan Inspektor Mansor. Ditakdirkan Allah SWT, pada petang itu, berita dari Tokyo menerusi radio mengatakan Hiroshima dan Nagasaki telah dibom dengan bom atom oleh Amerika. Apabila Jepun kalah, maka tentera Jepun yang ada di sini pun tidak lagi bertindak dan yang patut dibebaskan dari tahanan pun dibebaskan begitu sahaja. Masa itulah kelihatan orang yang paling garang, bengis, cergas dan ganas, semuanya menjadi tidak bermaya lagi. Sama seperti tentera British pada akhir 1941 dahulu, segak dan berlagak, tetapi apabila Jepun datang menyerangnyanya menikus dan menyerah diri kepada Jepun.

Akhirnya Inspektor Hamzah dan Inspektor Mansor tadi, apabila British mula-mula untuk berkuasa, orang ramai menghantar surat dan melaporkan akan kekejaman mereka. Oleh kerana terlalu banyak surat pengaduan yang dikirimkan, maka kedua-dua mereka dibicarakan dan Hamzah didapati bersalah, Mansor pun didapati bersalah juga. Hamzah dihukum gantung di Penjara Taiping dan Mansor dihukum penjara sampai mati. Mungkin kedua-dua mereka telah bertemu dengan orang-orang yang mereka bunuh iaitu *jansa* budak-budak Melayu yang empat orang itu. Apabila PKMM ditubuhkan pada September 1945, saya terus menjadi ahli dan ahli jawatankuasa cawangan Simpang Ampat.

Pada akhir 1945, saya berpindah ke Johor. Di Johor saya dipilih menjadi Naib Yang Dipertua PKMM. Serentak dengan itu saya dipilih pula menjadi Pengerusi JSFTU. Saya jadi sibuk dengan setiap hari ada sahaja tugas penting, kalau tidak tugas PKMM, maka tugas buruh pula menanti, sehinggalah diisytiharkan Undang-undang Darurat 1948, baharulah berehat panjang, kerana ditahan. Setelah ditahan, baharulah lega, diumpamakan mengambil cuti panjang.

Apabila bebas dari tahanan pada 1954, saya terpaksa memulakan penghidupan baru setapak demi setapak. Pada masa itu orang kampung memandang serong belaka. Kawan-kawan yang kenal semuanya takut dekat kerana takut ditangkap pula. Hantu-hantu Inggeris terlalu ramai dan sentiasa mengekori dari jauh dan melaporkan kepada Inggeris segala tindakan yang dilakukan. Akibatnya ramai kawan-kawan sekampung atau kenalan lama cuba menjauhkan diri. Apabila berjumpa, kalau kita tidak tegur dahulu, mereka cuba berpura-pura tidak kenal

dan kalau disapa baharulah mereka mengatakan terlupa kerana sudah lama tidak berjumpa.

Pada mulanya saya berasa seperti kehilangan akal juga, kerana pergaulan benar-benar terasa terhad. Oleh itu, saya berasa ruang bagi saya untuk tinggal di Malaya sudah tidak ada. Saya berasa terpercil dari masyarakat, seolah-olah saya dipulau terus oleh masyarakat. Kadang-kadang terlintas di hati mengatakan, aku ditahan ialah kerana mengajak bangsaku berjuang untuk menuntut Kemerdekaan dari penjajah Inggeris. Sejak memulakan perjuangan hingga aku dibebaskan, sikap orang Melayu, bangsaku tidak juga berubah selama sepuluh tahun. Mereka lebih berminat menjadi anak jajahan dari anak Merdeka. Oleh itu, lebih baik aku keluar negeri iaitu ke Eropah atau ke Amerika, memohon menjadi rakyat berbangsa penjajah. Daripada menjadi bangsa yang terjajah lebih baik menjadi bangsa yang menjajah. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana terselamat daripada mengikut perasaan yang terlalu bencikan penjajah.

Pada suatu hari saya pergi ke Singapura kerana mencari Karim Zafir, setiausaha Seaman Union, Singapura. Saya bercadang hendak meminta beliau menolong saya mendapatkan pasport untuk keluar negeri dan menentukan kapal yang sesuai untuk belayar ke Amerika. Tetapi malangnya, Karim Zafir tidak dijumpai walaupun saya kenal beliau.

Di dalam bas semasa hendak pulang ke Senai, tidak semena-mena terjumpa Jamil Sulaiman. Dia bertanya berbagai-bagai perkara kepada saya, panjang lebar maklumlah kerana kawan lama. Akhirnya saya beritahu akan tujuan saya datang ke Singapura. Jamil mengajak saya singgah di Bukit Panjang untuk bertemu dengan Yaacob Mohamad, yang bekerja menggunting rambut. Jamil bertanya apa yang saya boleh buat untuk menyara kehidupan. Saya kata, menggunting rambut pun boleh juga.

Apabila saya bertemu kawan, perasaan terpulau itu sudah mula beransur-ansur hilang. Saya lupakan terus cita-cita saya yang asal, iaitu mendapatkan pasport untuk keluar negeri. Selepas itu saya terus menetap di Singapura. Anak-anak muda Melayu di Bukit Panjang, Singapura semuanya kenal dan sayangkan saya, saya juga begitu. Kami kemudian tubuhkan Persatuan Sosial Melayu Singapura (PSMS). Di Bukit Panjang saya diminta menjadi setiausaha bersama dengan Jaafar Abdul Rahman. Yaacob Mohamad menjadi ketua.

Pada hari maulud Nabi saya jemput Jalil Hassan, bekas mufti Johor, Dr. Burhanuddin dan Syed Ahmad Dahlan untuk memberi syarahan agama di Community Centre, Bukit Panjang.

Sehari selepas penubuhan PSMS itu, keluar berita dalam akhbar Merdeka (suara UMNO). Jaafar Albar menghentam semahu-mahunya mengatakan *social* itu ialah "Soh Soh Sial Sial." Beribu-ribu pemuda pemudi seluruh Singapura datang dari pagi hingga ke malam untuk mendengar syarahan yang diberikan oleh tiga orang tokoh agama itu.

Tidak lama kemudiannya, iaitu pada 1957 saya pergi pula ke Kelantan dan Terengganu untuk berniaga rotan manau. Tetapi agaknya saya dilahirkan bukannya untuk berniaga rotan manau, maka perniagaan itu jahanam begitu sahaja. 'East Coast Jungle Product' nama perusahaan itu dan didaftar di Kemaman dan kilangnya di Kemaman juga. Beribu-ribu ringgit wang hilang begitu sahaja termasuk sebuah kereta. Alhamdulillah, saya beli pengalaman perniagaan dengan harga yang beribu-ribu ringgit.

Sebelum tinggal di Kelantan dan Terengganu, saya telah tinggal di Sungai Korok, Jitra, Kedah. Di sini juga saya menjalankan perniagaan tetapi gagal. Pada 1958 mula menjadi ahli Parti Rakyat. Tahun 1959 saya dipilih menjadi Setiausaha Parti Rakyat, Perak dan pada 1960 pula menjadi ketua. Begitulah halnya berganti-ganti dengan Cikgu Shariff Salleh. Kalau saya menjadi ketua, beliau menjadi Setiausaha, dan kalau saya menjadi Setiausaha beliau menjadi ketua, hinggalah Parti Rakyat Perak tenggelam begitu sahaja. Kemudian saya masuk PAS. Inilah yang saya lakukan bagi menghabiskan umur dengan menjadi ahli parti politik lepas satu, satu yang lain. Parti yang saya menjadi ahli, semuanya adalah parti pembangkang belaka.

Oleh itu, masa untuk memulakan penghidupan yang lumayan memangnya tidak ada. Itulah takdir saya agaknya. Walaupun saya tidak punya harta seinci tanah pun atau sebatang tiang rumah, tetapi saya tetap bersyukur kepada Allah Taala yang Maha Adil dan Mengetahui segala-galanya. Kadang-kadang saya berasa terhina juga lantaran saya miskin harta benda, sedangkan anak-anak Merdeka dan masyarakat sekeliling sedapat-dapatnya berjuang siang dan malam untuk melayakkan diri sebagai anak-anak Merdeka. Ada yang benar-benar telah berjaya dan ada yang sedang menuju ke arah kejayaan dan ada pula yang telah jatuh menjunam setelah berjaya. Walau bagaimanapun, saya merasa bangga dan cukup puas hati kerana itulah hasil dari perjuangan menghalau penjajah dahulu.

Apabila saya kenang-kenang kembali, saya rasa semacam bermimpi sahaja akan apa yang telah kami lakukan dahulu. Semangat tinggi, menghentam penjajah dengan tidak ada langsung menggunakan diplomasi. Kami sedar bahawa polis Melayunya ketika itu ialah anak jajahan yang juga sama seperti kami pejuang-pejuang

Kemerdekaan. Tarafnya sama dengan taraf kami juga iaitu kami anak jajahan dan mereka pun anak jajahan juga. Tetapi sekarang sangat berbeza iaitu negaranya negara Merdeka maka polisnya pun polis Merdeka juga. Taraf polis di negara Merdeka adalah bertaraf antarabangsa (International standard) berpuluh-puluh kali lebih maju dari polis anak jajahan dahulu, iaitu dari segi berfikir, dari segi aktif (kecergasan), dari segi disiplin, dari segi sopan santun dan apa saja. Tetapi sekarang sangat berbeza, iaitu negara sudah Merdeka, maka polisnya pun polis yang telah Merdeka juga.

Orang UMNO juga begitu, UMNO zaman dahulu terlalu takut kepada Inggeris, berlainan sekali halnya dengan UMNO sekarang ini. Pemimpin UMNO sekarang ramai yang pergi ke luar negeri merasa duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Apabila mereka ke luar negeri menghadiri perbincangan antarabangsa, mereka telah berani bercakap umpamanya, *I on behalf on my country and my people of Malaya (Malaysia) strongly oppose the suggestion being implemented by the USSR representative.*

Alangkah bangganya saya dan berasa sangat megah apabila orang UMNO sendiri pun telah berani dan tahu akan harga diri bercakap di atas nama bangsa Melayu yang Merdeka. Itulah kebanggaan yang tidak ternilai, bukannya wang ringgit dan harta benda. Mengapakah saya berasa sangat bangga dan megah? Jawabnya ialah kerana benih yang kami tanam 50 tahun yang lalu telah hidup subur dan berkembang.

Kami ajar rakyat mengenal demokrasi, rakyat sudah kenal demokrasi, kami ajar rakyat mengenal penjajah, rakyat sudah kenal penjajah, kami ajar rakyat erti Merdeka, rakyat sudah kenal dan sudah mengecap nikmat Merdeka. Kami ajar rakyat erti kapitalis, rakyat sudah kenal siapakah kapitalis, kami ajar rakyat erti feudalis, rakyat faham akan erti feudalis, kami ajar rakyat akan erti sosialis, rakyat sudah faham akan erti sosialis dan juga Komunis. Anak-anak Merdeka benar-benar telah faham dan dapat membezakan setiap fahaman.

Oleh itu, ternyatalah rakyat anak jajahan lebih bodoh dari rakyat anak Merdeka jika dibandingkan dengan suasana semasa. Kadang-kadang saya hendak ketawa seorang diri, apabila anak-anak Merdeka cuba menerangkan kepada saya erti kapitalis. Syabas! Kata hati saya, sekarang kamu sudah faham akan erti semua fahaman yang dicipta oleh manusia itu.

Pada tahun-tahun awal perjuangan dahulu, tiap-tiap ahli PKMM mengambil peranan dan menjalankan tugas masing-masing dengan bersungguh-sungguh. Kalau saya berperanan dalam gerakan kaum

buruh dan gerakan PKMMnya sekali, ada orang yang berjuang lebih dari itu iaitu orang seperti Yussof Pral. Beliau bekerja di Pejabat Gabenor Singapura. Pada suatu masa beliau diarahkan untuk mencuri fail Gabenor itu iaitu fail *confidential documents*. Fail tersebut ghaib tak dapat dicari dan orang yang menghaibkan fail itu pun tak dapat ditangkap. Entah siapa yang melarikannya atau menyorokkannya. Itulah kerja Yussof Pral yang bijak itu.

Osman Kalam pula, juruhebah Radio Malaya, Singapura, pada suatu masa beliau buat hal latah dengan berkata, 'Merdeka!' sebelum membaca berita mengikut cara radio Indonesia. Beliau dipanggil oleh tuan pentadbiran dan diberi amaran.

Ini hanyalah sebahagian daripada peristiwa yang dapat saya tulis dalam buku ini dan berita-berita seperti ini akan bertambah-tambah lagi apabila diingat-ingat akan kejadian yang telah berlaku.

Pada masa itu orang yang bukan Melayu seperti orang Cina dan orang India dari daerah mana pun tidak dibenarkan bergerak dalam politik kerana mereka bukannya rakyat asal negeri ini. Kalau mereka lakukan juga, mereka akan dibuang negeri dihantar balik ke negeri asal mereka.

Semasa kerajaan mengisytiharkan Undang-undang Darurat pada 1948, beribu-ribu orang Cina dan orang India termasuk orang Ceylon telah dihantar pulang ke negeri asal mereka. Setelah ditangkap sahaja maka mereka dibuang negeri pada bila-bila masa sahaja.

Ramai pemimpin yang berpatah balik (murtad) dalam perjuangan kerana tidak tahan dengan berbagai-bagai dugaan kebendaan, tak kurang juga yang menjilat air ludahnya semula apabila sampai ke satu peringkat dugaan yang paling sengit.

Umpamanya orang yang tak pernah memegang wang yang banyak tiba-tiba dihujani dengan wang ringgit, orang yang tak pernah bergaul secara bebas dalam pergaulan sosial tiba-tiba disogok dengan penuh kebebasan di tempat-tempat yang tertentu dan di masa-masa yang tertentu. Selain itu ialah orang yang biasa diseru dengan nama kamu, engkau atau hang sahaja umpamanya tiba-tiba diseru dengan penuh kehormatan seperti 'Yang Berhormat,' atau apa saja gelaran yang tertentu.

Oleh kerana dasar perjuangan PKMM ialah menuntut Kemerdekaan, dan dari Kemerdekaan itulah, nasib rakyat terutamanya yang menjadi peribumi telah terbela kalau tidak pun lebih kaya atau lebih makmur dari yang bukan peribumi.

Andai kata Kemerdekaan tercapai dan dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti mana cita-cita asalnya, maka bererti perjuangan yang ditebus dengan begitu mahal telah berjaya sepenuhnya dan kalau

gagal dari tujuan asalnya maka bererti perjuangan PKMM dahulu yang telah mencurahkan segala apa yang ada demi menebus kembali hak bangsa Melayu dari penjajah Inggeris, maka bererti tujuan perjuangan PKMM tidak sampai.

Kalau ada pula orang yang menuduh perjuangan PKMM itu sia-sia sahaja maka mungkin orang PKMM akan berkata, "Itulah otak anak jajahan yang telah diserapkan oleh penjajah." Perjuangan PKMM tidak pernah sia-sia. Bahkan mereka adalah pelopor kepada usaha menuntut Kemerdekaan. Tetapi pelopor tidak semestinya akan menikmati hasil usahanya. Mungkin mereka menjadi perintis, tetapi orang lain yang akan menikmati rintisannya itu.

Misalnya, ada sekumpulan rakyat peribumi yang meneroka tanah yang belum menjadi hak miliknya, mereka menghidup serta menyuburkan bumi yang diterokainya itu dengan hasil mahsul yang menguntungkan rakyat. Tetapi akhirnya mereka dihalau kerana mereka meneroka 'tanah haram.' Tiba-tiba datang pula sekumpulan lain yang 'bijak' mencari kesempatan. Tanah yang telah mengeluarkan hasil itu dipohon mereka. Pihak kerajaan takut andainya mereka tidak diberikan geran, maka mereka akan mengikut jejak kumpulan yang pertama tadi yang akan terus meneroka. Maka mereka diberikan hak milik dengan mudah.

Demikianlah contohnya di antara usaha-usaha PKMM dan UMNO. Yang mempelopori Kemerdekaan ialah PKMM, tetapi yang memperolehnya ialah UMNO. Ada di antara pemimpin dunia yang menyatakan bahawa Kemerdekaan bangsa Melayu adalah 'hadiah dari kerajaan Inggeris kepada UMNO,' bermaksud bahawa memang Kemerdekaan itu terpaksa juga diberikan, kerana suasana di ketika itu yang diwujudkan oleh PKMM (dengan izin Allah SWT) tidak lagi membenarkan British terus menjajah Malaya. Itulah yang dimaksudkan 'hadiah' itu.

Ke manakah hala penghujungnya PKMM tidak diketahui sama ada menghalai jalan mati ataupun tidak menentu, sedangkan saudagar atau syarikat besar Eropah pun ada juga yang terpedaya. Umpamanya estet getah yang mereka usahakan beribu ekar luasnya tahun-tahun 60-an hinggalah 70-an, mereka melelongnya dengan harga yang paling murah iaitu \$300 hingga \$400 sahaja seekar. Sekarang tanah itu juga dijual dengan harga \$50,000 seekar. Nilai wang pada masa itu, beras hanya \$1.80 sen segantang, tetapi sekarang \$4.00 belum lagi sampai 300 peratus naiknya. Gula 35 sen, sekarang \$1.20 sen sekilo belum juga sampai 30 peratus, dan begitulah seterusnya.

Tetapi tanah yang dijual dengan harga \$300 seekar itu sekarang dijual dengan harga \$50,000 seekar. Bayangkanlah berapa peratus

untungnya. Inilah satu daripada kebodohan Inggeris. Yang untung ialah orang tempatan. Ertinya saudagar-saudagar tempatan. Dahulunya terpampang nama estet itu dipunyai oleh orang Inggeris tetapi sekarang bertukar tuan. Malangnya, saya belum nampak lagi nama tuan Melayu perseorangan yang membelinya. Mungkin saya tidak mengetahui, atau harta itu orang Melayu yang punya keseluruhannya tetapi namanya sahaja orang bukan Melayu. Hari ini kalaulah ada oportunis di dalam negeri ini berpakat dengan kuasa luar untuk menjajah negeri ini, saya fikir tentulah pemuda UMNO yang pertama sekali ke hadapan menentanginya. Alasannya ialah kerana pemuda UMNOlah yang benar-benar menikmati isi Kemerdekaan ini sepenuhnya. Ini adalah imbasan saya sahaja. Ini cerita kalau ..., tetapi sayangnya anak-anak Merdeka ini lebih kenal artis dan lebih mirip jiwanya kepada artis jika dibandingkan dengan mufti, guru agama dan imam-imam masjid. Sedangkan mereka ini akan mempusakai negeri ini apabila keturunan yang tua sudah tidak ada lagi.

Pada suatu masa dahulu, saya terbaca laporan dari mingguan *Week Ender*, iaitu terbitan 17 Disember 1954. Dalam laporan tersebut berbunyi: "In Cairo, there are 2,090,654 people in the city. More cafe and bars 14,950, then any other city of its size in the world. 8,270 ladies hairdresses, 4,756 restaurants and 500 night clubs."

Untuk mengambil teladan yang baik, maka ini sudah cukup baik tempat kita belajar. Itu baharu pada 1954, bagaimana pula halnya dengan sekarang? Apabila dididik rakyat sesebuah negara dengan semangat bersukaria dan berfoya-foya sahaja tanpa memikirkan akibatnya, maka itulah contohnya seperti yang telah dan sedang berlaku di Cairo atau kota Kaherah itu. Maka jadilah apa yang dirancangan oleh pemimpinnya, sehingga sekarang rakyat Palestin dilanyak seperti membunuh anak ayam sahaja oleh orang Yahudi, tidak ada pemuda Mesir yang berasa bertanggungjawab untuk menuntut bela atas nama bangsa Arab.

Walaupun negara Mesir itu mempunyai bahan sejarah yang megah dan agung seperti piramid, dan sejarah Firaunnya ditambah Universiti al-Azhar, universiti yang tertua di dunia tetapi di akhirnya telah bertukar warna iaitu daripada putih menjadi kelabu. Pertukaran dari negara ilmu kepada negara artis. Sayang! Bangsa Mesir yang beragama Islam itu dan ditambah pula dengan negara yang bersejarah kepada umat Islam khususnya dan kepada seluruh dunia amnya dengan sekelop mata sahaja rakyatnya bertukar fikiran iaitu memilih jalan hidup secara mudah sahaja tanpa memikirkan nilai sejarah yang teragung.

Beirut, Lebanon ialah sebuah negara romantik. Indah pemandangan di sana sini dihias dengan taman-taman yang memikat hati, ditambah pula dengan rakyatnya rata-rata pandai menyanyi belaka dengan suara yang sungguh menawan. Mungkin Allah SWT kurniakan mereka dengan suara yang begitu. Akibatnya, negara kecil yang begitu menarik dan menawan telah menjadi medan perang. Perang di antara Arab menentang Yahudi, di antara Arab Islam menentang Arab Kristian dan ditambah pula oleh Syria yang sentiasa 'mengacau'.

Insya-Allah negara kita ini tidak akan mengikut jejak langkah negara Lebanon kalau benar anak-anak Merdeka sayang dan cintakan negeri ini, kerana apabila seseorang itu telah terpicat dengan masyarakat artis, maka ia tidak akan menghiraukan lagi hal negaranya. Satu penyakit yang maha besar dan tanggungjawab yang paling berat kepada kita rakyat Malaysia ialah untuk mengubah fikiran manusia generasi baru.

Muzik dan sukan telah menjadi darah daging mereka. Kedua-dua perkara ini telah banyak menghabiskan masa generasi ini. Untuk mengubah ini pun bukanlah boleh dengan diberi ceramah begitu sahaja. Tetapi perubahan mesti dilakukan, jika tidak generasi yang terlampau meminati muzik dan sukan, tidak lagi peka kepada perkara-perkara yang lebih asas dan penting mengenai agama dan negara dan akhirnya mereka akan menjadi bangsa yang lemah yang boleh dipijak-lanyak.

Pada akhirnya, kalau adalah anak-anak UMNO pada tahun-tahun 1946-48 dahulu terbaca akan buku ini janganlah berasa kecil hati atau marah-marah kepada saya kerana saya pun tidak marah dan tidak berkecil hati kepada UMNO pada peringkat awalnya, walaupun saya telah ditahan oleh British selama tujuh tahun. Penahanan tersebut adalah dengan campur tangan Dato' Onn, kalaupun tidak secara langsung oleh UMNO.

Cubalah bayangkan kalau umur saya 70 tahun maka bererti sepuluh peratus dari umur saya habis di dalam tahanan sahaja, sebabnya ialah hendak Merdeka, berjuang untuk Kemerdekaan dari kerajaan British, bukannya meminta Merdeka tetapi menuntut Merdeka terhadap negara kita ini. Yang dahulu itu biarlah ia berlalu, mungkin itu sudah takdir Allah SWT dan yang akan datang ini samasamalah kita berjaga-jaga agar kita terlepas dari tempelak anak cucu dan keturunan kita akan datang.

Sejarah sentiasa mengikut kita dari belakang. Itulah manusia dan alamnya. Ramainya manusia menari di hadapan orang buta. Ramai manusia memberi penilaian kepada ahli pejuang. Tetapi mereka sendiri bukannya ahli perjuangan. Ramai manusia alim sejarah, tetapi

mereka sendiri tidak mengukir sejarah. Adakah sama orang yang melihat akan orang yang karam di dalam ombak yang beralun temalun dari pantai landai dengan orang yang karam bersama-sama ombak di tengah-tengah lautan samudera?

Allah SWT yang Maha Mengetahui. Dari Allah SWT aku datang dan kepada Allah SWT aku kembali. Ya Allah!! Ampunilah dosaku dan dosa dua ibu bapakku. Ya Allah! Ampunilah dosa rakan-rakan seperjuanganku yang dahulu menemui-Mu dan segala orang muslimin laki-laki dan perempuan. Dan selawat dan salam ke atas penghulu besar kita Nabi Muhammad saw dan semua keluarganya dan semua para sahabatnya.

Bahagian II

Ke Manakah Akhirnya Perjuangan 1948-88?

Awal Mula

Ini bukanlah skrip sandiwara radio atau TV, bukan juga cerita pendek atau rekaan dogma, tetapi ramai anak-anak Merdeka minta supaya kutulis cerita orang Melayu di tahanan pada tahun-tahun 40-an yang berjuang menuntut Kemerdekaan menerusi PKMM yang berakhir ke khemah-khemah tahanan di seluruh Malaya. Aku hairan, anak-anak Merdeka juga hairan kerana cerita bangsa Melayu yang sehebat itu berjuang menentang penjajah tidak bertulis dalam buku sejarah sekolah rendah hingga ke universiti. Ini sejarah bangsa Melayu tulen, darah Melayu tulen yang tidak pernah berlaku berabad-abad sebelum British, dalam pemerintahan British, Jepun dan sampai sekarang.

Kem tahanan Melaka dari blok A-K, tiap-tiap satu blok mengandungi 250 orang. Kem Ipoh dari Blok 1-12 isinya begitu juga. Kem Johor Bharu dari blok 1-8 juga begitu isinya. Pulau Jerjak, Penang, Pulau Sekijang, Singapura beribu-ribu tahanan ditempatkan di situ. Lain pula yang di dalam sel (dalam jel). Ini kutulis hanya sambil lewa sahaja.

1. 1900-1901. No. 1000

1901-1902.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Ini adalah corat-coret sahaja
kucakar-cakar sambil duduk
untuk memenuhi masa terbuang
di atas kertas lebih-lebihan yang tidak berguna.

Ini bukannya cerita pendek
bukannya pula suatu berita ringkas
atau cerita didengar dari para pendeta
mahupun dari buku-buku cerita.

Tetapi ini adalah peristiwa
peristiwa gelap kepada kami
Kami sekalian ahli Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
yang ditubuhkan di akhir 1945
khas bangsa Melayu sahaja
Peristiwa perjuangan untuk membebaskan negara
berjuang untuk menuntut Kemerdekaan.

Kutulis peristiwa ini sahaja berbentuk begitu
sajak bukan syair pun bukan
pantun tidak seloka pun tidak
apalagi gurindam jauh sekali
Hanya kutulis cara mendadak
tujuannya supaya senang faham
orang dewasa juga budak-budak.

Anak-anak Merdeka ramai yang bertanya
apa manusia tahun 40-an buat
untuk bangsa, agama dan tanah air?
Inilah jawapan kepada anak-anak Merdeka
itu pun bukannya semua bangsa Melayu
Setengah pun tidak
sesuku juga tak sampai
kuagak lima enam peratus saja
daripada penduduk Melayu Malaya

yang bercakap 'Merdeka' di belakang atau di hadapan mahu Merdeka sekarang juga.

Yang berani mengatakan Inggeris itu penjajah
Inggeris penghisap darah
Inggeris pembelot ekonomi negara
dan menyamun kekayaan negara.

Kata berdepan-depan
bukan kata sindir, bukan kata kias
bukan kata diplomat
tetapi tunjuk muka Inggeris 'Kami mahu Merdeka'.

Yang lain?
baki 94 peratus hingga 95 peratus itu
seperti tikus dengan kucing
memandang muka orang putih seperti memandang harimau
takut, takut terlalu takut.

Lantas menyebelah Inggeris
hidup mati bersama Inggeris
Inggeris suruh tekan Melayu
merekakan Melayu
Inggeris kata PKMM jahat
merekakan jahat
Inggeris kata PKMM Komunis
merekakan Komunis
Inggeris suruh tangkap PKMM
merekakan tangkap PKMM.

Tulisan ini adalah yang paling ringkas
bukan sepenuh cerita perjuangan dan tahanan
tetapi sahlah bukan cerita dongeng.

Selama tujuh tahun aku di dalam tahanan
dari penjara ke penjara dari tahanan ke tahanan
Kurasa, kulihat, kudengar dan aku jumpa,
inilah dia
semuanya kurasa seperti mimpi semalam.

Tapak stadium Ipoh, Perak
tempat anak-anak Merdeka bersuka ria

di situlah juga kami ditahan dahulu
 tempat orang-orang tahanan dikurung
 tempat orang-orang tahanan menderita
 di situlah tempat aku makan rebus kangkung
 rebus saja-saja tanpa garam tanpa bumbu
 selama tiga hari tiga malam tanpa nasi tanpa roti
 untuk penyambung nyawa kalau bisa
 dan ... tempat orang tahanan menitikiskan air mata.

British menjajah kekayaan negara
 British menjajah kebudayaan bangsa
 British menjajah kesenian bangsa
 British menjajah pemikiran bangsa
 Yang paling sakitnya British menjajah agama Islam
 di samping mengembangkan agama Kristian.

Betul!

Bukan itu sahaja, tetapi bahasa kita juga dijajah
 bahasa Melayu campur-campur bahasa Inggeris
 makin lama makin banyak bahasa Inggeris.

Jepun memerintah tiga tahun lapan bulan dua hari
 dia suka main kasar
 di mana salah di situ dibunuh
 rakyat cepat benci
 penjajah tetap penjajah.

Tetapi British menghisap darah
 lambat mati tetapi lama menderita
 dia pandai main diplomasi
 orang bodoh tidak terasa.

Anak-anak Merdeka yang lahir di tahun 40-an
 tak pernah nampak atau lihat bagaimanakah
 pegawai Inggeris menjadi pentadbir negeri ini
 Mereka tidak tahu bagaimanakah gagahnya
 Pegawai Inggeris yang menjadi DO
 Pegawai Inggeris yang menjadi OCPD
 Pegawai Inggeris yang menjadi *engineer*
 dan ... dan bermacam-macam pegawai lagi.

Apabila tuan DO masuk pejabat semua pegawai Melayu dari ADO, CLR, CCSO dan pegawai rendah senyap sepi seperti tikus jatuh ke beras.

Takut, pucat, menggigil, apabila tuan putih nampak marah takut salah, takut silap, takut lambat
Takut! takut! takut!!!
Kalau silap sesen boleh masuk jel
kalau kerja tak beres boleh dibuang kerja.

Apabila dibuang kerja nama menjadi busuk
Semua jabatan menutup pintu kalau minta kerja sebab nama sudah dicatat oleh kerajaan
Akhirnya balik kampung menoreh getah.

Orang kerajaan memandang rendah masyarakat memandang hina
Kakitangan yang baik ialah:
Mereka yang cukup berdisiplin
disiplin muka, rambut dan pakaian
jangan cakap banyak, tunjuk lagak
sergah rakyat, tengking sahaja kalau tak faham
selalu tunjuk muka masam apabila jumpa rakyat
jangan beri peluang.

Itulah didikan Inggeris
didikan terhadap anak jajahannya
Kadang-kadang pegawai anak jajahan lebih *action*
lebih *action* dari pegawai Inggeris itu sendiri.

Pegawai Inggeris tersenyum sendiri di dalam hati
Aku telah berjaya menundukkan anak jajahanku
Dasar menerap 'divide and rule policy'
'Pecah belah kemudian perintah'
itulah isi dalam bahasa Melayunya.

Inilah senjata hikmat kepada tiap-tiap pegawai tinggi
Juga kepada tiap-tiap *employers*
"United we stand" tidak ada dalam kamus *employers*.

Pada masa itu semua orang Inggeris digelar tuan isteri-isteri mereka pula dipanggil mem apa saja kerjanya dipanggil tuan belaka.

Anak-anak jajahan terutama Melayu lebih mirip terhadap cara Inggeris terutama orang-orang yang bekerja dengan Inggeris lagak cakupnya, jalannya, duduknya, makannya dan berbagai-bagai lagak lagi.

Begitu juga dengan pakaian seragamnya kalau seorang doktor dikenal dengan jubah putihnya Kalau seorang *engineer* dikenal dengan seluar pendek putih, baju kemeja pendek putih dan stoking panjang putihnya selitkan pensil di situ Kalau seorang peguam (*lawyer*) dikenal dengan seragam hitam dan jubah hitamnya.

Hebat, cantik, tampan dan menarik.
Yang paling menarik ialah supir (*driver*)
Berpakaian baju (*coat*) putih berbutang lima
tutup sampai ke leher, pakai songkok
Masa memandu tidak boleh merokok
Apabila tuan putih hendak masuk bukakan pintu
apabila tuan putih hendak turun lagi buka pintu.

Tuan putih memanggil, "Sais!"
Supir menyahut, "Saya tuan!!!"
Sambil berlari mendapatkan tuan.

Zaman Wang Pokok Pisang

Apabila General Percival menyerah kalah
apabila General Tomoyuki Yamashita mula bertapak
orang Melayu mula melompat, tak tentu hala
melompat seronok
Jepun orang baik, Jepun orang kuat.

Kita tidak lagi berkiblat ke London
tetapi kita berkiblat ke Tokyo pula
barang-barang murah, cantik dan menawan.

Anak-anak muda mula belajar Nippon Go
"Ohayo Goza imas, Kon nichiya, Konbanwa"
"Anatano onamaiwa nandeska?"
"Kore wa nandeska? Sayo nara."

Belajar lagu nyanyi "Kimigayo - wa"
Nyanyi mengadap matahari terbit tiap-tiap pagi
Minta kerja junsu (polis), kimpeitai (CID).

Ada yang senapang panjang lagi dari orangnya
pakai boshi (topi kain)
cukup seronok, cukup berkuasa
Jepun suruh tampar sekali dia tampar dua kali
ampu Jepun, lebih garang dari Jepun.

Jepun suruh sepak, mereka pijak-pijak
Jepun bagi orang minum air sabun
mereka beri sampai buncit kemudian pijak perut
Jepun suruh tumbuk, mereka ikat dan gantung
seorang tunggu di hadapan seorang nanti di belakang
orang depan tumbuk lepas ke belakang
orang belakang tumbuk lepas ke hadapan
berbuai pergi balik sampai pengsan
tangan terikat ke belakang
Mangsa menjerit kesakitan, mereka ketawa
seronok menzalimi manusia

127

ZAMAN WANG, PUKUK, PISANG

manusia yang tidak tentu salah lagi
kadang-kadang kerana mencuri setandan pisang
sahaja atau sakit hati.

Mula-mula orang Cina yang ramai menjadi mangsa
kemudian sampai pula giliran orang Melayu
orang Tamil tidak ramai.

Nyawa sangat murah, nyawa tidak ada harga
Jepun memang bermusuhan terhadap Cina
nampak lain sedikit sahaja
tangkap, silap jawab, atau kurang faham
kena tendang terajang
kalau ada orang sakit hati kata, "Komunis"
terus pancung
Sudah pancung pacak kepala di simpang jalan
biar orang takut, biar orang tunduk.

Ada orang dijemur sampai dua hari, tiga hari
diikat tangan ke belakang
diikat lagi pada tiang telefon
siang kepanasan malam kesejukan
ada yang mati kering begitu sahaja.

Kalau Jepun datang tengok
Jepun kata, "Bagero Na," (Bodoh)
tunjuk orang yang teraniaya
dengan muka masam dan bengis
kadang-kadang tambah, tambah dengan sepak atau tampar.

Itu kerja Jepun campur budak-budak Melayu
Budak-budak Melayu yang jahil
Jahil erti penjajahan
Jahil erti anak-anak jajahan (*Colonial Education*)
Jahil erti politik negara
Jahil erti ibu pertiwi (*mother land*)
Jahil erti didik anak jajahan
Jahil erti ekonomi negara
Jahil erti bangsa, jahil erti agama Islam
Jahil, jahil, jahil sungguh
berlagak, tunjuk kuasa, sombong itu sahaja yang tahu.

Kerja begini budak-budak Cina pun ada tetapi tidak ramai sebab Jepun kurang percaya budak Tamil ada juga Mereka bersikap seperti daun lalang ke mana yang berat ke situ mereka ampu.

Apabila Jepun menyerah kalah setelah Hirohima dan Nagasaki dibom dibom oleh kuasa Berikat semua junsu (Polis) dan heiho (tentera laut) pulang kampung, tunduk menikus.

Kita tanya junsu mengapa zalim sangat Semasa diberi Jepun kuasa? Mereka menjawab dengan mudah "Kami mencari makan" Orang kampung bertanya lagi takkanlah kerana mencari makan dengan menzalimi manusia, menyeksa manusia? Tak diterima akal, tetapi itulah yang nyata.

Ada pula orang kampung yang bodoh konon-kononnya anggota sulit menentang Jepun apabila Jepun kalah, mereka tangkap semua musuh musuh peribadi mereka, bukan musuh politik bawa ke hutan, bunuh, seksa, bakar, tikam Maka matilah mangsa itu tanpa kubur mati tanpa sebab, mati percuma mati teraniaya, dianiaya dengan sengaja oleh orang Melayu boneka yang bodoh membunuh orang Melayu tanpa sebab tertentu.

Apabila British memerintah semula British menukar taktik mereka bersikap lemah-lembut mereka bersikap peramah, senyum tak berkala mereka mengguna sepenuh psikologi untuk menawan negara, menawan anak jajahan yang paling penting ialah menawan hati anak jajahan.

Anak-anak jajahan puji lagi puji hingga tak menentu apa British buat semuanya bagus

semuanya cantik, semuanya kuat
dan akhirnya semuanya somat (*smart*).

Kalau ada bayi-bayi yang baharu lahir
berkulit putih hidung agak mancung
hebohlah sekampung memujinya
"Cantik macam anak orang putih"
Memang bangsa Melayu Malaya bersikap lemah-lembut
tetapi malangnya lembut salah tempat.

Tiap-tiap orang putih dianggap semuanya tuan
Orang Melayu tunduk berhadapan dengan Inggeris
Seolah-olah Inggeris ada kuasa ghaib.

Nyatalah taraf Melayu hanya layak menjadi
petani kecil-kecilan
untuk penyambung nyawa menjelang hari mati
hidup di kampung pedalaman.

Bersawah berkebum seekar dua
punya rumah atap nipah untuk berteduh
itu sahaja keadaan rata-rata.

Yang bekerja dengan Inggeris pula
lebih garang dari Inggeris
tengking, herdik, masam memandang rakyat jembel
begitulah didikan Inggeris kepada bonekanya.

Jadi bagaimana?
Jawabnya jangan tunggu esok lusa
Bangun sekarang!

Kami bangun beramai-ramai
kawan-kawan yang sebenar bangun
serentak kami bangun
pemuda bangun, pemudi bangun
orang dewasa juga bangun
menanam semangat
semangat mahu Merdeka.

Semangat mengembalikan kedaulatan bangsa
mengikut jejak pahlawan Melayu dahulu kala
semangat tidak bertolak ansur

sekali Merdeka tetap Merdeka
biar putih tulang jangan putih mata.

Sebenarnya bangsa Melayu bukan bangsa pengecut
bukannya bangsa hamba abdi
tetapi bangsa yang suka berperang
bangsa besar dari Madagaskar hingga ke Filipina
kemudian dipecah-pecah penjajah menjadi kecil
pecah belah kemudian perintah
Divide dan Rule Policy.

Bermulanya Detik Perjuangan

Pada akhir-akhir tahun 1945 tahun *empire* Jepun menyerah kalah detik jajahan Jepun hancur musnah detik 'ohayo goza imas' mula dilupakan diganti semula dengan 'good morning'.

Pada saat-saat itu jugalah awal mula pertama mula bangsa Melayu mengukir sejarah sejarah yang tak kunjung padam sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan menerusi sebuah pertubuhan parti politik.

PKMM nama badannya
Parti Kebangsaan Melayu Malaya nama penuhnya
Malay Nationalist Party nama Inggerisnya
ditubuhkan di Ipoh, Perak.

Para penajanya terdiri dari budak-budak nakal belaka
budak-budak yang berumur di bawah 30 tahun
budak-budak yang tidak punya apa-apa kelulusan.

Di antara budak-budak penajanya
Ahmad Boestamam dari Behrang, Tanjung Malim, Perak
Baharuddin Tahir dari Kuala Kangsar, Perak
Mokhtaruddin Lasso dari Bidor, Perak
Abdullah C.D. dari Lambor, Perak
Dahari Ali dari Sungai Raya, Kampung Kepayang, Perak
Swito dari Ayer Kuning, Kampar, Perak
Arshad Ashaari dari Bidor, Perak
Musa Ahmad dari Pengkalan Baru Gopeng, Perak
Rahman Rahim dari Tanjung Rambutan, Perak
dan ... dan ... ramai lagi.

Pada awal tahun 1946 datang Dr. Burhanuddin datang Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) sekarang doktor datang Shamsuddin Salleh, penulis dan pengarang datang Cikgu Harun Aminurrashid dan datang ... datang mencurahkan-curahan.

PKMM tertubuh di seluruh pelusuk tanah air dari Timur ke Barat dan dari Utara ke Selatan hingga ke Singapura.

Puak-puak yang mula-mula menerima ialah rakyat jembel, orang-orang kampung orang-orang buta huruf, rakyat jelata rakyat tertindas, rakyat miskin.

Orang-orang kaya jangan diharap apa lagi orang berpangkat orang-orang nenggerat jauh sekali.

Ayuh berjuang! seru pemimpin
Maju sekarang! sahut pengikut.

Pejuang terus maju
darah rakyat mengalir merah
mahu Merdeka sekarang juga
"Di atas runtuh kota Melaka
Kita bangunkan jika Merdeka," kata Dr. Burhanuddin
semasa rapat umum di Padang Kota, Melaka.

Sejuk, lapar, letih, jadi biasa
pahit getir, maung diugut sudah sebat
Ke mana saja pergi, boneka Inggeris ada menunggu
lapor demi lapor kepada tuan putih.

Akhir bantahan lancarkan mogok hartal
mogok hartal dilancarkan seluruh Malaya
Negara bak dilanggar garuda
kereta api mogok seluruh Malaya
bas mogok seluruh Malaya
kedai mogok seluruh Malaya
panggung wayang mogok, tempat hiburan tutup
semua yang bergerak berhenti belaka.

British takut dan cuba menarik balik
kemudian diganti dengan 'Federation of Malaya'
tetapi isinya dua kali lima juga.

PKMM gubal perlembagaan rakyat 'People's Constitution'
hantar ke PBB (United Nation Organisation)

Atas nama PUTERA, AMCJA

PUTERA: Pertubuhan-pertubuhan Melayu yang Menyokong
Perjuangan Kemerdekaan

AMCJA: All Malayan Council of Joint Action.

Pak Sako (Ishak Haji Muhammad) menjadi setiausaha

PUTERA - AMCJA

Dr. Burhanuddin menjadi simbol perjuangan
Tiap-tiap patah perkataannya berharga belaka
penuh bermakna berisi padat.

Doktor memang orang terbilang
seorang linguistik, beliau menguasai banyak bahasa
bahasa Ingeris, Arab semua pelat, Dutch
Jerman, French dan Urdu, tambahan pula orang sufi.

Boestamam pula panglima API

Boestamam menjadi C in Cnya

API: Angkatan Pemuda Insaf

lengkap dengan uniform putih dan songkok Chandra Bosenya
megah, tampan, gagah, cergas dan berdisiplin.

Puak *reactioner* melapor kepada tuan putih

API bukan angkatan pemuda insaf

tetapi API 'Angkatan Pembunuh Ingeris.'

Dicatat, disimpan ke dalam fail rahsia

ditulis dengan dakwat merah

'Strictly Confidential'

Dikunci dalam laci khas, laci besi.

Tetapi rakyat tidak gundah, rakyat tidak takut
di mana sahaja Boestamam berada
disambut oleh barisan pemuda API
sambil mengumandangkan lagu 'Darah Rakyat'
Boestamam memeriksa barisan.

Pemuda memekikkan lagu 'Darah Rakyat'
Lagu berentak *march*
dipimpin oleh seorang bandmasternya
para hadirin gugup dengan darah yang berkobar-kobar.

Inilah seni katanya:
Darah rakyat masih berjalan
Menderita sakit dan miskin
Padanya datang pembalasan
Rakyat yang menjadi hakim, rakyat yang menjadi hakim
Ayuh, ayuh, bergerak sekarang!
Merah putih panji-panji kita
Merah warna darah rakyat.

Serentak gerakan merebak di mana-mana
Jenderam, Selangor menjadi kubu
Temerloh, Pahang menjadi kubu
Muar, Johor menjadi kubu
Padang Rengas, Perak menjadi kubu
Balik Pulau, Pulau Pinang, menjadi kubu
Kuala Pilah, Negeri Sembilan, menjadi kubu
Kemaman, Terengganu, menjadi kubu
Sungai Korok, Jitra, Kedah menjadi kubu
Chuping, Perlis, menjadi kubu
Kampung Gelam, Singapura, menjadi kubu.

Reactioner bertambah marah
mengapa bodoh menghalau Inggeris?
Inggeris bapa kita
Kita apa ada?
Mereka jarum patah pun tak tahu
Malaya tidak boleh Merdeka
dan Malaya tidak akan Merdeka
kalau merdeka akan bertambah sengsara
negara akan menjadi hura-hara
malapetaka dan bala bencana.

Perdana Menteri Inggeris pernah berkata
Sir Winston Churchill namanya
ucapan sebelum perang dunia kedua
"Selagi laut masih berombak
selama itulah bendera Union Jack tidak akan
turun di tanah jajahannya."

Ini kata-kata hikmat Inggeris
 ini gula-gula Inggeris
 inilah jaminan Inggeris
 kepada seluruh British subjek.

Kita mesti pertahankan Inggeris
 Inggeris apa kurang?
 Tentera udara, tentera laut, tentera darat
 dan semua kelengkapan perang!

Rupanya yang kacak sudah cukup kelayakan
 menjadi pemerintah
 Orang Melayu tahu apa? Bodoh! Tidak tahu untung!!!
 Suluhlah muka dengan cermin besar!
 Perli nenggerat lagi.

Memang benar, kami tidak punya diploma
 juga tidak punya *degree*
 B.A., M.A., LL.B., Ph.D. B.Sc. Dr. Prof. jauh sekali
 jadi apa yang ada
 cuma semangat dan cita-cita yang tinggi.

Serentak penulis-penulis provisional menulis
 bukanlah profesional sebagaimana sekarang
 menulis cerita rakyat
 kadang-kadang tidak tentu subjek dan di mana predikatnya
 tetapi sekali menulis tetap menulis
 menulis tanpa bengkel penulis
 tanpa guru sastera.

Aku juga menulis ruangan politik
 di majalah *Kencana* terbitan Cikgu Harun Aminurrashid
 diterbitkan dua kali sebulan di Singapura
 menjadi penulis tetap
 menulis tanpa wang tanpa sagu hati
 diedar ke seluruh Nusantara pulau-pulau Melayu
 rakyat tidak menilai seni bahasa
 tetapi rakyat menilai seni maksud.

Masing-masing reka cerita rakyat
 rakyat jembel tidak makan di kampung
 rakyat jembel hidup di gobok-gobok bocor
 apabila hujan pindah sana pindah sini

Suami tidak punya pendapatan tetap
lantaran hidup tertindas
anak menangis kelaparan
isteri gelisah mendengar tangisan
kepada siapa hendak mengadu.

Malang! Bangsa Melayu melarat di tanah airnya sendiri
negeri yang kaya dengan hasil bumi
tetapi peribumi hidup laksana pengemis
kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Semua kekayaan diangkut ke London
orang U.K mewah, melimpah-ruah.

Malcolm Mc Donald, Pesuruhjaya British India di Malaya
pernah berkata: "Dengan memerintah semula Malaya
dapat menebus kerugian British di India yang
telah diberi kemerdekaan dalam tahun 1947."

Ada pula yang menulis sajak
sajak yang susah difahami
sajak kabur, sajak abstrak
kabur, benar-benar kabur, lantaran takut ditangkap
pembaca tidak faham, penulis juga tidak faham
akhirnya sama-sama tidak faham
tetapi mengaku juga menjadi penyajak perjuangan.

Patriot pergi datang silih berganti
di antara dua negara serumpun keturunan
Indonesia-Malaya membawa berita
sedih, pedih, geram, naik darah.

Wanita-wanita yang sedang menumbuk padi di Sumatera
melekat daging-daging pada lesung dan alu
kena peluru Belanda dari kapal
dalam reaksi Belanda kedua.

Manakala Westerling pula mengamuk di Jawa
tembak saja siapa bersua
tidak kira siapa dia
yang penting bunuh saja habis bicara
itulah bangsa yang biadab
bangsa yang berajakan betina

yang digelar Queen Welhelmina
sama saja dengan Inggeris
rajanya digelar Queen Elizabeth
sama-sama bergelar ratu.

Soekarno dan Hatta telah memproklamkan
Kemerdekaan Indonesia tanggal 17 Agustus, 1945
diproklamkan di tengah-tengah dentuman pelor
pelor Belanda dan Jepang
Bung Tomo menjadi hero bangsa
menyerang Belanda hingga tidak bersisa.

Dr. Burhanuddin melawat India dan Burma
bersama-sama Abdullah C.D., Salleh Daud dan Ibu Zain
Berjumpa Nehru, berjumpa Ong Sang
Setiap rapat umum diadakan, manusia seperti laut
Rakyat India ingin tahu perjuangan rakyat Malaya
dan Burma begitu juga
sambutan hangat sekali.

Di Malaya kaum buruh pula bertindak
di bawah pengaruh kesatuan kaum buruh
Pan Malayan Federation of Trade Union
Ibu pejabatnya di tengah-tengah kota Kuala Lumpur.

Buruh mogok di sana mogok di sini
berarak di sana berarak di sini
bantah itu bangkang ini
suruh kerja mereka mogok
buang seorang berhenti semua.

Diadakan rapat-rapat umum di padang-padang terbuka
di panggung-panggung wayang
tuan putih dijemput datang
sediakan tempat di depan sekali
dengar, dengar, dengar!
Dengar tuntutan rakyat.

Tuan putih resah gelisah
benci, geram, marah dan malu
dengar ucapan pemimpin rakyat
dalam hati berkata, "Nanti! Kami akan ajar kamu semua!"

Lidah rasmi juga diterbitkan (Parti Organ)
Suara Rakyat muncul di Ipoh
Pelita Malaya, Suluh Malaya, di Kuala Lumpur pula
Kencana, diterbitkan di Singapura
Dunia Baru, diterbitkan di Penang
Plopor (Van Guard Press) suara buruh
 diterbitkan di Kuala Lumpur.

Semuanya serentak menyerang penjajah
 pemimpin buruh berucap
 "Kaum imperialis dan kapitalis penghisap darah
 tiap-tiap setitik peluh buruh yang gugur ke bumi
 adalah senilai emas
 Kapitalis tidak akan hidup tanpa buruh
 kapitalis berladang di belakang buruh
 kapitalis senyum melebar kalau buruh taat bekerja
 buruh hendaklah menilai sendiri harga
 peluhnya bukan majikan
 Kapitalis-Imperialis masing-masing sandar-menyandar
 ia tidak boleh hidup tanpa yang satu lagi
 kapitalis British memang monopoli
 di mana saja mereka berada."

Angkatan Wanita Sedar (AWAS) berkata
 "Kaum wanita serikandi negara
 tanpa wanita gerakan berjalan tempang
 wanita juga sanggup bergerak sebagaimana lelaki
 wanita pun tidak kurang semangat
 tangan yang menghayun buaian juga boleh
 menggoncang dunia
 Kami tidak mahu ketinggalan zaman."

Ucapan API pula
 "Kita tiang negara
 Pemudalah yang akan mengukir sejarah negara"
 Biar sehari menjadi harimau
 daripada hidup setahun menjadi kambing – Boestamam
 Beri aku sepuluh pemuda
 akan dapat kugoncang seluruh dunia – Soekarno
 Daripada kita serah Indonesia kepada Belanda
 lebih baik kita bakar saja Indonesia ini – Haji Agus Salim.

Ahli agama pula menerangkan

Tuhan tidak mengubah nasib satu-satu kaum
hingga kaum itu sendiri mengubah nasib mereka
Cintakan tanah air sebahagian daripada iman
sekarang kita telah dijajah dan sedang dijajah
penjajah yang menentang agama Islam
orang Islam tidak bebas melaksanakan hukum Allah
yang bersumber dari al-Quran dan Hadis
kalau hendak bebas melaksanakan hukum Allah
marilah kita berjuang untuk menghalau penjajah.

Ahli sejarah pula berpidato

"Bangsa Melayu bukan bangsa penakut!
bangsa Melayu memang kaki perang
bangsa Melayu adalah bangsa besar
dari Madagaskar hingga ke Filipina
bangsa Melayu kaki mengembara ke seluruh dunia
Tengku Imam Bonjol, Mat Kilau, Mat Kuntum, Dol Said
Datok Naning adalah antara pahlawan Melayu terbilang."

Pidato ahli politik pula

"Kita bukan anti-British
tetapi kita antiimperialis British
bangsa kita, negara kita lebih 300 tahun dijajah
sampai bila kita mesti dijajah lagi?
Dunia memandang kita rendah
kita dianggap bangsa hamba
bangsa bodoh, bangsa tak melawan orang
penjajah menggembar-gemburkan
bangsa Melayu masih hidup di gua-gua
di hutan belantara, masih dalam masyarakat primitif."

Selepas ceramah dijamu rebus ubi kayu

rebus pisang muda
kadang kala dijamu nasi bergulaikan pucuk paku.

Pakaian pemimpin begitu pula

bertampal di sana berjahit di sini
rata-rata pemimpin tidak terbeli baju baru
namanya saja pemimpin
kehidupan lebih rendah dari rakyat biasa.

Makan, pakai, rakyat tak tanya pemimpin juga tidak menghiraukan yang jelas bila pemimpin datang berebut-rebut pemuda datang berjumpa masing-masing minta autograf.

Minta dicatat kata-kata perjuangan kata-kata hikmat, kata-kata sakti itu saja.

Tidur juga begitu di mana mengantuk di situ tidur Ah! Tidur saja di mana-mana kalau ada bantal cukup baik tanpa bantal tidur juga.

Hebat! Sungguh hebat!!!
Penjajah Inggeris diserang dari semua penjuru.

Masa itu tidak ada apa yang diingiat seronok, gembira puas hati menghentam penjajah semasa memberi ucapan walaupun kocek kosong, itu soal lain.

Kami tak pernah memikirkan
Siapa akan menjadi wakil parlimen
Siapa yang akan menjadi wakil *state*
Siapa menjadi menteri
Siapa menjadi exco
Siapa menjadi duta
Siapa yang akan menjadi MB
walaupun semua PKMM tahu sistem British mempunyai Dewan Rakyat (*House of Common*)
Lagi satu digelar Dewan Pertuanan (*House of Lord*)
House of Lord digelar *Senate*
dan seterusnya tidak juga memikirkan
siapa yang akan dilantik menjadi senator.

Yang selalu dibincangkan ialah
Bagaimana apabila anak-anak kita lulus universiti nanti
anak-anak kita bererti anak-anak Merdeka
juga di mana hendak kita tubuhkan kolej Islam

141

BERMULANYA DITIK PERUBAHAN

tidak juga pernah memikirkan berapa gaji yang berhormat
apalagi cerita 'Kabinet Bayangan' (*Shadow Cabinet*)
Tetapi yang ada ialah
berjuang dulu
berkorban dulu apa saja yang ada
mari bersama-sama menghadap penjajah dulu.

Pada suatu pagi
terpampang di muka depan *Utusan Melayu*
tulisan besar, berita panas yang bertulis
'Jaga! Bahaya Turun dari Gunung'
amaran Dato' Onn Jaafar, selaku Ketua UMNO Malaya.

Orang ramai menjadi kecoh
Bahaya apa? Bahaya apa? Dari gunung mana?
Aku ditanya, Yakjuj wa makjuj kah?
Kujawab, bukan Yakjuj wa makjuj tetapi
tapi apa bahaya yang turun dari gunung? Tanya lagi
Bahaya dari Gunung Semanggol, Taiping
Apa ada di Gunung Semanggol?
Sekali lagi kujawab, mereka menubuhkan HAMIM
Apa itu HAMIM? Desak mereka lagi
Hizbul Muslimin ertinya Tentera Muslimin
Kutambah, bukan itu saja tetapi, mereka juga
menubuhkan MATA.
Mata itu apa? Lagi tanya mereka
Majlis Islam Tertinggi
Siapa pemimpinya?
Ustaz Abu Bakar al-Bakir, mudir Al-ihya 'Asy-Syarif
Gunung Semanggol.

Apakah tujuan itu semua?
sekali lagi kutekankan, Merdeka, Merdeka, Merdeka
HAMIM dan MATA ialah sayap kanan PKMM.

Habis mengapa? Hendak berperang dengan siapa?
Kita mahu Merdeka jawabku
Bila hendak Merdeka? Tanya mereka lagi
tanya cemuhan dan menghina
Berjuang dulu baru merdeka kemudian
Mana ada jalan merdeka dulu berjuang kemudian
jawabku tegas. Mereka diam.

Mereka senyap, kaku, pucat kerana takut
takut hantu-hantu tuan putih
hantu tuan putih berada di mana saja.

Kaki-kaki ini ingin mendapat nama
Kaki-kaki ini ingin membuat jasa
Kaki-kaki ini ingin berkorban untuk ratu Inggeris
Kaki-kaki ini ingin mendapat bintang
Bintang MBE – *Member of the British Empire*
atau lebih baik lagi mendapat bintang
OBE – *Officer of the British Empire*.

Ahli PKMM tidak peduli, hentam keromo
mesyuarat di sana mesyuarat di sini
rapat umum di sana rapat umum di sini
dari kota-kota besar hingga ke kampung pedalaman
kongres di sana, *conference* di sini
dalam kongres boleh melepas geram
hentam British selagi mahu
Semua perwakilan boleh bercakap.

Sebelum ke kongres memungut derma
para perwakilan ada yang menjual ibu ayam
ada yang menjual getah basah
ada yang menjual padi untuk tambang kereta api
harapkan ahli, mereka pun susah
kadang-kadang AWAS tolong berikhtiar
kumpul sepuluh dua puluh sen seorang
yang ada subang buka subang ... derma untuk tambang
tak kurang juga membuka cincin di jari ... derma juga
pendek kata berkorban apa saja
malangnya orang PKMM tiada yang kaya
tak ada *financial back ground*
juga tak ada dasar kasta antara ahli.

Sampai di kongres begitu pula
makan apa yang ada
kalau ada nasi kandar makan nasi kandar
tidur pun begitu juga
kalau ada bawa beg, itu jadikan bantal.

Ahli-ahli PKMM tidak ada motokar
Dr. Burhanuddin tidak ada motokar

Ishak Haji Muhammad tidak ada motokar
semua rata-rata tidak bermotokar
bangsat, melepek
"Berbadan cacing bersuara naga," kata *reactioner*.

Reactioner benci, benci sungguh
British benci
semua pegawai kerajaan benci
bapa mertua benci
ipar-duai benci
adik-beradik benci
dan kawan-kawan biasa pun benci juga
Isteri yang mendengar hasutan benci sama
yang seia sekata ialah ahli PKMM saja.

Ada pasangan suami isteri yang bercerai
ada yang dihalau oleh mertua
ada yang dipulau oleh saudara-mara
masing-masing dengan nasibnya.

Hitung panjang ahli PKMM memang merana
kocek kosong pendapatan tiada
melarat, hanyut, hina di kampung sendiri
yang ada ialah cita-cita
hendak menghalau British keluar
hendak menurunkan bendera 'Union Jack'
hendak mengibarkan Sang Saka Merah Putih.

Dalam riuh-rendah Merdeka sana Merdeka sini
Inggeris mula takut
yang pada mulanya disangka budak-budak nakal
membuat angkara.

Budak-budak PKMM ini sudah melampau batas
sudah menyeleweng, hendak menimbulkan huru-hara
membuat kacau dan pengacau
kalau tidak disekat mereka lagi mengacau.

Akhirnya senyap-senyap port dekok didirikan
port dekok didirikan di mana-mana
port dekok ialah tempat kerajaan Belanda
menahan pejuang-pejuang Indonesia.

Di Malaya disebut khemah tahanan (*detention camp*)
 Ashby Road, Ipoh
 Tanjung Bruas, Melaka
 Majidee, Johor Bahru
 St. John Island (Pulau Sekijang), Singapura
 Pulau Jerjak, Pulau Pinang
 Kemunting, Taiping, Perak
 Morib, Selangor.

PKMM belum ditangkap
 khemah tahanan disediakan dahulu
 tempat orang politik mengenang untung
 mudah-mudahan apabila bebas tidak melawan Inggeris lagi
 makan hanya untuk membolehkan supaya tidak mati
 tempat orang politik mengira untung rugi
 itulah rencana awal untuk menentang revolusioner
 hendak dibunuh tidak ada peruntukan undang-undang.

Sejarah yang tak boleh dilupakan
 dan takkan dapat dilupakan
 oleh anak-anak cucu
 hingga keturunan demi keturunan.

Sejarah perjuangan melawan Inggeris
 Sejarah perjuangan menghalau Inggeris
 dari bumi bertuah
 tanah air yang tercinta.

Pusaka dari nenek moyang bangsa Melayu
 Bangsa besar meliputi gugusan pulau-pulau Melayu
 dari Madagaskar hingga ke Filipina.

Pertengahan Jun 1948
 kalau tidak silap 20 Jun 1948
 darurat diisytiharkan di seluruh Malaya.

Bulan dan tahun yang bersejarah bagi PKMM
 sejarah hitam kepada semua ahli PKMM.

Undang-undang Darurat Diisytiharkan (Emergency Regulation Declared)

Rata-rata ahli PKMM ditangkap
Ada yang sedang tidur nyenyak ditangkap
ada yang sedang bekerja di sawah ditangkap
ada yang sedang menoreh getah ditangkap
ada yang sedang naik bas ditangkap
ada pula yang sedang hendak turun ke bawah ditangkap
ada yang sedang membeli barang
ada yang sedang menjual getah
ada yang sedang mendukung anak
ada yang sedang sembahyang ditangkap juga
Ah! Ingeris memang tidak kasi can
tukang tangkap ialah orang Melayu juga.

Orang Melayu yang tak sedar untung
orang Melayu yang bengap
orang Melayu yang tak tahu hal dunia.

Mereka hidup semata-mata untuk hidup
hidup saja-saja
biar orang Melayu mati asalkan Ingeris hidup
biar negara terjajah asalkan dia lumayan
biar bangsa Melayu menjadi binatang asalkan
Ingeris menjadi orang.

Aduh! Menjerit di dalam hati
Adakah fikiran begini akan berlarutan
hingga hari kiamat?
Oh, Melayu bangsaku!!!

Puak-puak *reactioner* bersorak
Hore! Rasakan
hendak Merdeka sangat
kelulusan pun sekolah atap darjah dua darjah tiga

Cakap Inggeris sepatah haram tak tahu mahu Merdeka
sekarang baru tahu, langit tinggi rendah
padan muka.

Si PKMM naik land rover polis
naik kereta pegawai
menuju ke balai polis yang dekat.

Di balai polis PKMM diperli
Diperli polis yang tak tahu hujung pangkalnya
"Apa khabar tuan Presiden, baru sampai?" ejek polis
"Awak yang hendak Merdeka tu ya?
muka pun macam muka penyamun
pass mana awak?
Awak lebih pandai dari orang putih ya?"
Bercakap dengan muka yang masam dan garang
Orang PKMM terkelip-kelip mata
kalau dilawan nanti tangan atau kakinya pula bercakap.

Dalam hati berkata
"Aduh, bangsaku! Bangsa yang dipandang rendah oleh dunia
kamu bukan musuhku, kamu adalah bangsaku
musuhku ialah penjajah dan musuhmu juga
kita sama-sama anak jajahan
Mengapakah begitu lemah kamu berfikir?
Tahukah kamu kita sama-sama anak jajahan
negara kita ini jajahan British (British Colony)
sampai bilakah kita bertuankan Inggeris?"

PKMM disumbat ke dalam *lock-up*
"di sini istana awak!" kata polis
sekarang awak menjadi Presidenlah dalam *lock-up*!
PKMM yang tidak pernah tahu *lock-up* terus terentak
"Mati aku!" PKMM yang berjiwa lemah
"Peduli syaitan sama dia!" PKMM yang berjiwa keras.

Taang ... pintu *lock-up* dikunci
PKMM terpinga-pinga
Hai, apa halnya ini, ke tali gantung pulakah?
Ah, aku tidak membunuh orang, apa takut!

Dalam *lock-up* tak mahu tidur
baring di atas lantai banyak pijat-pijat

baring di atas simen penuh daki
mundar-mandir tak tentu hala
mendongak, tunduk
nampak muka anak
terdengar-dengar suara anak menangis.

"Ah, *go to hell* British," kata orang panas baran
"Inilah erti perjuangan," kata orang politik
"Hanya satu ujian," kata orang agama pula
Biarkan, biarkan ... sampai ke mana sudahnya.

Pada suatu hari PKMM dipanggil keluar
"Awak dihantar ke jel sekarang! Ambil barang-barang awak"
sergah polis dengan suara kasar.

PKMM tunduk mengambil barang-barangnya
dengan muka yang selamba naik kereta polis
tangan digari berangkai-rangkai dengan PKMM lain
diiringi oleh polis entah berapa orang
ramai orang awam menyangka entah pencuri mana.

Sampai di jel dihantar ke pintu penjara
diserahkan kepada warder yang bertugas
warden menyambut dengan penuh *action*
Wah, tuan Gabenor sudah sampai?
warden mengejek dengan penuh perasaan
sekali lagi PKMM sedih.

Sedih melihat bangsanya yang sungguh bodoh
warden tidak tahu dia mengejek siapa
bukankah PKMM ini pejuang kemerdekaan?
berjuang untuk kemerdekaan negara
untuk membebaskan bangsa dari cengkaman penjajah
untuk meletakkan bangsa duduk sama rendah
berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa di dunia
tetapi malang, warden tidak belajar erti penjajah
warden tidak belajar teori Merdeka
aduh bangsaku! Begitu kacak tetapi berjiwa hamba
kalau kamu takut berjuang
jangan dihalang orang lain berjuang
aku bukan pencuri, aku bukan penyamun
bukan juga rasuah atau jelatang kampung
aku mahu Merdeka, aku mahu kita Merdeka.

Di dalam jel baru tahu
tong najis di dalam bilik
di situ makan di situ tidur
tong najis angkat sendiri tiap-tiap pagi
pagi-pagi makan bubur dedak
dedak – sekam padi yang halus untuk makan ayam
ada orang menangis
mengadap hidangan bubur dedak campur kanji
bubur tanpa gula tanpa santan
kanji bukan kanji, bubur bukan bubur.

Ini pengalaman hidup
ini berita baik, kalau panjang umur
untuk dikhabarkan kepada anak cucu
kalau Merdeka aku ada saham
sahamku ialah berjuang
bukan makan pisang yang sudah dikupas
kalau gagal anak cucu akan menyambung
menyambung perjuangan
itu kerja kita
tugas anak jajahan
tugas sambung menyambung.

Khemah Tahanan (Detention Camp)

Apabila khemah tahanan siap
semua PKMM dihantar ke dalam
masuk neraka dunia
masuk univerti revolusioner
universiti tanpa *lecture*nya.

Graduan tanpa *degree* dari Canselornya
lima enam tujuh lapan tahun merengkok
pindah-randah tidak tentu keruan
laksana orang tawanan perang (POW)
atau sebagai hamba tebusan.

Tempat yang tidak pernah dimimpikan
tempat tinggal di luar dugaan
juga tempat mengambil ijazah
ijazah fakulti perjuangan
pejuang tulen atau palsu
lulus atau gagal
ujian kalau benar-benar mahu Merdeka
Merdeka total.

Ada juga yang sambang
patah di tengah
merana, pengsan, menyesal
taubat tidak buat lagi
tak Merdeka pun tidaklah
ini bukan kerja, ini kerja gila.

Ya! Anak yang baru lahir di kampung tertanya-tanya
Mana bapa, mana bapa, mak!
Isteri menangis teresak-esak tidak menjawab
jiran sebelah menyebelah mencemuh.

Ibu yang tadinya gemuk cuma tinggal rangka
Biarkan! Dia tu anak jantan
anak yang berbayar upah bidannya
kata bapa yang progresif pula.

Isteri yang begitu segak bertukar kusut masai
tidak ada tempat bergantung
alam menjadi begitu sempit
boneka Inggeris pergi datang tidak berhenti
konon hendak menolong tetapi menyiasat
dan berbagai tujuan lagi.

Isteri yang tidak tahan meminta cerai
lantaran desakan hidup
atau suasana alam sekeliling
ada juga kerana didesak
tidak kurang pula kerana digoda
atau sebab diugut digempar.

Si PKMM merana dalam tahanan
surat isteri dijadikan azimat
gambar anak, gambar isteri disimpan di bawah bantal
terdengar-dengar suara anak-anak ketawa
apabila diberi gula-gula pulang dari kedai
juga suara menangis apabila makan tidak ada lauk.

Tidur malam terigau-igau
semalam terdengar-dengar suara isteri berkata
masak tengah hari ini tidak ada beras, bang!
Si PKMM terbangun, terbayang di mata
Oh, beras tak ada, dia bangun hendak ke kedai
Ternampak kawan-kawan bergelempangan tidur kiri kanan
Astaghfirullah!!!
rupanya aku dalam tahanan.

Lemah segala anggota
dia tersepuk duduk
Oh, mungkin benar mereka tidak ada beras
ke manakah hendak dicari
wang tentu tiada
hendak berhutang siapa percaya
Ya Allah! Selamatkanlah anak isteriku.

Ada juga yang mati meragan
 kerana berfikir tak tentu keputusan
 apa dibuat apa tidak kena
 akhirnya gempar sebuah kem
 kerana tahanan mati merana
 Innalillahi wainnailahirajun.

Yang menyesal tadi begitu pula
 mundar-mandir seorang diri
 itu salah ini tidak betul
 perut lapar makan tak mahu
 kerja orang semuanya salah
 duduk salah berdiri pun salah
 mata pejam telinga terdengar.

Datang revolusioner
 revolusioner menyergah yang patah di tengah
 Cih! Kau pejuang palsu
 revolusioner tulen tetap luhur
 biar port dekok didirikan lagi
 namun itulah erti perjuangan.

Selagi hayat dikandung badan
 perjuangan tak pernah berakhir
 berjuang! Berjuang! Berjuang!
 untuk dunia dan akhirat
 untuk agama, bangsa dan nusa
 untuk manusia di alam semesta.

Di dalam tahanan bermacam ragam
 ada yang duduk tersepuk membaca al-Quran tidak berhenti
 ada yang gila badminton pagi petang
 yang asyik bermain gitar tak kurang juga
 ada yang belajar tafsir al-Quran
 ada yang belajar bahasa Inggeris, Melayu dan Cina
 masing-masing dengan selernya
 untuk mengisi ilmu di dada.

Guru-gurunya begitu pula
 Pak Sako orang pertama
 yang paling sifu Inggerisnya
 Karim Bakar dari Melaka

Wan Daud dari Terengganu
 Syed Ahmad dari Pahang
 Hassan Zol dari Kedah
 Othman Bulon dari Perak
 Ali Ibrahim dari Selangor
 Zain Ariff dari Kedah dan Osman Yahya dari Kelantan
 Inilah setengah daripada orang-orang yang pakar Inggeris
 tetapi Pak Sakolah yang menjadi *walking dictionary*nya
 orang yang alim sastera Inggeris, beliau memang alim.

Para penuntut memanglah ramai
 di antaranya, Saman Sharif, Osman Abadi, Hamid Mahmud
 Majid Salleh, Mustafa Yunus, Ahmad Putih, Paimin
 Ahmad Hj. Taib, Ahmad Joyokario dan entah berapa
 ramai lagi
 mereka ini ialah *classmate*ku di blok G
 Tanjung Bruas, Melaka.

Masa periksa: Saman Sharif, *first boy*
 Osman Abadi, *second boy*
 Majid Salleh, *third boy*.

Apabila dibebaskan masing-masing dengan tujuan hidupnya
 Cikgu Hamid Mahmud, menjadi Yang Berhormat di Kota Bharu
 Mustafa Yunus, menjadi Yang Berhormat, Ulu Langat
 Rosdin Yaacob menjadi Yang Berhormat, Ulu Yam
 ini yang aku ingat sahaja, selainnya
 Abu Samah Sharif menjadi *developer*, sudah kaya
 Osman Abadi, ketua dalam Utusan Melayu, sudah kaya
 Ahmad Putih, menjadi kerani polis, Temerloh
 Ahmad Joyokario, pegawai bank di Jakarta
 dan ramai lagi aku tidak tahu entah di mana
 aku percaya mereka sudah kaya-kaya belaka
 kawanku yang menjadi Yang Berhormat ini
 semua menang atas tiket Perikatan atau Barisan.

Apabila sudah kaya cakap sudah lain
 berjalan sudah lain, hentak sudah lain
 cara duduk sudah lain
 dan pakaian pun sudah lain
 kepala pun sudah lain.

153

KUUMAH TAHANAN

Pakar Arabnya ramai juga
Ustaz Abu Bakar al-Bakir, guru utama
Baharuddin Tahir, guru yang petah
Ustaz Talib Jenderam tak kurang juga
Ustaz Yunus Yatimi juga begitu
dan ramai lagi ustaz subsidi yang aku lupa.

Alam tahanan itulah dia
yang tahu mengajar, yang tak tahu belajar
semua ilmu diajar percuma
ada yang masuk tak tahu apa-apa
apabila bebas menjadi serba tahu.

Pakar lawak (*clown*) ramai juga
tapi ada seorang sahaja yang paling terkemuka
namanya Doktor Hey Sey (H.S.) Hj. Said
beliau abang Ustaz Yahya Nasim (Kajang)
orangnya segak, pandai bergaya
beliau boleh mengajuk lagak pemimpin seluruh dunia
apabila beliau berkelakar semua orang ketawa
jadilah buat penglipur lara
untuk memenuhi waktu yang terluang saja.

Yang paling lucu ialah pakar gaduh
rata-rata orang tahanan keras kepala
kalau orang berotak beku
tentulah tidak sampai ke khemah tahanan.

Sedikit benar orang yang penakut
orang yang berjiwa kecil
selainnya kalau bergaduh mahu saja.

Punca pergaduhan ialah menentang perjuangan
antara yang ditahan ada juga yang tak tahu apa-apa
dia bukan orang politik, dia bukan orang perjuangan
tetapi dia masuk sebab orang sakit hati.

Kerana dia jahil dia suka memuji-muji penjajah
dia menghina perjuangan
akhirnya orang marah
orang tuduh dia penyuluh
akhir timbul pertengkaran.

Apabila mulut lawan mulut bermula
datang tukang kipas
Hud! Hud! Hud! (pukul) hud sama dia
Yang kena hud ada yang sampai berak hijau
dikeronyok oleh entah siapa.

Tetapi yang paling terbilang ada seorang
semua orang tahanan kenal dia
dia orang baik, kalau kita baik
dia orang peramah dan kaki bercerita.

Namanya ialah Adam Mohamad Said
orang Batak Rabbit, Teluk Intan, Perak
orangnya berani tetapi banyak akal.

Kalau suruh dia buat punca bergaduh
dia pun boleh buat juga
apabila bertumbuk hanya untuk sekali dua saja
dua tiga kali tumbuk berhenti
dia mengena pun atau dia terkena
nanti kita sambung lagi, lepas makan
atau disambung lepas mandi, atau lepas sembahyang.

Nanti apabila cukup waktu dia pergi cari
tumbuk pula kalah menang lain kira
tiap-tiap kali bertumbuk dia akan berkata
"Nanti kita sambung lagi"
apabila berjumpa tumbuk, kemudian berhenti.

Akhirnya semua orang tak berani, orang benci
mana ada orang bergaduh sambung-menyambung,
jumpa tumbuk, apabila jumpa tumbuk, perangai manusia.

Orang tahanan bergelar bung
bung Sako, bung Boestamam, bung Karim
bung Ali, bung Majid, bung Hassan
dan entah berapa bung lagi.

Title bung dipinjam dari bahasa Indonesia
bung Karno, bung Hatta, bung Tomo dan

Bung bererti rakan seperjuangan.

Orang tahanan yang tidak ada kiriman
hanyut membawa hati
bergantung belas kasihan kawan-kawan.

Ada yang mengacau air panas kosong waktu pagi
tak ada gula, tak ada kopi, tak ada teh, tak ada susu
Ada yang memasang paip kosong tanpa tembakau
tidak akan meminjam kepada kawan-kawan
kerana tak ada penggantinya
yang berada tolong saja
tiada huruf pinjam tiada huruf hutang.

Tahanan yang dekat kampung
keluarga datang seminggu sekali
bawa makan, bawa pakaian, bawa wang.

Ada tahanan yang tak pernah dikunjungi keluarga
lantaran jauh, miskin atau tidak berdaya.

Ada yang mengintai-intai di celah-celah pagar
kalau-kalau ada keluarga melawat
puas sudah menunggu tak kunjung tiba
masuk semula ke khemah dengan perasaan hampa
beribu-ribu macam perasaan datang
malu kepada kawan-kawan macam tak ada keluarga
kadang-kadang terlupa mereka di kampung mungkin susah
wang untuk membeli beras pun tak ada
anak di kampung entah makan entah tidak.

Apabila teringat, sejuk hati semula
mungkin di kampung hari hujan, isteri tidak menoreh
Apa ikhtiar lain? Selain dari menangis
perempuan kalau susah menangislah dia
menangis kerana anak meminta nasi.

Sampai lamunan ke situ muka naik merah
marah kepada penjajah
Aku mahu Merdeka!
Kami mahu Merdeka!
Kami mahu hak kami semula!

Mengapa pula kami diseksa?
Mengapa pula anak isteri kami diseksa?

Bukan aku nak jadi menteri
bukan aku nak jadi gabenor
tetapi aku mahu Merdeka
aku mahu negeriku Merdeka
aku mahu bangsaku Merdeka, itu sahaja
tapi kalau tak ada yang sanggup
aku juga boleh menjadi menteri
boleh menjadi gabenor atau apa saja.

Di dalam tahanan kami mogok
mogok lapar (*hunger strike*)
di kem tahanan Ipoh
mogok membantah bekalan makanan
bekalan makanan bermutu terlalu rendah
Cikgu Shariff Salleh ditangkap, dia ketua makanan.

Kami mogok tiga hari tiga malam
aku dan dua orang kawanku lagi
rebus kangkung yang ditanam sebelum kem didirikan
kangkung-kangkung yang hampir mati
tanpa garam tanpa umbu
makan kangkung saja tanpa nasi tanpa roti.

Kami menyorok-nyorok makan
untuk menjaga maruah
lain orang lain pula halnya
kami tidak tahu, kami tidak bercerita
mereka tidak bertanya – *understood*.

Di Pulau Sekijang (St. John Island) Singapura
aku ditangkap dari kem tahanan
dihantar ke jel Autram
empat malam di jel Autram aku dihantar ke Changi
aku dimasukkan ke dalam *cell*
cell ialah jel
tiga bulan di *cell* tanpa melihat matahari
tanpa melihat bulan
tanpa bercakap tinggal seorang.

Di kem Majidee, Johor Bahru
 pagi-pagi subuh polis dan warden masuk menyerbu
 kira-kira 400-500 orang
 para tahanan semua terkejut.

Mereka memeriksa seorang demi seorang
 semua beg semua barang dibongkar
 diselongkar satu demi satu.

Di kem Melaka (Tanjung Keling)
 Rashid Maidin menumbuk pegawai Inggeris
 sebab pegawai bersikap kasar
 Rashid tumbuk, pegawai itu tumbang
 Rashid kata, *"I have been six months
 in England, I never seen such people
 like you. You are cowboy!"*

Apabila kami pindah dari Melaka ke Ipoh
 baca berita surat khabar Rashid cabut
 dia ugutan
 Apabila mesyuarat *Amnesty* di Baling, Kedah
 Rashid mesyuarat dengan Tunku Abdul Rahman
 Itu kerja Rashid Maidin
 mana dia dapat akal itu kita tidak tahu
 Rashid betul berani.

Dalam tahanan ramai juga yang menung saja
 puncanya ialah memikirkan hal anak isteri
 bagaimana isteri menanggung anak?
 bagaimana anak-anak pergi sekolah?
 adakah anak-anak berbelanja ke sekolah?
 bagaimana kalau sakit dinihari tengah malam?
 yang nampak di kepala hanya yang buruk-buruk sahaja.

Orang berada tidak gusar
 cuma memikirkan bila akan bebas
 membilang hari membilang bulan
 habis wang hantar surat ke kampung.

Apabila Hari Raya sekali lagi bersedih
 terpandang-pandang anak nak makan daging
 hendak makan gulai ayam

hendak makan lemang, ketupat, kuih raya
hendak pakai baju baru.

Ah, meminta-minta ke rumah orangkan pula?
mungkin isteri tidak terdaya
hendak mengadakan itu semua
tak sedar air mata menitik
Aduh, ini semua angkara penjajah.

Masa tahanan tidak tahu bila akan bebas
mungkin esok, mungkin lusa, mungkin bulan depan
mungkin setahun lagi, mungkin lima tahun lagi
dan mungkin sepuluh tahun dan mungkin mati
di dalam tahanan, tiada siapa yang tahu
enam tujuh terus lapan dan sembilan tahun
dalam tahanan bukannya mainan
hampir sepuluh peratus umur di situ sahaja
berpisah anak, berpisah isteri
kalaulah tidak benar sabar dan teguh pendirian
mungkin ramai yang mereng.

Tetapi berjuang untuk kemerdekaan
rela menempuh itu semua
daripada menahan hati terpendam
melihat bangsa dijajah
negara dijajah.

Kalau tidak kita yang berjuang
siapakah yang akan berjuang lagi
tiada siapa yang diharap dan tiada siapa yang ditunggu
siapa sedar dia berjuang dulu
yang duduk di atas pagar biarkan
biarkan duduk di atas pagar selama-lamanya
kepada yang menentang
biarkan mereka menentang terus-menerus.

Mereka menentang untuk kepentingan penjajah
seorang Tuan Putih memerintah beribu orang anak jajahan
Tuan Putih maki hamun membesarkan mata
Tuan Putih menengking sambil menunjuk dengan kaki
anak jajahan tunduk laksana tikus memandang kucing
tidak berani mengangkat muka menentang mata Inggeris.

Hina lebih hina
 kaki Tuan Putih diletak atas bahu supir
 tatkala supir memandu kereta tuan
 supir tidak berani merokok
 supir memakai baju kemas bertutup dada
 kalau langgar perintah, tuan marah buang kerja.

Itulah keistimewaan Inggeris
 boleh menakluki negara kita beratus tahun
 anak jajahan makin lama makin penakut
 Jiwa pahlawan hanya tinggal di lipatan sejarah
 Sejarah entah ya, entah tidak.

Tetapi apabila udara Merdeka sudah bertiup
 ramai yang menepuk dada mengaku hero perjuangan
 perjuangan menuntut kemerdekaan.

Tetapi orang-orang ini atau hero-hero ini
 aku tak pernah jumpa dalam tahanan
 tidak juga kulihat namanya di surat-surat khabar
 pada tahun-tahun perjuangan 1945-48
 apa lagi namanya disebut-sebut umum
 sebagai juara perjuangan
 tidak, tidak pernah berlaku
 itu cerita rekaan sahaja
 jawabnya itulah oportunist bangsa
 oportunist begini akan kekal sampai bila-bila
 patah tumbuh hilang berganti
 di semua masyarakat dan semua negeri.

Setelah bebas masing-masing gelisah
 orang-orang dahulunya benci sekarang berasa takut
 takut menegur, takut bermesra
 kalau-kalau nampak kaki-kaki penjajah
 nanti dicekup pula
 jadi pengganti yang baru bebas.

Maka hiduplah PKMM bak kera sumbang
 senyumnya, senyum sumbang
 duduknya duduk sumbang
 bercakapnya, bercakap sumbang

orang keliling, kawan-kawan lama memandang dengan ekor mata.

Seminggu sekali lapor ke balai polis atau dua minggu lapor juga jangan lupa kalau pergi jauh lapor juga kalau tak lapor alamat nahas akan tiba.

Begitulah nasib PKMM hingga beberapa lama sesetengahnya hingga ke akhir hayat barulah tamat sandiwara hidup.

Negara Merdeka

Anak-anak Merdeka dan ceritanya
yang berumur 40 tahun ke bawah tak tahu cerita ini
ini cerita 40 tahun yang silam
mereka tak tahu PKMM
mereka tak tahu apa itu Malayan Union
mereka tak tahu apa itu Federation of Malaya
apa lagi cerita Fededated Malay States
juga Straits Settlement
Mereka tidak mendengar cerita khemah tahanan
khemah tahanan untuk pejuang kemerdekaan
mereka tidak mendengar cerita
PKMM bercerai dengan anak dengan isteri
mereka tidak tahu PKMM dipulau masyarakat
mereka jahil sejarah tanah air
sejarah yang belum sampai setengah abad
tetapi bagaimana mereka nak tahu
kerana tak ada dalam buku-buku sekolah
tak ada tercatat dalam sejarah
baik buku sejarah menengah atau pengajian tinggi
penulis buku sejarah sekolah tak tahu cerita ini
itulah anak Merdeka.

Untuk mencapai Kemerdekaan bukanlah mudah
tidak semudah mengupas pisang masak
tidak juga kerana nasib
atau laksana kena loteri
baik pun yang pipih datang melayang
yang bulat datang bergolek.

Tetapi dengan perjuangan
berjuang apa saja yang boleh
berkorban apa yang ada
itu pun belum tahu apa hasilnya.

Belum pernah dalam sejarah
 Inggeris memberi kemerdekaan tanah jajahannya
 kerana kesihankan anak jajahannya
 kerana anak jajahannya menderita sengsara
 kerana sukarela, kerana persahabatan dan ... dan ...
 tetapi kerana takut tumpah baik teleng
Something is better than nothing.

Aduh! Ramainya orang menari di hadapan orang buta
 berceritakan sejarah tetapi bukan mengukir sejarah.

Anak-anak Merdeka memang Merdeka
 masing-masing dengan gaya dan cara.

Pada waktu pagi meluncur kereta-kereta besar
 ke pejabat tempat mereka bekerja
 sebagai pengganti tempat tuan-tuan Inggeris dahulu.

Segak, lawa, tampan dan ada gaya
 berjalannya, duduknya, bercakapnya, ketawanya
 benar-benar berlagak orang Merdeka
 Kebanyakannya lulus universiti seberang laut
 USA, West Germany, New Zealand, Kanada
 Cairo, UK, Australia, ah, ke serata alam
 kecuali Peking, Moscow, Poland, Romania, Czechoslovakia
 ini tanah puaka.

Tiap-tiap orang berjalan membawa bundut
 berbundut ke hulu berbundut ke hilir
 lelaki perempuan sama saja
 orang besar bawa bundut besar
 orang kecil bawa bundut kecil
 bentuk bundut juga berbeza.

Ada yang panjang ada yang pendek
 Ada yang kecil ada yang besar
 Ada yang bulat ada yang pipih
 Ada yang dijinjing ada yang disandang
 Ada yang dikepit ada yang dikelek
 Ada yang diheret ada yang ditolak.

Di jari tangan juga begitu
 masing-masing ada anak kunci

ada kunci kereta, ada kunci motor
 ada kunci rumah, ada kunci bilik
 ada *handphone* yang kecil juga ada yang besar
 Huh, macam-macam perangai.

Suatu pagi aku berdiri di tepi jalan
 hendak menyeberang menunggu bas
 anak-anak Merdeka lewat satu demi satu
 dengan kereta-kereta besarnya
 Ah, ini orang tua mana pula, kata suami
 Oh, mungkin dia pengemis sekala, bang, jawab isteri
 isteri yang duduk di sebelah berupa mencemek dan perlu
 tanda jijik dan menghina.

Manakala muda-mudinya pula
 yang gagal persekolahan
 berdedai menuju kilang di waktu pagi
 gadis-gadisnya comel-comel belaka
 terunanya pula segak-segak juga
 Tetapi sayang ada pula yang kurang sopan
 itulah muda-mudi Merdeka.

Di kota-kota besar, anak-anak Merdeka riuh rendah
 di kelab-kelab malam, di disko dan di mana saja
 hingga jam 2.00 pagi baru pulang
 menghambur wang dengan tak terhingga
 seronok, *enjoy, happy*
 begitulah perangai anak-anak Merdeka.

Anak-anak Merdeka memang hidup maju
 rata-rata punya motokar dan rumah batu
 alamat, nama jalan, nombor rumah belum cukup lengkap
 tetapi ditambah dengan nombor telefon rumah atau pejabat
 Ya, *you* boleh *contact I any time*
 kalau *I* tak ada atau *out station*
 tanya *servant I* dia tahu.

Kadang-kadang di waktu malam
 Ring! Ring! Ring! Telefon *call* dari *oversea*
 Yes, *speaking!*
 Hello *speaking!*
 Hey, *who's that speaking please?*

*I... from Toronto, Kanada
Oh, I see, good evening! Thank you very much
How there?
Just so so, ha, ha, ha*

Siapa tu bang, tanya isteri
classmate abang dulu
dia menyambung pelajarannya ke Kanada
Abang cuma ke UK saja
Dia mengambil apa bang? lagi tanya isteri
Entah, katanya mengambil PhD. entah ya entah tidak.
Well done! Well done!!! jawab isteri.

Soal pakaian begitu juga
yang mana lelaki yang mana perempuan, payah nak kenal
berambu-rambu berumbai-rumbai
berbelang di sana bertompok di sini.

Baju lelaki belah hadapan nampak dada
kain perempuan belah belakang nampak paha.

Ada suami memakai *Complete Suit*
bertali leher berbaju *coat*
isterinya dedah belakang dedah lutut
ada juga suami berseluar pendek dan baju T
Si isteri berpakaian labuh bertudung lingkup
yang berserban begitu juga
yang mana haji yang mana bukan
macam-macam fesyen
pakai apa saja tak ada orang nak kata.

Rumah anak-anak Merdeka juga berbeza
perhiasan di sini, perhiasan di situ
dinding yang lebar dilukis gambar pemandangan
meja di sana, almari di sini
pasu bunga disusun tiap-tiap ceruk rumah
yang bergantung lain pula, terlupa berjalan kena kepala
cantik, menarik, selesa, puas
cukup mudah hidup, rezeki melimpah-ruah
malangnya tiada orang bertanya, siapa mengisi khemah tahanan.

Mengapa mereka ditahan dulu?
Berapa lamakah orang-orang tahanan itu ditahan?

yang tahu *ignored* saja
yang tak tahu memang tak tahu.

Tentang bahasa apa kurangnya
di akhbar, buku-buku sekolah, majalah
dan apa saja jenis percetakan
bahasa Melayu kahwin bahasa Inggeris
Bahasa Melayu bukan bahasa Inggeris pun bukan
itulah dia bahasa Malaysia
entah siapalah yang empunya idea.

Inggeris hendak menginggeriskan Melayu
anak merdeka hendak memelayukan bahasa Inggeris
pelik juga tu.

Pejuang bahasa kita tak kurang juga
dari dahulu sampai sekarang
PKMM berjuang menghalau penjajah
ahli bahasa berjuang menyerapkan bahasa penjajah
bahasanya lebih kurang begini
Situation, Englishnya, situasi – Melayunya
Operation, operasi – Melayunya
System, sistem – Melayunya
Activity, aktiviti
dan entah berapa lagi perkataan yang sedang
diterapkan dan mungkin akan diterapkan lagi.

Anak-anak Merdeka yang kurang tahu Inggeris
menyangka itulah bahasanya
tetapi bahasa ini tidak difahami
oleh orang-orang tua kampung
orang-orang tua kampung terpinga-pinga
ini bahasa apa?
mereka menyangka mungkin bahasa Korea atau bahasa Rusia
begitulah nasib bahasa Melayu
pusaka nenek moyang kita dahulu
bahasa Melayu yang begitu cantik dan
penuh bersastera, datang anak-anak Merdeka
dikahwinkan mereka dengan bahasa Inggeris
jadi cacamerba.

Ada yang paling menarik lagi kerja anak Merdeka

kepit fail mundur-mandir dalam kota
gantung buah petai di leher
duduk kedai kopi sembang satu dua jam
minum secawan kopi belum tahu siapa bayar
siapa tak senang dia bayar dulu.

Dalam fail?

Musim tanah lombong dia minta tanah lombong
musim batu besi dia minta tanah batu besi
musim kayu balak dia minta *compartment*
musim perumahan, dia minta tanah untuk perumahan.

Dalam fail penuh dengan kertas kosong
campur kertas pelan dan dokumen
pelan tanah lombong
pelan tanah hutan dara
pelan tapak perumahan
campur surat permohonan
ada jawapan *acknowledgment*, KIV dan macam-macam lagi
jawapan itu tidak penting, yang penting pelan.

Profesor putar alam memang bijak
dia bijak bercakap
siapa yang bersua dia akan terkena.

Maka ramailah orang yang terperangkap
siapa hendak tengok tanah, hutan, tapak perumahan
boleh tiada pantang
tapi kalau ada selera tunggu dahulu
cari dulu ongkos untuk pembuka mulut.

Profesor jeling saja
kalau besar saudagarnya, besar pula ongkosnya
ongkos pembuka mulut
seribu dollar boleh, dua ribu boleh juga
sampai sepuluh ribu lagi baik
"Ini semua wang hangus," kata profesor.

Kalau takdir permohonan lulus
jadilah pucuk dicita ulam mendatang
surprise millionaire sudah terbayang
keuntungan sudah boleh dibilang
20 peratus daripada *income* aku punya

tengok saudagar itu datang
 kalau lemah boleh tekan lebih sikit
 lagi lemah boleh tekan sampai tiga puluh peratus.

Apabila keuntungan sudah terbayang
 kepala sudah mula memilih jenis motokar
 rumah batu dua tingkat
 dan bermacam kemewahan lagi.

Mudah, senang dan cepat
 jangan bersekolah tinggi lagi
 SRP pun kalau ada sudah terlalu tinggi
 takkanlah mengira dua puluh peratus pun hendak lulus SRP juga
 tiap-tiap keuntungan seribu cabut dua puluh peratus ertinya dua puluh
 peratus
 cuma yang perlu gaya dan pandai bercakap.

Gara-gara dari teori profesor putar alam
 ramai yang menjadi *surprise millionaire*
 tetapi tak seramai yang menjadi *absent-minded*.

Memanglah apabila hajat tak sampai ramai orang merepek
 yang jauh dikata dekat, yang hitam dikata putih
 yang buruk dikata elok, yang busuk dikata wangi
 yang haram dikata halal, yang wajib dikata sunat.

Orang yang banyak wang lain pula kerjanya
 mereka main pasar saham (*share market*)
 lagi senang lagi mudah
 kadang-kadang dalam masa 24 jam boleh untung
 untung sekali ganda
 banyak saham banyak untung sikit saham sikit untung
 kalau silap beli ada yang jatuh terjunam
 kejatuhan banyak sebab
 kadang-kadang sebab dalam negeri
 kalau politik kacau saham jatuh juga.

Kaum guru lagi aman
 dalam setahun ada tiga kali cuti panjang
 murid lulus tak lulus belakang kira
 yang perlu ringkasan mengajar
 cukup bulan pergi bank ada gaji.

Tiap-tiap guru pakai motokar
tidak kira lelaki, tidak kira perempuan
gaji sama saja kalau serupa kelulusan
sama cekap, sama cergas dan sama pintar.

Ahli perniagaan lain pula ceritanya
naik kapal terbang, turun kapal terbang
pergi minum di Kuala Lumpur
tengah hari makan di Bangkok
kemudian berpatah pula ke Jakarta
besok sudah berada di Australia.

Ada pula yang pergi ke Hong Kong
terus ke Tokyo, Manila
dan lantas menyeberang ke Amerika.

Yang terus ke Eropah tak kurang juga
mula-mula bertapak di London
kemudian baru merayau
tujuan mencari pasaran.

Soal perumahan lain pula halnya
Ada yang membeli rumah berderet
Ada yang membeli rumah kembar
Ada pula yang mendirikan rumah sendiri.

Aduh! Tersergam laksana anak istana
berbilik di sana berbilik di sini
bilik tidur entah berapa
bilik mandi juga begitu
ground floornya lengkap dengan perhiasan
top floornya juga serupa sahaja.

Lebih hebat dari rumah pegawai Inggeris
semasa Inggeris memerintah Malaya.

Lengkap dengan bilik makan
bilik tetamu pula disediakan juga
Tak cukup dengan kipas angin
dipasang pula dengan *air-condition*.

Orang-orang ini sudah tidak kenal kayu api yang ada ialah dapur *current* dapur gas, itu saja bersih, dapurinya cukup bersih di samping meja makan dengan kerusi empuknya cukup selesa, cukup nikmat, huh! Apa lagi? Kadang-kadang aku tertanya kepada diriku dari manakah anak-anak Merdeka mendapat wang wang yang sebesar itu jumlahnya Dari nilai 25 hingga 250 ribu sebuah? Dibayar dengan sekali gus sedangkan tuan punya rumah itu hanya baharu berumur di antara 35-50 tahun.

Mungkinkah rata-rata mereka kena loteri? Tak mungkin tetapi itulah kenyataan.

Allah hendak memberi rezeki kepada siapa saja tidak mustahil malah lebih dari itu.

Yang nyata sekali semasa anak-anak ini tidak berjumpa anak-anak jajahan hidup penuh menderita Inilah nasib anak-anak Merdeka anak-anak yang dilahirkan setelah negara Merdeka rezeki melimpah-ruah Anak-anak Merdeka tak pernah memikirkan beras tiada gula tiada, bagaimana untuk mendapatkannya anak-anak Merdeka tak tahu membeli beras secupak membeli beras dua cupak beli gula setengah kati, huh, hebat!!!

Tentang agama lain pula halnya masjid, surau, banyak di sana sini tapi orang sembahyang kurang.

Ada yang sembahyang lima kali sehari ada yang sekali atau dua sahaja ada yang seminggu sekali ada yang sebulan pun

yang paling senang setahun dua kali
Tetapi Islam, Islam juga.

Yang tak tahu sembahyang pun ramai juga
orang berdiri dia berdiri
orang rukuk dia rukuk
orang sujud dia sujud
tetapi orang membaca dengan suara
dia baca dengan hati, *carry on as you like!*

Yang kasihannya ramai tak tahu jawi
belajar sembahyang dengan huruf a, b, c
membaca Quran jauh sekali
tak tahulah apa nak jadi.

Yang pakar membaca Quran ada juga
betul makhraj betul tajwid
cukup dengan lagunya sekali
kadang-kadang dia juga pakar menyanyi
lagu asli ataupun tak asli.

Yang pandai melawak atau kelakar jadi pujaan
ke mana pergi namanya jadi sebutan
sama tarafnya dengan pelakon dan penyanyi
wang banyak kerja senang
sampai martabat artis terbilang
tapi tak semuanya sampai ke Seniman Agung Negara.

Soal permainan pun tidak ketinggalan
bola, hoki, badminton dan apa saja
kalau pandai, lawan keluar negeri
Eropah, Amerika, Australia, Asia biasa saja
tambang percuma, makan percuma dan tidur percuma
kalah menang lain kira
wang dapat, nama besar, hati gembira
itulah amalan anak Merdeka.

Anak-anak Merdeka memang seronok
teruna dara bercampur gaul tidak berpantang
Pagi petang siang malam sama sahaja
di perhimpunan, di sekolah, di universiti
di pejabat, di restoran, di kelab dan di mana saja

tiada segan silu sama ada lelaki mahupun perempuan
alah bisa tegal biasa, lulus jarum lulus kelendan.

Yang berjawatan tinggi begitu pula
Suami berjawatan tinggi isteri berjawatan tinggi
Pagi-pagi isteri menuju ke selatan dengan keretanya
Suami pergi ke utara dengan keretanya pula
Malam nanti baru bersua semula
Anak di rumah ada orang gaji
Apabila *weekend* baru *enjoy* bersama.

Ada pula yang suami bekerja isteri tidak
Isteri mengemas rumah dan mendidik anak
Cara begini kurang *standard*
kerana pendapatan kurang lumayan
isteri juga berasa kurang senang
wang gaji semua suami yang pegang.

Tak kurang juga yang terbalik kuang
isteri bekerja di pejabat suami menjaga anak di rumah
suami memasak, suami membasuh pakaian
Hai, macam-macam teori hidup anak Merdeka
Teori moden yang baru dicipta
pada zaman masyarakat sains dan teknologi.

Berbeza dengan kehidupan PKMM dulu
dulu kami hidup secara kolot
berjuang untuk menuntut kemerdekaan pun secara kolot juga.

Masa itu tiada TV tiada komputer
tiada *trunk call* tiada teleks
tiada Boeng 737 tiada Concord
tiada Mercedes tiada Volvo
Mazda, Datsun, Mitsubishi, tak dengar nama
juga Kawasaki, Honda, Suzuki entah di mana.

Dalam negara Merdeka ini
hampir tiap-tiap orang dewasa ada lesen memandu
boleh pandu apa saja jenis kenderaan berjentera
berbeza dengan masyarakat anak jajahan
mungkin tiap-tiap 500 orang, punya lesen seorang sahaja.

Dalam negara Merdeka ini hidup cukup *enjoy*
Kalau akulah menjadi anak Merdeka
alangkah bahagianya aku.

Tetapi tidak
aku ditakdirkan lahir di zaman penjajah
aku dilahirkan hanya untuk berjuang
berjuang menentang penjajah
yang berakhir ke *lock-up*, singgah di penjara
dan akhirnya menjadi penghuni khemah tahanan
juga rakan yang seperjuangan denganku.

Begitulah halnya perjuangan anak jajahan
anak jajahan menentang penjajah
anak-anak jajahan anak-anak kerdil
anak-anak tertindas, anak-anak tak bermaya
tetapi kami punya tekad yang satu iaitu
Merdeka, Merdeka, Merdeka
mahu Merdeka juga.

Aku tidak menyindir tidak juga menghina
bukan juga siapa yang makan lada dia terasa pedas
baik yang dahulu mahupun sekarang
tetapi inilah berita, cerita dan peristiwa
peristiwa yang telah berlalu 40 tahun dahulu.

Kalau ada anak-anak *reactioner* dahulu
jangan lekas tersinggung, jangan berasa malu
jangan lekas mengutuk, juga jangan berasa kesal
tetapi serahkan saja kepada takdir
sebagaimana aku menyerahkan kepada takdir
hidup sepanjang zaman
ditentang arus menyongsang.

Kerja kita menolong
menolong manusia, menolong binatang dan
menolong apa saja yang perlu ditolong
Kalau tak sanggup menolong, tak apa lagi
tetapi jangan pula menindas, memeras dan menekan.

Perkara yang telah berlaku menjadi contoh
kepada orang yang bijak bistari.

Untukmu Anak Merdeka

Di akhir kalam aku bermadah
kepada anak-anakku,
cucu-cucuku dan keturunanku
ingatlah kamu sekalian!
Kalau kamu kaya-raya
jangan sombong jangan bongkak
jangan ingke jangan bangga.

Kalau kamu papa kedana
jangan menadah tangan meminta-minta
adat dunia memang begitu
miskin kaya silih berganti.

Dunia lapang dijadikan Tuhan
ke mana kita pergi di situ dunia Allah SWT belaka
apabila kaya ataupun miskin
serah diri kepada Allah SWT
Allah SWT saja tempat mengadu
Allah SWT saja yang kekal abadi
yang lain akan hancur luluh
akan lenyap ranap
dan akan jadi fatamorgana
17 April 1947 aku ditahan kali pertama
di markas kawasan Jalan Tunku Ahmad, Segamat
siangnya namaku tersiar dalam berita *Utusan Melayu*
aku akan berada di Segamat pada malamnya
dalam rangka lawatan ke seluruh daerah.

Tepat jam 12.30 malamnya sesudah kami mesyuarat
tiba-tiba OCPD Segamat datang membawa *warrant*
untuk menangkapku, OCPD orang putih
aku baharu hendak rehat
aku ikut OCPD ke *police station*
naik motokar Ford V8nya diiringi oleh
tiga orang mata-mata Melayu.

Selama 58 jam aku berehat di *lock-up* Segamat
 baharu dibawa ke mahkamah
 Hakim tanya mengaku salah atau hendak bicara?
 Kujawab, bicara
 tiga bulan bicara tiap-tiap dua minggu sekali
 Tuduhan bawah Section 506 Criminal Intimidation
 Akhir bicara Hakim kata
 "This case is NOD. None offesee discovery" (Tak jumpa salah)
 Aku bebas tanpa syarat
 22 September 1948 baru ditangkap sekali lagi
 ditangkap di bawah Undang-undang Darurat
 ditahan hingga akhir tahun 1955.

Jangan biasa termakan budi
 nanti budi tidak terbayar
 hutang emas boleh dibayar
 hutang budi dibawa mati.

Aku menghirup udara Merdeka bukan percuma
 aku bayar dengan perjuangan
 aku bayar dengan penuh penderitaan.

Empat tahun aku berjuang
 rata-rata saban minggu
 berdebat dengan pegawai penjajah
 rata-rata tak ada seminggu di rumah dalam sebulan
 masakku habis ke seluruh negeri
 ke seluruh daerah negeri Johor
 siang *meeting* ahli jawatankuasa, malam rapat umum
 malam *meeting* ahli jawatankuasa, malam rapat umum
 malam *meeting* ahli jawatankuasa, siang rapat umum
 itulah kerja sepanjang masa
 Makan tak tentu masa, tidur pun begitu juga
 1946 aku baharu berumur 23 tahun
 Tujuh tahun aku ditahan
 apabila bebas laksana kucing berakkan rambut.

Penjajah datang menangkap aku
 kamu dalam buaian
 baharu berumur tiga bulan
 aku sedang mendendangkan kamu
 dengan lagu 'darah rakyat'
 menyuruh kamu tidur

kakakmu baharu berumur 18 bulan
menangis hendak mengikut sama
dia menyangka kawanku datang
mengajak pergi bersyarah.

Dia tidak tahu, kamu tidak tahu, ibumu
juga tidak tahu dan aku pun tidak tahu
bahawa itulah hari perpisahan terakhir
antara kita sekeluarga
Berpisah tanpa sebab, bergaduh tidak
bermasam muka pun tidak
tetapi itulah takdir, Allah SWT yang tahu hikmatnya.

Apabila bebas, pada 1956
aku menjadi *Secretary* PSMS
Persatuan Sosial Melayu, Singapura
Pada 1961 aku menjadi
Presiden Parti Rakyat Malaya Perak
hingga tahun Konfrontasi Indonesia
1978 aku menjadi YDP
(Yang Dipertua Pas Kawasan Kinta).

Tahun 1986 aku dipilih menjadi
calon Parlimen kawasan
Gopeng atas tiket PAS
Aku terus menjadi YDP kawasan
Gopeng hingga buku ini siap
ditulis
Akan datang Allah SWT yang tahu
Dalam tahun-tahun yang sama
aku menjadi ahli jawatankuasa PUSPA
(Persatuan Persuratan Anak-anak Perak).

Ini bukan cerita rekaan
Tidak juga cerita dongeng, tetapi inilah kenyataan
Inilah sejarah hidup bapamu
Sejarah perjuanganku menentang penjajah
Masing-masing dengan tugas dan peranannya
1946, 47, 48
aku menjadi Vince Presiden Malay Nationalist Party
Johor State
merangkap Chairman Board, Johore State

Federation of Trade Union
Aku juga menjadi ahli jawatankuasa
MATA (Majlis Islam Tertinggi)
Johor.

Akhir Kalam

Wahai anak cucuku dan segala keturunanku!
Ambillah ini sebagai tauladan
Jangan sekali-kali mendirikan mahligai di atas pusara
orang lain
Jangan! Jangan!
Ditakuti kamu tidak selamat
tidak selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT:

Sesiapa yang melakukan kebajikan maka itu adalah untuk dirinya
dan sesiapa yang melakukan kejahatan maka itu adalah terserah
kepadanya. Allah SWT yang lebih mengetahui.

Indeks

- Abdullah C.D. 24, 40, 69
Abdul Majid Salleh
arena politik 109
bebas dari tahanan 110
berjumpa Dr. Burhanuddin 25
berjumpa engineer 49
berjumpa pengurus estet 48
di Kelantan dan Terengganu 112
ditahan 16
kelulusan 60
ketua JSFTU 48
masuk PAS 112
mengelilingi Malaya 93
menangis 27
pergi ke Pagoh 51
pulang ke kampung 71
puisi
Akhir Kalam 177
Bermulanya Detik Perjuangan
131
Khemah Tahanan 149
Negara Merdeka 161
Parti Kebangsaan Melayu
Malaya 121
Undang-undang Darurat Di-
isytiharkan 145
Untukmu Anak Merdeka 173
Zaman Wang Pokok Pisang 126
Abu Bakar al-Baqir 56-57
Additional Police 92
Ahmad Boestamam 22, 70
Aishah Ghani 32
All Malayan Council of Joint Action
(AMCJA) 72
anak Merdeka 13, 121
Angkatan Pemuda Insaf (API) 33-36,
76
Angkatan Wanita Sedar (AWAS) 39
Ariffin Ishak 56
Arshad Ali 22
Aziz Hamidy 32, 64, 69, 83
Bahar Obit 62, 63
Bank Parti Kebangsaan Melayu
Malaya 89
Bintang Tiga 107
British High Commissioner 58, 60
British Military Administration (BMA)
72
Chairil Anuwar 36
Che' Abdullah Haji Taib 56, 59
Chiang Kai Shek 105, 108
Dahari Ali 22
Darurat 88
Dato' Bahaman 68
Dato' Onn Jaafar 77, 83-84, 87
De Cruz 70
Democrat Daily News 70
Dr. Burhanuddin al-Helmy
berjumpa Nehru dan Ong Sang 24
kebolehan 24-26
menangis 65
Dr. Hamzah 26, 56, 59
Dr. Hatta 36
Dr. Mahathir 84
Dr. Siti Hasmah 84
Dunia Baru 66, 69
Dunlop Estate 43
evolusi 78
Federation of Malaya 61, 72-73, 75
gerakan buruh
gerakan buruh Malaya 41
gerakan buruh Singapura 63
buruh estet 44-45
buruh maut 92
ketua buruh negeri 42
Ghani A. K. 36
Haji Agoes Salim 36
Hamid Abdul (Shahrir Malaya) 32, 64

- Harun Aminurrashid 28
 Hamzah Mansor 109-110
 Hizbul Muslimin 87
- Ibrahim Karim 34
 Ibrahim Yaacob 28
 Ibu Zain Sulaiman 24-25
 iktiqad Qadariah 76
 Imam Perang Jabarumum 103
 Independent Malaya Party (IMP)
 83-84
 Indonesia 14, 19, 36
 ingke 96
 Inspektor Mansor 110
 International Labour Organisation
 (ILO) 41
 Ishak Haji Muhammad (Isako) 27-28,
 61, 65
 Ismail Haji Qoli 21-22
- Jamil Sulaiman 56, 59, 111
 Jepun 93, 110
 John Eber 35
 Johor South Federation of Trade
 Union (JSFTU) 42, 48, 71
 Judin 64
 junsu 91
- Kak Midah 67
 Kamaluddin Muhammad (Keris Mas)
 64
 kapitalis 43, 68, 85, 104
 Karim Zafir 111
 kempeitai 91
 Kesatuan Kaum Buruh Negeri Johor
lihat Johor South Federation of
 Trade Union
 Kesatuan Melayu Muda (KMM) 28
 Kesatuan Rakyat Indonesia
 Semenanjung (KRIS) 83
 Komunis 23, 75-76, 85, 107
- labour controller 52
 Lau Pak Kuan 108
 Lebanon 117
 Lee Kuan Yew 67
 Lim Chin Siang 67
- Majlis Islam Tertinggi 56-57, 87
 Malayan Chinese Association (MCA)
 108
- Malayan Communist Party (MCP)
lihat Parti Komunis Malaya
 Malayan People Anti Japanese Army
 (MPAJA) 58
 Malayan Union 57-58, 71, 75, 60
 Malay Nationalist Party (MNP)
lihat Parti Kebangsaan Melayu
 Malaya
 Mao Tze Dong 105, 108
 Mat Haji Rahim 23, 56, 59
 Mat Rahman 64
 Mesir 116
 mogok umum 71
 Mohammad Swito 21, 22
 Mokhtaruddin Lasso 22
 Morib Rehabilitation Camp (Kem
 Pemulihan Morib) 88
 Mr. Aspro (Mohamad Nor Shukor) 68
 Musa Ahmad 22
 Mustaza 32
- Narayanan P. P. 63
 National Union of Plantation Workers
 (NUPW) 63
- Ong Sang 24
 orang Melayu 37, 98, 100
 Osman Abadi 67
 Osman Bulon 34, 64
 Osman Kalam 114
- Pak Sako
lihat Ishak Haji Muhammad
 Pak Shukor (Abdul Shukor) 89
 Pahang 102
 Pan Malayan Federation of Trade
 Union (PMFTU) 40, 62
 Parreira N. R. 62
 Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 (PKMM) 121
 ahli jawatankuasa 21
 cawangan 22-23
 ditubuhkan 74
 ibu pejabat 28
 ibu pejabat negeri 42
 kongres terakhir 64
 menentang Malayan Union 58
 organisasi 31
 perjuangan 115
 perjumpaan di Town Hall 60

- Seksi Agama 56
 Seksi Buruh 40
 Seksi Pemuda 33
 Seksi Tani 54
 Seksi Wanita 39
 Pencinta Tanah Air (PETA) 35
 peniaga Melayu 94
 People's Action Party (PAP) 67
 Perang Dunia Kedua 96
 perayaan May Day 46, 47, 60
 Persatuan Sosial Melayu Singapura (PSMS) 111
 Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)
 lihat United Malay National Organisation
Plopor 66, 96
 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) 72
 Pesuruhjaya Tinggi British
 lihat British High Commissioner

 Rahman Rahim 22
 Rahman Talib 64
 Raja-raja Melayu 71
 Rakyat Trading 21
 Rashid Maidin 69
 revolusi 78
Revolusi Mental 101

 Salleh Nakhoda Hitam 22
 Samad Ismail 66
 Sardon Jubir 77
 Sariah Jalil 39
 SEBERKAS 76
 Selangor 102
 Shaharuddin Dahlan 102
 Shamsiah Fakeh 39
 Shamsuddin Salleh 28, 53, 57, 61, 65,
 70

shipping workers 42
 Singapore Telephone Board (STB) 62-63
 Singapore Traction Company (STC) 63
 Soekarno 36
 sosialis 85-86, 104
 South Johore Bus 52
Special Constable (SC) 91
Suara Rakyat 21, 66, 68
 Sultan Johor 58, 59
Suluh Malaya 66, 68
 Syarikat Kerjasama 54-55
 Syed Idrus 56

 tentera semut 19
 tentera wanita 19
 Tun Abdul Razak 84
 Tun Hussein Onn 84
 Tun Tan Cheng Lock 72
 Tun Tan Siew Sin 72
 Tunku Abdul Rahman 84, 108

 Ungku Abdullah Omar 56-57, 59
 United Malay National Organisation (UMNO) 30, 74, 78, 89-83, 115-116
Utusan Melayu 66

 Wahi Anuar 35
Week Ender 116
 World Federation of Trade Union (WFTU) 40-41
World Trade Union Bulletin 40
 World Youth League 35

 Yaacob Mohamad 67
 Yahya Nasim 32
 Yussuf Pral 114